

NOTA LENGKAP KOMSAS

ANTOLOGI “BAIK BUDI, INDAH BAHASA”



UNIT 1: Puisi Tradisional

1. Pantun Alam Remaja

Maksud

Rangkap 1

Anak-anak akan berasa sangat gembira sewaktu menyambut kepulangan ibu ke rumah.

Rangkap 2

Ketakutan dan kerisauan anak-anak sewaktu ketiadaan ibu akan hilang apabila melihat ibu pulang ke rumah.

Rangkap 3

Anak-anak akan berasa sangat gembira jika ibu cepat pulang ke rumah.

Rangkap 4

Adik-beradik menyanyikan sebarang lagu bersama-sama.

Rangkap 5

Kepulangan ayah dan ibu ke rumah merupakan detik yang paling menggembirakan anak-anak.

Rangkap 6

Pemberian atau hadiah daripada ibu bapa membuatkan anak-anak berasa gembira.

Rangkap 7

Ibu bapa tidak sewajarnya memarahi anak-anak yang gemar berpantun kerana anak-anak yang masih kecil biasanya manja.

Tema

Kegembiraan anak-anak sewaktu menyambut kepulangan ibu bapa mereka ke rumah.

Persoalan

- Tanggungjawab ibu bapa ialah memberikan kasih sayang dan kebahagiaan kepada anak-anak.
- Pemberian hadiah dapat menggembirakan hati seseorang.
- Anak-anak sentiasa cemas dan risau sewaktu ketiadaan ibu bapa di rumah.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- Terdiri daripada tujuh rangkap.
- Berisi empat baris setiap rangkap.
- Ada pembayangan dan maksudnya.
- Bilangan katanya tiga hingga lima patah kata sebaris.
- Terdiri daripada sembilan hingga sepuluh suku kata sebaris.
- Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Imej alam. Contohnya, *itik; kumpai; ayam kinantan; ranting; rumput*.
- Peribahasa. Contohnya, *besar hati*.
- Inversi. Contohnya, *Elok rupanya kumbang jati; Sebarang tari kita tarikan; Sebarang nyanyi kita nyanyikan*.
- Asonansi. Contohnya, *Tidak terkatakan besar hati (perulangan vokal a)*.
- Aliterasi. Contohnya, *Hanyut batang berlilit kumpai (perulangan konsonan b)*.
- Rima akhirnya sama, iaitu *abab* kecuali rangkap kedua rima akhirnya *aaaa*.

Nilai

- Kasih sayang.
- Tanggungjawab.
- Baik hati.
- Hormat-menghormati.

Pengajaran

- Kita mestilah menyayangi anak-anak.
- Kita mestilah bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak.
- Kita haruslah bersikap pemurah untuk mengukuhkan ikatan antara anggota keluarga.
- Kita haruslah menghormati ibu bapa.

2. Pantun Kiasan

Maksud

Rangkap 1

Perbuatan membazir merupakan amalan yang merugikan.

Rangkap 2

Orang yang merantau selalunya akan merendah diri apabila berada di tempat orang.

Rangkap 3

Sebelum menginginkan sesuatu yang mustahil, ketahuilah tahap kemampuan dan kebolehan diri kita lebih dahulu.

Rangkap 4

Jangan mengharapkan sesuatu yang belum pasti.

Rangkap 5

Sikap seseorang yang sombong akan kebolehan diri serta memandang rendah terhadap orang lain.

Rangkap 6

Jangan suka membesar-besarkan kejayaan yang tidak seberapa.

Rangkap 7

Pendirian manusia sering berubah-ubah.

Rangkap 8

Perasaan marah akan segera hilang dengan adanya nilai kesabaran dalam diri.

Rangkap 9

Orang yang merantau akhirnya akan kembali ke tempat asalnya semula.

Rangkap 10

Setiap perkara yang berlaku dan diperkatakan orang tentu ada sebabnya.

Rangkap 11

Menginginkan sesuatu yang besar tetapi tidak mempunyai keupayaan.

Rangkap 12

Jika pengetahuan hanya sedikit, janganlah hendak melawan orang yang lebih banyak pengetahuannya.

Rangkap 13

Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperolehi.

Rangkap 14

Sedangkan waktu muda sudah malas, apatah lagi waktu tua; sedangkan waktu makmur tidak senang, apatah lagi waktu susah.

Rangkap 15

Seseorang yang inginkan sesuatu di luar kemampuannya.

Rangkap 16

Orang yang melakukan dosa tetapi sudah terlambat untuk bertaubat.

Rangkap 17

Orang yang mempunyai paras rupa yang elok tetapi tidak berbudi bahasa.

Tema

Sindiran terhadap segelintir anggota masyarakat yang mengamalkan sikap negatif sehingga menjejaskan kehidupan sendiri dan orang lain.

Persoalan

- Sikap membazir sangat tidak digalakkan dalam kalangan masyarakat.
- Sikap rendah diri dalam kalangan perantau apabila berada di tempat orang.
- Sifat segelintir manusia yang mengharapkan sesuatu di luar kemampuan diri.
- Sifat sombong dan bangga diri akan membawa kecelakaan kepada diri sendiri.
- Sifat sabar dan pemaaf akan dapat melenyapkan kemarahan.
- Sifat malas yang bermula sejak kecil akan sukar diubah apabila sudah dewasa.
- Paras rupa yang elok tidak berharga jika tidak berbudi bahasa.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- Terdiri daripada tujuh belas rangkap.

- (b) Berisi empat baris setiap rangkap.
- (c) Ada pembayang dan maksudnya.
- (d) Bilangan katanya tiga hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lapan hingga sebelas suku kata sebaris.
- (f) Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Imej alam. Contohnya, *ikan; buah bacang; burung dekut; gelam; kenanga; kumbang; bunga; gunung; pokok terap; bukit; guruh; langit; kilat; hujan; bayam; sayur; sungai.*
- (b) Peribahasa. Contohnya, *jangan diikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung; masakan tempua bersarang rendah; kalau kail panjang sejengkal, usah lautan hendak diduga;*
- (c) Repetisi. Contohnya, *Tikar pucuk tikar mengkuang.*
- (d) Simile. Contohnya, *Macam melukut di tepi gantang; Laksana gadis Menteri Bogor; Sungguh laksana bunga dedap.*
- (e) Personifikasi. Contohnya, *nyawa menangis di pintu kubur.*
- (f) Asonansi. Contohnya, *Sangkut terendak dekat beranda* (perulangan vokal e)
- (g) Aliterasi. Contohnya, *Hajat hati nak peluk gunung* (perulangan konsonan h).
- (h) Rima akhirnya sama, iaitu *abab*.

Nilai

- (a) Jimat cermat.
- (b) Rendah diri.
- (c) Rasional.
- (d) Keberanian.
- (e) Kesabaran.
- (f) Kerajinan.
- (g) Budi bahasa.
- (h) Keinsafan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan pembaziran.
- (b) Kita perlulah merendah diri apabila berada di tempat orang.
- (c) Kita janganlah terlalu mengharapkan perkara yang belum pasti menjadi milik kita.
- (d) Kita mestilah banyak bersabar untuk melenyapkan kemarahan dalam diri.
- (e) Kita perlulah menghindarkan diri daripada bersikap malas sejak kecil lagi.

3. Pantun Budi

Maksud

Rangkap 1

Budi yang baik akan sentiasa dikenang dan menjadi sebutan orang.

Rangkap 2

Orang yang baik mempunyai budi bahasa yang tinggi.

Rangkap 3

Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.

Rangkap 4

Sudah menjadi lumrah dalam hidup, kekayaan lebih diutamakan daripada budi bahasa.

Rangkap 5

Biarlah kita hidup miskin asalkan kita sentiasa berbudi bahasa.

Rangkap 6

Orang yang berbudi akan dipandang mulia, martabat bangsa dinilai dari segi bahasa dan tutur kata.

Rangkap 7

Orang yang bijak akan kelihatan lebih hebat jika bersama-sama dengan orang yang sama tarafnya.

Tema

Masyarakat yang berbudi bahasa akan dipandang tinggi kerana bahasa menunjukkan identiti sesuatu bangsa.

Persoalan

- (a) Orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina.
- (b) Sikap mementingkan kekayaan menyebabkan seseorang lupa akan budi bahasa.
- (c) Masyarakat Melayu amat mementingkan budi bahasa dan tutur kata.
- (d) Ketinggian darjat sesuatu bangsa dinilai pada bahasa yang dituturkannya.
- (e) Budi bahasa lebih penting daripada kekayaan yang dimiliki.
- (f) Kebijaksanaan seseorang akan terserlah jika berada dalam kalangan orang yang bijaksana.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- (a) Terdiri daripada tujuh rangkap.
- (b) Berisi empat baris setiap rangkap.

- (c) Ada pembayang dan maksudnya.
- (d) Bilangan katanya tiga hingga enam patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lima hingga sebelas suku kata sebaris.
- (f) Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Imej alam. Contohnya, *air; laut; tanjung; saga; bunga melati; bunga seroja; kali; bunga cina; batu; daun; emas; anak beruk; dan pantai.*
- (b) Peribahasa. Contohnya, *Bagai cincin dengan permata.*
- (c) Personifikasi. Contohnya, *Bijak bertemu dengan jauhari.*
- (d) Repetisi. Contohnya, *Bunga melati bunga di darat.*
- (e) Responsi. Contohnya, *Indah tampan kerana budi, Tinggi bangsa kerana bahasa.*
- (f) Asonansi. Contohnya, *Hina manusia tidak berbudi* (perulangan vokal i).
- (g) Aliterasi. Contohnya, *Bunga melati bunga di darat* (perulangan konsonan d).
- (h) Rima akhirnya sama, iaitu *abab*.

Nilai

- (a) Budi bahasa.
- (b) Mengenang jasa.
- (c) Rendah diri.
- (d) Kebijaksanaan.

Pengajaran

- (a) Kita mestilah berbudi bahasa agar diri dipandang mulia.
- (b) Kita hendaklah mengenang jasa orang yang telah berbudi kepada kita.
- (c) Kita perlulah mengutamakan budi bahasa daripada kekayaan.
- (d) Kita haruslah sentiasa merendah diri agar tidak dipandang rendah oleh masyarakat.
- (e) Kita haruslah menjadi orang yang bijaksana agar dapat membantu untuk membangunkan bangsa dan negara.

4. Pantun Nasihat

Maksud

Rangkap 1

Jika hendak membuat pekerjaan yang baik, janganlah berlebih-lebihan sehingga tidak kena pada tempatnya, dan pekerjaan yang jahat hendaklah dihindarkan sama sekali.

Rangkap 2

Sesuatu yang haram dan memabukkan jangan dicuba sama sekali.

Rangkap 3

Perasaan sedih dan risau jangan dibiarkan berpanjangan kerana kelak akan membinasakan diri sendiri.

Rangkap 4

Tutur kata haruslah sentiasa dijaga agar tidak menanggung sengsara.

Rangkap 5

Seorang isteri perlulah mengelakkan diri daripada memarahi suami yang sedang letih kerana dikhuatiri dia akan mencari perempuan lain.

Rangkap 6

Kita hendaklah beradab ketika hidup di dunia ini dan bahasa itu tidak dapat dijual beli.

Rangkap 7

Para perantau dinasihati agar pandai membawa diri di tempat orang.

Tema

Nasihat yang dijadikan panduan kepada masyarakat agar mereka sentiasa melakukan kebaikan.

Persoalan

- (a) Sentiasa melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan.
- (b) Melakukan perbuatan haram akan membawa kepada kemudaratan.
- (c) Perasaan sedih dan risau tidak boleh dibiarkan berpanjangan kerana dapat membinasakan diri.
- (d) Berhati-hati dalam bertutur kerana jika tersilap buruk padahnya.
- (e) Persefahaman antara suami isteri mampu menjamin kerukunan rumah tangga.
- (f) Budi bahasa amat penting dalam hidup bermasyarakat.
- (g) Adat orang merantau mestilah pandai membawa diri di tempat orang.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- (a) Terdiri daripada tujuh rangkap.
- (b) Berisi empat baris setiap rangkap.

- (c) Ada pembayang dan maksudnya.
- (d) Bilangan katanya tiga hingga lima patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada tujuh hingga sebelas suku kata sebaris.
- (f) Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Imej alam. Contohnya, *buah peria; padi; kapas; panas; hujan; pulau; bertih; bunga; pisang.*
- (b) Anafora. Contohnya, *Buat baik berpada-pada
Buat jahat jangan sekali.*
- (c) Simile. Contohnya, *Bagai panas mengandung hujan.*
- (d) Asonansi. Contohnya, *Batang kapas bertimbal jalan* (perulangan vokal a).
- (e) Aliterasi. Contohnya, *Buat baik berpada-pada* (perulangan konsonan b).
- (f) Rima akhirnya sama, iaitu *abab*.

Nilai

- (a) Baik hati. (c) Ketabahan. (e) Hati-hati.
- (b) Rasional. (d) Budi bahasa. (f) Kepatuhan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah sentiasa melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada melakukan kemungkaran.
- (b) Kita mestilah mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang haram supaya hidup kita tidak binasa.
- (c) Kita hendaklah tidak terlalu bersedih atas dugaan yang menimpa diri kerana perbuatan tersebut akan memudaratkan diri sendiri.
- (d) Kita mestilah berhati-hati dalam bertutur, jika tersilap buruk padahnya.
- (e) Kita hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku apabila berdagang di tempat orang supaya dipandang mulia dan masyarakat.
- (f) Seorang isteri mestilah bijak menjaga hati suami supaya rumah tangga sentiasa bahagia.

5. Pantun Kasih Sayang

Maksud

Rangkap 1

Wajah seseorang yang kelihatan berseri-seri kerana senyumannya yang menawan.

Rangkap 2

Harapan yang tinggi terhadap seseorang tetapi akibat tersilap perhitungan, impian tidak kesampaian.

Rangkap 3

Menyimpan impian untuk mendapatkan seorang wanita yang cantik serta tiada bandingannya.

Rangkap 4

Menggunakan muslihat untuk memikat anak gadis orang.

Rangkap 5

Seseorang perempuan dan lelaki, kalau sudah jodoh, akan bertemu juga akhirnya.

Tema

Kasih sayang antara teruna dengan dara.

Persoalan

- (a) Perwatakan yang menarik akan menyebabkan diri disukai oleh ramai orang.
- (b) Perbezaan darjat menyebabkan impian seseorang itu terhalang.
- (c) Cita-cita untuk memiliki sesuatu yang besar menjadi mustahil kerana adanya kekurangan diri.
- (d) Sanggup berpura-pura untuk mencapai sesuatu tujuan.
- (e) Perpisahan yang berlaku tidak semestinya terpisah untuk selama-lamanya kerana pada suatu hari nanti pasti akan bertemu semula.

Bentuk dan Ciri-ciri Pantun

- (a) Terdiri daripada lima rangkap.
- (b) Berisi empat baris setiap rangkap.
- (c) Ada pembayang dan maksudnya.
- (d) Bilangan katanya tiga hingga enam patah kata sebaris.
- (e) Terdiri daripada lapan hingga sepuluh suku kata sebaris.
- (f) Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Imej alam. Contohnya, *buah mengkudu; kandis; asap; api; bakau; langit; anak udang; dahan; bulan; bintang; ayam; asam; ikan; dan laut.*

- (b) Personifikasi. Contohnya, *Anak udang meniti batang.*
- (c) Paradoks. Contohnya, *Langit tinggi kupandang rendah.*
- (d) Simile. Contohnya, *Bagaikan rasa hendak dicapai.*
- (e) Asonansi. Contohnya, *Singah-menyingah di pagar orang* (perulangan vokal i)
- (f) Aliterasi. Contohnya, *Harap hati kepada tuan* (perulangan konsonan h).
- (g) Rima akhirnya sama, iaitu *abab*.

Nilai

- (a) Kasih sayang.
- (b) Rasional.
- (c) Kesetiaan.
- (d) Keikhlasan.

Pengajaran

- (a) Kita haruslah sayang-menyayangi antara satu dengan yang lain.
- (b) Kita mestilah bersikap rasional sebelum melakukan sesuatu perkara yang dianggap mustahil.
- (c) Kita haruslah ikhlas dalam melakukan setiap perkara dalam kehidupan.
- (d) Kita mestilah berusaha dengan gigih untuk mencapai cita-cita.

6. Syair Nasihat (Penghujung Thamarat al-Muhimmah)

Maksud

Rangkap 1

Penyair telah tamat mengarang kitab supaya dapat dijadikan panduan.

Rangkap 2

Ayah berharap agar anaknya akan menjaga tingkah laku dan menjadi insan yang berakhlak mulia.

Rangkap 3

Ayah menasihati anaknya agar tidak bersikap malas.

Rangkap 4

Menurut ayah lagi, jika anaknya itu menjadi raja, dia hendaklah bertindak dengan betul dan rajin bekerja.

Rangkap 5

Ayah menasihati anaknya supaya rajin berbuat kebajikan. Dalam masa yang sama, hati perlulah ikhlas dan bersih.

Rangkap 6

Ayah menasihati anaknya supaya tidak malas menuntut ilmu. Ilmu yang dituntut itu perlulah ilmu yang betul seperti yang telah diperintahkan oleh Allah SWT.

Rangkap 7

Ayah menasihati anaknya agar rajin mengaji dan hal ini perlu diberi keutamaan daripada hal yang lain. Hukum syarak pula tidak boleh dilanggar kerana akan menyebabkannya mendapat malu.

Rangkap 8

Sebarang tindakan perlu didasarkan kepada ilmu pengetahuan agar membawa kebaikan. Ayah juga menasihati anaknya agar berhati-hati dalam melakukan setiap perkara agar tidak terjerumus dalam perkara yang membawa kemudaratkan.

Rangkap 9

Ilmu itu banyak manfaatnya kerana dengan ilmu, perkara yang benar dengan yang tidak benar dapat dibezakan. Dengan adanya ilmu, pemimpin dapat mengetahui sama ada rakyat benar atau salah dan dapat menjatuhkan hukuman yang adil kepada mereka.

Rangkap 10

Selanjutnya, jika ilmu pengetahuan itu dianggap remeh, hal ini tentu akan membawa masalah kepada anaknya jika menjadi pemerintah. Jika ada rakyat yang datang untuk menyatakan masalah, anaknya tidak akan dapat menyelesaikan masalah tersebut kerana tidak mempunyai ilmu pengetahuan.

Rangkap 11

Anaknya tidak tahu untuk menjatuhkan hukuman dan tidak mahu pula berdiam sahaja. Anaknya itu cuma mampu berpeluk tubuh dan menyebut nama Allah SWT.

Rangkap 12

Akhirnya, anaknya tidak dapat berkata apa-apa. Setelah penat duduk dan bangun, anaknya itu akan menyembunyikan diri di dalam istana.

Rangkap 13

Orang yang ingin mendapatkan pengadilan akan menjadi marah kerana percabaran belum pasti dapat dilakukan.

Rangkap 14

Sebarang hukuman tidak boleh diambil mudah. Jalan yang terbaik ialah kembali merujuk hukum syarak untuk mendapatkan ketenangan hati.

Rangkap 15

Jika perbicaraan tidak dijalankan mengikut hukum, maka pemimpin pasti akan dikeji oleh rakyat.

Rangkap 16

Jika perbicaraan dijalankan mengikut hukum Allah, maka kejian atau pujian daripada rakyat bawahan tidak perlulah dihiraukan oleh mereka.

Rangkap 17

Ayah berpesan lagi, jika anaknya menjadi menteri, dia digalakkan untuk berdamping dengan orang yang berilmu supaya dapat memudahkan segala kerja.

Rangkap 18

Ketua haruslah memerhatikan tingkah laku pegawai bawahannya supaya penyelewengan tidak berlaku.

Tema

Nasihat bapa kepada anak tentang kepentingan menuntut ilmu pengetahuan jika anaknya dilantik sebagai raja/menteri supaya dapat memimpin negara dengan jujur dan ikhlas.

Persoalan

- Setiap pemimpin diwajibkan menuntut ilmu pengetahuan.
- Kerja kebajikan harus dilakukan dengan penuh keikhlasan.
- Ilmu yang dituntut mestilah ilmu yang benar seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT.
- Pengadilan dan perbicaraan yang dijalankan mestilah berlandaskan ilmu pengetahuan supaya tidak tersilap dalam menjatuhkan hukuman.
- Ketaatan dan kepatuhan rakyat terhadap pemimpin.

Bentuk dan Ciri-ciri Syair

- Terdiri daripada lapan belas rangkap.
- Berisi empat baris setiap rangkap.
- Bilangan katanya tiga hingga enam patah kata sebaris.
- Terdiri daripada lapan hingga empat belas suku kata sebaris.
- Bentuknya terikat.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Inversi. Contohnya, *nasihat kebajikan ayahanda beri; Kerja kebajikan janganlah malas.*
- Anafora. Contohnya, *Hendak menghukumkan tiada tahu, hendak diam hati tak mahu,*
- Bahasa Arab. Contohnya, *ikhlas; syarak; batil; Allahu; Allah.*
- Responsi. Contohnya, *Kerja kebajikan janganlah malas, zahir dan batin janganlah culas,*
- Simile. Contohnya, *seperti air di dalam gelas.*
- Sinkope. Contohnya, *tak.*
- Asonansi. Contohnya, *Segala perbuatan dengan berilmu* (perulangan vokal e).
- Aliterasi. Contohnya, *maka kebajikan boleh bertemu* (perulangan konsonan b).
- Rima akhirnya sama, iaitu *aaaa.*

Nilai

- Keadilan.
- Berilmu.
- Keikhlasan.
- Kepatuhan.
- Kebijaksanaan.
- Bertawakal.
- Hati-hati.
- Persaudaraan.
- Kerajinan.
- Berakhlak mulia.

Pengajaran

- Pemerintah haruslah bersikap adil dan tidak boleh bertindak zalim terhadap rakyat.
- Seorang pemimpin mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup agar dapat memudahkan urusan pentadbiran.
- Kita hendaklah menuntut ilmu yang benar dan menghindarkan diri daripada menuntut ilmu yang sesat.
- Kita mestilah rajin melakukan setiap pekerjaan yang telah diamanahkan kepada kita.
- Kita hendaklah ikhlas dalam melakukan setiap pekerjaan yang telah diamanahkan kepada kita.

- Sebagai anak kita perlulah patuh akan nasihat ibu dan bapa agar hidup beroleh keberkatan.
- Kita hendaklah berani menegakkan kebenaran.
- Kita haruslah bertawakal dan berserah kepada Allah setelah membuat apa-apa keputusan.



UNIT 2: Sajak

1. Dalam Persekitaran Kata-kata (*Baha Zain*)

Maksud

Rangkap 1

Tuhan menjadikan bahasa untuk manusia, disertai akal. Manusia menggunakan akal dan bahasa dari zaman ke zaman, bersesuaian dengan perubahan yang berlaku.

Rangkap 2

Tuhan menjadikan orang Melayu dengan warna kulitnya sawo matang. Bangsa ini menjadi pengembara di lautan, mengembara jauh ke pulau-pulau dan pantai-pantai.

Rangkap 3

Setiap yang ditemui dalam pengembaraan ialah ilmu, iaitu setiap benda disertai perkataan yang menerangkan benda itu. Perkataan-perkataan yang sering disebut oleh manusia ialah langit, bumi, laut, gunung, awan, hujan, dan pohon. Manusia mendapat manfaat daripada kesemua ciptaan Allah dan manusia hendaklah beriman. Manusia berpeluang untuk menambahkan ilmu dan meningkatkan keimanan melalui pembacaan kitab-kitab yang dikarang pada masa silam. Kitab-kitab tersebut memuatkan ilmu-ilmu agama.

Rangkap 4

Bahasa ialah alat untuk manusia menambahkan ilmu. Dengan ilmu, manusia dapat memahami kewujudan alam semesta.

Tema

Manusia dan alam ialah ciptaan Allah.

Persoalan

- Bahasa ialah anugerah Tuhan yang penting untuk manusia.
- Sesuatu ilmu yang dipelajari bersesuaian mengikut tempat dan suasana.
- Bangsa Melayu pada masa lalu merupakan bangsa pelayar.
- Ilmu akan diperoleh dengan banyak membaca.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Terdiri daripada empat rangkap.
- Rangkap pertama dan rangkap kedua mempunyai lima baris, rangkap ketiga mempunyai sembilan baris, dan rangkap keempat mempunyai tiga baris.
- Bilangan katanya dua hingga empat patah kata sebaris.
- Terdiri daripada lapan hingga tiga belas suku kata sebaris.
- Bentuknya bebas.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Bahasa Arab. Contohnya, *istilah.*
- Bahasa klasik. Contohnya, *samudera.*
- Unsur alam. Contohnya, *samudera; pulau-pulau; pantai-pantai; langit; bumi; laut; gunung; awan; pohon; buah-buahan; alam.*
- Anafora. Contohnya, kata *dari* pada rangkap pertama baris 4 dan 5.
- Repetisi. Contohnya, frasa *kata-kata* diulang pada rangkap pertama baris 1; rangkap ketiga baris 1; rangkap keempat baris 1.
- Asonansi. Contohnya, *Kami pindahkan makna* (perulangan vokal a).
- Aliterasi. Contohnya, *Engkau beri kami kata-kata* (perulangan konsonan k).
- Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *aaabc*, rima akhir bagi rangkap kedua ialah *abccd*, rima akhir bagi rangkap ketiga ialah *abcaaadda*, dan rima akhir bagi rangkap keempat ialah *aba*.

Nada

Keagamaan.

Nilai

- Kesedaran.
- Keberanian.
- Kebanggaan.
- Kerajinan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mempelajari bahasa dengan sungguh-sungguh.
- (b) Kita hendaklah berani ke tempat yang jauh untuk mencari ilmu dan rezeki.
- (c) Kita hendaklah memikirkan dan menghayati ciptaan Allah.
- (d) Kita mestilah mempelajari ilmu daripada kita-kitab agama.
- (e) Kita diseru supaya rajin berusaha mendapatkan pengalaman untuk hidup yang bermakna.

2. Roti (Ahmad Syahrul Wahid)

Maksud

Rangkap 1

Roti yang dibuat di dapur membangkitkan selera. Selera itu bangkit kerana baunya yang harum.

Rangkap 2

Selera untuk makan roti bertambah apabila melihat roti dibakar, kemudian melihat roti yang rangup itu terhidang.

Rangkap 3

Apabila roti sudah dihidangkan di hadapan mata, selera kian meningkat. Protagonis makan roti itu sampai kenyang dan bersendawa.

Rangkap 4

Bagi orang yang beriman dan mempunyai perikemanusiaan yang tinggi, selepas berasa kenyang mereka teringat akan orang miskin yang tidak mendapat makanan seperti mereka. Orang yang beriman memikirkan tugas untuk membela orang miskin.

Rangkap 5

Jika banyak orang yang beriman, maka berkuranglah orang yang menderita di dunia ini. Orang yang susah akan bersyukur kerana mereka dibantu oleh golongan yang berada dan beriman.

Tema

Orang yang beriman, ketika kenyang tidak melupakan golongan miskin.

Persoalan

- (a) Apabila roti dibakar, baunya membangkitkan selera.
- (b) Ketika lapar manusia tidak dapat menahan nafsu makan.
- (c) Apabila makan makanan yang sedap, manusia akan makan sampai kenyang dan bersendawa.
- (d) Orang yang beriman tidak akan melupakan orang miskin ketika mereka berasa kenyang.
- (e) Bersyukur apabila mendapat sesuatu merupakan tanda keimanan.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Terdiri daripada lima rangkap.
- (b) Rangkap pertama mempunyai empat baris dan rangkap kedua hingga kelima mempunyai lima baris.
- (c) Bilangan katanya dua hingga enam patah kata sebaris.
- (d) Terdiri daripada lima hingga empat belas suku kata sebaris.
- (e) Bentuknya bebas.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Hiperbola. Contohnya, *nafsu makan pun bergelora; melangit damai dirasa*.
- (b) Metafora. Contohnya, *percikan iman*.
- (c) Personifikasi. Contohnya, *selera kian menggelepar*.
- (d) Simile. Contohnya, *terhidang seumpama permaidani terhampar*.
- (e) Asonansi. Contohnya, *Bagi pemilik iman di dada* (perulangan vokal *i*).
- (f) Aliterasi. Contohnya, *Bila begitu selamanya* (perulangan konsonan *b*).
- (g) Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abaa* dan rima akhir bagi rangkap kedua hingga kelima *aaaa*.

Nada

Didaktik.

Nilai

- (a) Kesabaran.
- (b) Baik hati.
- (c) Kesyukuran.
- (d) Keimanan.
- (e) Kesederhanaan.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bersabar ketika menunggu untuk mendapatkan sesuatu.
- (b) Kita hendaklah memikirkan orang lain agar orang lain turut mendapat rezeki.
- (c) Kita hendaklah ingat akan keadaan orang lain yang kurang bernasib baik.
- (d) Kita hendaklah melatih diri agar menjadi orang beriman.
- (e) Sebagai manusia kita mestilah bersyukur atas nikmat kurniaan Tuhan.

3. Kucari Damai di Sini (A. Hamid Jemain)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak menyatakan bahawa dia mencari kedamaian di negaranya yang makmur dan merdeka. Kemerdekaan tersebut dianggap berada antara kenyataan dan impian. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya perasaan ketidakpuasan hati antara rakyat. Namun demikian, penyajak menyatakan bahawa perasaan negatif itu perlu diubah dengan bersangka baik, iaitu dengan menjadikan sejarah persaudaraan untuk membina rasa kemanusiaan.

Rangkap 2

Penyajak menyatakan bahawa kedamaian juga dicari dengan rasa kasih sayang dan dengan keperibadian mulia rakyat Malaysia. Perasaan kasih-mengasahi yang tulen perlu disemaikan dalam sanubari.

Rangkap 3

Penyajak menyatakan bahawa walaupun negara kita ada masalah, tetapi kita masih boleh berdamai dan hidup dengan aman di negara ini. Penyajak berharap agar kemerdekaan yang dicapai akan berkekalan. Segala masalah perlulah diatasi dengan bijak supaya kejayaan yang tercipta menjadi kebanggaan generasi akan datang.

Tema

Penghargaan terhadap kedamaian dan kesejahteraan negara.

Persoalan

- (a) Kedamaian hendaklah diusahakan kerana kedamaian tidak akan datang dengan sendirinya.
- (b) Negara kita ialah negara yang aman dan makmur.
- (c) Kemerdekaan hendaklah diperjuangkan agar beroleh kemajuan.
- (d) Kedamaian akan wujud dengan adanya nilai kasih sayang.
- (e) Harapan agar kemerdekaan negara kita akan menjadi kebanggaan generasi akan datang.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- (a) Terdiri daripada tiga rangkap.
- (b) Rangkap pertama mempunyai enam baris, rangkap kedua mempunyai lima baris, dan rangkap ketiga mempunyai empat baris.
- (c) Bilangan katanya tiga hingga lapan patah kata sebaris.
- (d) Terdiri daripada enam hingga lapan belas suku kata sebaris.
- (e) Bentuknya bebas.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- (a) Paradoks. Contohnya, *antara realiti dan mimpi*.
- (b) Hiperbola. Contohnya, *membebat perasaan kehidupan*.
- (c) Metafora. Contohnya, *laman sukma*.
- (d) Repetisi. Contohnya, (perulangan frasa *Kucari damai di sini* dalam rangkap 1, baris 1 dan rangkap 2, baris 1).
- (e) Asonansi. Contohnya, *dengan sejarah persudaraan* (perulangan vokal *a*).
- (f) Aliterasi. Contohnya, *Kucari damai di sini* (perulangan konsonan *d*).
- (g) Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abacc* dan rima akhir bagi rangkap kedua *abca*, dan rima akhir bagi rangkap ketiga *abbb*.

Nada

Patriotik.

Nilai

- (a) Kesyukuran.
- (b) Hormat-menghormati.
- (c) Patriotisme.
- (d) Keinsafan.

Pengajaran

- Kita mestilah berusaha mendapatkan dan mengekalkan kedamaian.
- Kita hendaklah menghargai kemerdekaan negara.
- Kita hendaklah memastikan kedamaian negara terus berkekalan.
- Kita hendaklah menyelesaikan sebarang krisis dengan bijaksana.
- Kita perlulah menjaga negara kita dengan baik untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

4. Pada Sekuntum Mawar (*Mahwa Mohamed*)

Maksud

Rangkap 1

Penyajak mengumpamakan bunga mawar sebagai gadis. Jika maruah seorang gadis tercemar, maka ibunya akan berasa amat sedih dalam menghadapi hari tua.

Rangkap 2

Jika maruah anak gadisnya tercemar, maka ibu akan berasa segala-galanya telah musnah. Dia berasa hidupnya sia-sia atau tidak bermakna lagi. Dia juga berasa segala-galanya telah musnah, dan tidak ada lagi jalan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Rangkap 3

Penyajak berpesan agar gadis-gadis tidak membiarkan maruah mereka tercemar dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar ini tetapi sebaliknya hendaklah menjaga diri supaya menjadi gadis yang beriman dan dihormati masyarakat.

Tema

Anak gadis mestilah menjaga martabat atau maruah mereka sebagai gadis.

Persoalan

- Ibu akan berasa sedih jika maruah anak gadisnya tercemar.
- Kesedihan menyebabkan seseorang ibu akan merasakan hidupnya sudah tidak bermakna lagi.
- Kehilangan maruah seorang gadis merupakan satu kemusnahan yang tidak sanggup diterima oleh seseorang ibu.
- Seorang gadis hendaklah menjaga diri dengan memiliki pegangan agama yang kukuh, iaitu sebagai gadis yang beriman.

Bentuk dan Ciri-ciri Sajak

- Terdiri daripada tiga rangkap.
- Rangkap pertama mempunyai tiga baris, rangkap kedua mempunyai enam baris, dan rangkap ketiga mempunyai lima baris.
- Bilangan katanya dua hingga enam patah kata sebaris.
- Terdiri daripada lima hingga empat belas suku kata sebaris.
- Bentuknya bebas.

Unsur Gaya Bahasa dan Keindahan Bunyi

- Metafora. Contohnya, *lipatan usia; pintu kehidupan*.
- Imej alam. Contohnya, *malam; angin; laut; ombak; mawar; lembah*.
- Simile. Contohnya, *seperti telah menutup*.
- Sinkope. Contohnya, *tak*.
- Asonansi. Contohnya, *bykan melontar harum indahmy* (perulangan vokal u)
- Rima akhir bagi rangkap pertama ialah *abb*, rima akhir bagi rangkap kedua *abcdee*, dan rima akhir bagi rangkap ketiga *abcd*.

Nada

Melankolik.

Nilai

- Hemah tinggi.
- Kasih sayang.
- Waspada.
- Kesedaran.
- Rasional.
- Keimanan.

Pengajaran

- Kita hendaklah menjaga maruah diri dengan baik agar tidak tercemar.
- Kita hendaklah menjaga hati ibu agar ibu tidak menderita.
- Kita hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dalam masalah sosial.
- Kita mestilah mengukuhkan iman dalam diri supaya maruah diri akan terjaga.



UNIT 3: Prosa Tradisional

Pelanduk Mengajar Memerang

Sinopsis

Pada zaman Nabi Allah Sulaiman semua haiwan ditakdirkan oleh Allah dapat berkata-kata. Nabi Allah Sulaiman mempunyai lima menteri yang terdiri daripada manusia, jin yang bernama Ifrit, unggas, landak, dan pelanduk. Antara kelima-lima menteri itu, Syah Alam di Rimba, iaitu pelanduklah yang paling masyhur kebijaksanaannya.

Pada suatu hari, Syah Alam di Rimba melawat ke kawasan di wilayah pemerintahannya. Syah Alam di Rimba sampai di sebuah lubang yang menjadi tempat tinggal memerang. Ada tujuh ekor anak memerang di dalam lubang itu. Anak-anak memerang itu keluar dari lubang lalu bermain-main. Syah Alam di Rimba bertanyakan tempat mak dan bapa anak-anak memerang itu pergi. Anak memerang menyatakan bahawa mak dan bapanya pergi mencari ikan untuk dijadikan makanan. Oleh itu, Syah Alam di Rimba terfikir bahawa memerang selalu melakukan penganiayaan terhadap ikan-ikan di rimba itu. Syah Alam di Rimba rusing memikirkan aduan ikan-ikan itu kepada Nabi Allah Sulaiman. Syah Alam di Rimba mahu membuat pakatan dengan memerang. Tidak berapa lama kemudian, burung bubut berbunyi secara bersahut-sahutan. Apabila mendengar bunyi itu Syah Alam di Rimba terus bersilat. Tanpa sedar, Syah Alam di Rimba telah memijak anak-anak memerang itu sehingga semuanya mati.

Setelah hari petang, mak dan bapa memerang pulang ke lubang tersebut. Mak dan bapa memerang melihat semua anak memerang sudah mati. Mak dan bapa memerang mengetahui Syah Alam di Rimba yang melakukan perkara tersebut kerana terdapat kesan tapak kakinya di situ. Pada malam itu, mak dan bapa memerang berbincang. Mak dan bapa memerang membuat keputusan untuk memaklumkan kejadian tersebut kepada Nabi Allah Sulaiman.

Pada keesokan harinya, mak dan bapa memerang pergi berjumpa dengan Nabi Allah Sulaiman. Mak dan bapa memerang mengadukan perbuatan yang dilakukan oleh Syah Alam di Rimba terhadap anak-anaknya. Setelah baginda mendengar aduan tersebut, baginda berasa hairan akan kelakuan Syah Alam di Rimba. Oleh itu, baginda mahu mengadakan perbicaraan. Baginda meminta Sang Belatuk memanggil semua haiwan yang terlibat, iaitu haiwan-haiwan yang menyebabkan kematian anak-anak memerang itu. Haiwan-haiwan tersebut ialah Syah Alam di Rimba, Sang Bubut, Sang Biawak, Sang Labi-labi, Sang Udang, dan Sang Sebarau. Semua haiwan tersebut bercerita tentang perkara-perkara yang telah berlaku dengan jujur.

Setelah Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau, maka baginda memerintahkan Sang Memerang bercakap benar. Dengan takut, Sang Memerang mengakui kesalahannya. Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah. Kematian anak-anak Sang Memerang disebabkan oleh kesalahan Sang Memerang sendiri.

Tema

Balasan terhadap golongan yang menganiayai golongan lain.

Persoalan

- Sikap tamak, iaitu mahu mendapatkan sesuatu dengan sebanyak-banyaknya tanpa memikirkan nasib pihak lain.
- Aduan dibuat kepada yang pihak yang berkuasa.
- Pengadilan memerlukan saksi.
- Kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah.
- Bercakap benar di hadapan pemerintah.
- Sentiasa bersedia untuk menyelamatkan pemerintah.
- Mengakui kesalahan yang telah dilakukan.

Watak dan Perwatakan

Pelanduk atau Syah Alam di Rimba

- Dilantik oleh Nabi Allah Sulaiman untuk menjadi menteri.
- Merupakan menteri yang paling termasyhur kebijaksanaannya.
- Pandai bersilat.
- Prihatin akan masalah yang dialami oleh rakyatnya.
- Taat kepada pemerintah, iaitu Nabi Allah Sulaiman.
- Jujur ketika berhadapan dengan Nabi Allah Sulaiman.

Sang Memerang

- (a) Mempunyai tujuh orang anak.
- (b) Menjadikan ikan sebagai makanan.
- (c) Tamak terutamanya dalam hal makanan.
- (d) Ibu dan bapa yang bertanggungjawab terhadap anak-anak.
- (e) Mementingkan diri sendiri.
- (f) Taat akan perintah Nabi Allah Sulaiman.
- (g) Sedar akan penganiayaan yang telah dilakukan terhadap anak-anak Sang Sebarau.

Nabi Allah Sulaiman

- (a) Seorang pemerintah yang rakyatnya terdiri daripada manusia, jin, dan haiwan.
- (b) Melantik lima menteri dalam urusan pemerintahan baginda.
- (c) Bijak menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh semua rakyatnya.
- (d) Tidak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan.
- (e) Pemerintah yang adil.
- (f) Tegas dalam membuat keputusan.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Pelanduk yang dipanggil sebagai Syah Alam di Rimba melawat ke kawasan di wilayah pemerintahannya. Syah Alam di Rimba sampai di sebuah lubang yang menjadi tempat tinggal memerang. Ada tujuh ekor anak memerang di dalam lubang itu. Anak-anak memerang itu keluar dari lubang lalu bermain-main. Syah Alam di Rimba bertanya tempat mak dan bapa anak-anak memerang itu pergi. Anak memerang menyatakan bahawa mak dan bapanya pergi mencari ikan untuk dijadikan makanan. Oleh itu, Syah Alam di Rimba terfikir bahawa memerang selalu melakukan penganiayaan terhadap ikan-ikan di rimba itu. Syah Alam di Rimba rusing memikirkan aduan ikan-ikan itu kepada Nabi Allah Sulaiman. Syah Alam di Rimba mahu membuat pakatan dengan memerang. Tidak berapa lama kemudian, burung bubut berbunyi secara bersahut-sahutan. Apabila mendengar bunyi itu Syah Alam di Rimba terus bersilat. Tanpa sedar, Syah Alam di Rimba telah memijak anak-anak memerang itu sehingga semuanya mati.
- (b) Perkembangan – Setelah hari petang, mak dan bapa memerang pulang ke lubang tersebut. Mak dan bapa memerang melihat semua anak memerang sudah mati. Mak dan bapa memerang mengetahui Syah Alam di Rimba yang melakukan perkara tersebut kerana terdapat kesan tapak kakinya di situ. Mak dan bapa memerang berasa sangat sedih kerana sayang akan anak-anak itu. Pada malam itu, mak dan bapa memerang berbincang. Mak dan bapa memerang membuat keputusan untuk memaklumkan kejadian tersebut kepada Nabi Allah Sulaiman.
- (c) Klimaks – Pada keesokan harinya, mak dan bapa memerang pergi berjumpa dengan Nabi Allah Sulaiman. Mak dan bapa memerang mengadukan perbuatan yang dilakukan oleh Syah Alam di Rimba terhadap anak-anaknya. Setelah baginda mendengar aduan tersebut, baginda berasa hairan akan kelakuan Syah Alam di Rimba. Oleh itu, baginda mahu mengadakan perbicaraan. Baginda meminta Sang Belatuk memanggil semua haiwan yang terlibat, iaitu haiwan-haiwan yang menyebabkan kematian anak-anak memerang itu. Haiwan-haiwan tersebut ialah Syah Alam di Rimba, Sang Bubut, Sang Biawak, Sang Labi-labi, Sang Udang, dan Sang Sebarau. Semua haiwan tersebut bercerita tentang perkara-perkara yang telah berlaku dengan jujur.
- (d) Peleraian – Setelah Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau, maka baginda memerintahkan Sang Memerang bercakap benar. Dengan takut, Sang Memerang mengakui kesalahannya. Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah. Kematian anak-anak Sang Memerang disebabkan oleh kesalahan Sang Memerang sendiri.

Teknik Plot

- (a) Dialog.
- (c) Pemerian.
- (b) Monolog dalaman.

Latar

Latar Tempat

- (a) Hutan rimba.
- (c) Kota istana.
- (b) Dalam lubang.
- (d) Lubuk.

Latar Masa

- (a) Pada zaman dahulu.
- (c) Waktu petang.
- (b) Waktu siang.
- (d) Waktu malam.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat haiwan yang tinggal di rimba.
- (b) Masyarakat yang mementingkan diri sendiri.
- (c) Masyarakat yang berlaku jujur terhadap pemerintah.
- (d) Masyarakat yang patuh kepada pemerintah.
- (e) Masyarakat yang sentiasa bersedia untuk menjaga keselamatan pemerintah.
- (f) Masyarakat yang cepat bertindak.
- (g) Masyarakat yang mengakui kesilapan diri.
- (h) Masyarakat yang bijak dalam menyelesaikan masalah.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *Allah Subhanahuwataala; kudrat-Nya; fasal*.
- (b) Bahasa istana. Contohnya, *patik; bersemayam; singgahsana; baginda; bertitah; tuanku; beta*.
- (c) Bahasa klasik. Contohnya, *Sebermula; Hatta; ayapan; pacal*.
- (d) Sinkope. Contohnya, *Sang Biawak membawa pedang tercabut saja berlari-lari*.
- (e) Repetisi. Contohnya, *Kepada fikiran patik tentulah Duli yang Maha Mulia kedatangan musuh yang besar, patik pun bersiaplah akan perisai patik*.

Nilai

- (a) Keberanian.
- (d) Kebijaksanaan.
- (g) Kepatuhan.
- (b) Keadilan.
- (e) Keprihatinan.
- (h) Keinsafan.
- (c) Kejujuran.
- (f) Tanggungjawab.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah menjadi pemimpin yang prihatin akan masalah rakyat.
- (b) Kita hendaklah menjadi ibu bapa yang bertanggungjawab.
- (c) Kita hendaklah sentiasa bersedia untuk menghadapi ancaman musuh.
- (d) Sebagai rakyat, kita hendaklah patuh akan setiap arahan pemerintah.
- (e) Sebagai pemerintah, kita mestilah bijak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat.
- (f) Kita mestilah bercakap jujur apabila kita dihadapkan ke muka pengadilan.
- (g) Sebagai pemerintah, kita hendaklah membuat keputusan dengan adil.
- (h) Kita hendaklah sedar akan kesalahan yang telah kita lakukan.



UNIT 4: Cerpen

1. Banjir di Mata Emak (*Che Soo Ismail*)

Sinopsis

Watak "saya" hendak menelefon temannya tetapi tersalah tekan nombor telefon rumah Mak Piah. Mak Piah menyangka orang yang membuat panggilan itu ialah anaknya, Nana. Mak Piah memberitahu "Nana" (saya) bahawa dia tidak ada bekalan makanan disebabkan banjir yang melanda kampungnya sudah sampai ke paras dada. Mak Piah berterima kasih kepada "Nana" kerana menelefon untuk bertanya khabarnya. Malangnya, abang Nana yang tinggal berdekatan tidak menjenguk Mak Piah langsung dan tidak menghiraukan keadaan Mak Piah semasa banjir tersebut.

Belum sempat "saya" hendak memberitahu Mak Piah tentang dirinya yang sebenar, talian telefon sudah terputus. Sudah empat hari empat malam hujan turun. "Saya" cuba menelefon Mak Piah sekali lagi tapi tiada jawapan. "Saya" bimbang akan keadaan Mak Piah. Banjir pada kali ini telah meragut dua nyawa. Mengikut cerita Mak Piah tadi, bekalan makanannya sudah habis. Jiran-jirannya sudah berpindah ke pusat pemindahan mangsa banjir. Mak Piah seorang sahaja yang tidak mahu pergi ke pusat pemindahan. "Saya" tertanya-tanya sebab Mak Piah tidak mahu berpindah. "Saya" membuat andaian bahawa mungkin Mak Piah sedang menunggu kedatangan anak lelakinya. Namun begitu, menurut Mak Piah, anak lelakinya sudah tiga bulan tidak menelefon untuk bertanya khabarnya. Apatah lagi, pulang untuk menjenguk ibunya itu.

"Saya" mendail nombor telefon Mak Piah sekali lagi. Mak Piah menjawab panggilan "saya". Mak Piah meminta "saya" yang disangkakannya Nana agar tidak bimbang tentangnya. Mak Piah sempat berpesan kepada "saya" agar menjaga anak dan suaminya baik-baik.

"Saya" ingin bertemu dengan Mak Piah supaya "saya" dapat melepaskan rindu terhadap ibunya yang telah meninggal dunia. Mak Piah merindui anak-anaknya. "Saya" merindui ibunya. "Saya" memperoleh alamat rumah Mak Piah dalam buku panduan telefon. "Saya" pergi ke rumah Mak Piah dengan membawa makanan. Mak Piah menyambut kedatangan "saya" dengan gembira.

Kerja "saya" menjadi senang kerana Mak Piah sangat peramah. Daripada Mak Piah, "saya" mendapat tahu bahawa Nubhan, abang Nana takut akan isterinya, manakala Nana pula takut akan suaminya. "Saya" bertanyakan sebab Mak Piah tidak berpindah ke pusat pemindahan. Mak Piah mengatakan bahawa semasa banjir dahulu dia berpindah juga ke pusat pemindahan tetapi dia berasa susah. Hal ini berlaku demikian kerana dia kerap membuang air kecil sehinggakan kadang-kadang tidak sempat ke bilik air. "Saya" berjanji akan menemani Mak Piah selagi banjir tidak surut. Mak Piah memeluk "saya" lantas mengucapkan terima kasih.

"Saya" mengajak Mak Piah makan. Mak Piah bertanya sama ada Nana yang memasak makanan itu dan menyuruh "saya" menghantar makanan tersebut. "Saya" mengangguk sambil tersenyum. "Saya" terpaksa berbohong. Selepas makan, "saya" menolong Mak Piah mencuci dan menyimpan barang-barang makanan yang dibawanya ke dalam peti sejuk.

"Saya" minta diri untuk pulang dan berjanji untuk datang menziarahi Mak Piah lagi. Mak Piah meminta "saya" menyampaikan salam kepada anak perempuannya, Nana.

"Saya" demam panas selama lima hari. Setelah sihat, "saya" pergi ke rumah Mak Piah seperti yang dijanjikannya sebelum ini. "Saya" berasa hairan apabila melihat orang ramai membanjiri pekarangan rumah Mak Piah. Rupa-rupanya Mak Piah telah meninggal dunia. Mak Piah tergelincir jatuh dan kepalanya cedera semasa hendak membersihkan rumahnya selepas banjir. Nana dan Nubhan menyesal. Kata Nana dua hari sebelumnya, Mak Piah bercerita kepada jiran-jiran bahawa Nana telah mengirimi makanan kepadanya semasa banjir. Mak Piah sangat gembira. Nana menyatakan bahawa dia tidak pernah mengirimi apa-apa kepada emaknya. Dia tidak pernah menelefon emaknya juga kerana emaknya tidak berapa dengar. Nana mengakui betapa mulia hati emaknya kerana sanggup berbohong kepada masyarakat untuk menjaga maruah dan namanya. Nana amat menyesal.

Tema

Kehilangan sesuatu yang bermakna meninggalkan kesan yang mendalam dalam kehidupan seseorang.

Persoalan

- Nasib ibu tua yang tidak mendapat perhatian daripada anak-anak.
- Kasih ibu tidak berbelah bagi.
- Menyesal kemudian tiada gunanya.
- Anak-anak yang tidak bertanggungjawab.
- Rasa simpati yang wujud dalam diri seseorang.

Watak dan Perwatakan

"Saya"

- Anak yatim piatu.
- Seorang yang sensitif.
- Seorang yang prihatin.
- Mudah bersimpati.
- Baik hati.
- Terlalu merindui ibunya.
- Mengambil berat terhadap kehidupan Mak Piah.
- Sanggup berbohong kerana hendak melihat Mak Piah bahagia.

Mak Piah

- Hidup seorang diri di rumah usang di sebuah kampung.
- Mempunyai dua orang anak, iaitu Nana dan Nubhan.
- Seorang yang peramah.
- Seorang ibu yang penyayang.
- Seorang yang taat akan perintah Tuhan.
- Kurang pendengaran.
- Sangat merindui anak-anaknya.

Nana

- Anak bongsu Mak Piah.
- Takut akan suami.
- Tidak bertanggungjawab.

Plot

Binaan Plot

- Permulaan – "Saya" hendak menelefon temannya, tetapi tersalah tekan nombor telefon rumah Mak Piah. Mak Piah mengadu kepada "saya" yang disangkakan anak perempuannya, Nana, bahawa orang menjual ikan dan mamak menjual roti sudah tidak masuk ke kampung. Hal ini berlaku demikian kerana air banjir sudah naik ke paras dada. Tanpa sempat "saya" memberikan penjelasan tentang dirinya yang sebenar, Mak Piah sudah memutuskan talian telefon.
- Perkembangan – "Saya" mendail nombor telefon Mak Piah tetapi tidak berjawab. "Saya" bimbang akan keselamatan Mak Piah. Hal ini berlaku demikian kerana Mak Piah tinggal seorang diri dalam keadaan banjir. Jiran-jirannya sudah berpindah ke pusat pemindahan mangsa banjir. Akhirnya, Mak Piah menjawab panggilan telefon "saya", tetapi hanya sekejap. Hati "saya" mula resah apabila memikirkan Mak Piah. "Saya" ingin bertemu dengan Mak Piah supaya "saya" dapat melepaskan rindu terhadap ibunya yang telah meninggal dunia. Mak Piah merindui anak-anaknya. "Saya" merindui ibunya. "Saya" memperoleh alamat rumah Mak Piah dalam buku panduan telefon. "Saya" pergi ke rumah Mak Piah dengan membawa makanan. Mak Piah menyambut kedatangan "saya" dengan gembira. "Saya" mengajak Mak Piah makan. Mak Piah bertanya sama ada Nana yang memasak makanan itu dan menyuruh "saya" menghantar makanan tersebut. "Saya" mengangguk sambil tersenyum. "Saya" terpaksa berbohong. "Saya" minta diri untuk pulang dan berjanji untuk datang menziarahi Mak Piah lagi.
- Klimaks – "Saya" demam panas selama lima hari. Setelah sihat, "saya" pergi ke rumah Mak Piah seperti yang dijanjikannya sebelum ini. "Saya" berasa hairan apabila melihat orang ramai membanjiri pekarangan rumah Mak Piah. Belum pun sempat "saya" melangkah masuk ke rumah Mak Piah, usungan jenazah dibawa keluar. Saya mengiringi jenazah Mak Piah hingga ke tanah perkuburan.
- Peleraian – Anak-anak Mak Piah, Nana dan Nubhan berasa sangat sedih atas kematian Mak Piah. Mereka menyesal kerana tidak pulang menjenguk emak mereka semasa banjir. Emak mereka tergelincir jatuh dan kepalanya cedera semasa hendak membersihkan rumahnya selepas banjir. Setelah tubuh Mak Piah kaku, barulah jenazahnya ditemui jirannya.

Teknik Plot

- (a) Pemerian. (b) Dialog. (c) Saspens.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kampung. (c) Rumah Mak Piah.
(b) Rumah "saya". (d) Tanah perkuburan.

Latar Masa

- (a) Empat hari empat malam. (d) Lima hari.
(b) Ketika banjir. (e) Selepas banjir.
(c) Waktu zuhur. (f) Waktu pagi.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat kampung.
(b) Masyarakat yang prihatin.
(c) Masyarakat yang tidak bertanggungjawab.
(d) Masyarakat yang mementingkan kasih sayang.
(e) Masyarakat yang sentiasa mengikuti perkembangan semasa.
(f) Masyarakat yang terlalu merindui ibunya.
(g) Masyarakat yang taat akan perintah agama.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Bahasa Arab. Contohnya, *Ya Allah; zuhur; assalamualaikum; alhamdulillah; insya-Allah.*
(b) Metafora. Contohnya, *lembah kepiluan; bungkusun takdir; lautan fikir.*
(c) Simile. Contohnya, *Ataukah agaknya dia bimbangkan bil telefon "anak" ini akan menjadi seperti harga ikan di pasar kami?*
(d) Personifikasi. Contohnya, *banjir kali ini menelan dua nyawa; getar suaranya menggegarkan perasaan.*
(e) Peribahasa. Contohnya, *isi hati.*
(f) Sinkope. Contohnya, *Tak apa Mak Piah, selagi banjir tak surut, insya-Allah, saya akan temankan Mak Piah.*
(g) Repetisi. Contohnya, *Saya yakin sungguh. Benar-benar yakin!*

Nilai

- (a) Kasih sayang. (c) Baik hati.
(b) Keprihatinan. (d) Simpati.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap ibu bapa kita.
(b) Kita mestilah menghargai kasih sayang ibu bapa terhadap kita.
(c) Kita hendaklah mengamalkan sikap perikemanusiaan dan tolong-menolong sesama manusia.
(d) Kita hendaklah menjaga nama baik seseorang, terutamanya nama baik ahli keluarga sendiri.
(e) Kita mestilah berpendirian tegas dalam hal-hal tertentu terutamanya tentang hak terhadap ibu bapa kita.

2. Talia dan Raksasa Qadqad (Zaniffa Azzura Abdullah)

Sinopsis

Talia dan keluarganya merupakan masyarakat orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman bersama-sama dengan puaknya. Pada suatu hari, sewaktu bermain-main di sempadan huma berdekatan dengan hutan di lereng Bukit Ungu, Talia telah menjumpai seekor katak raksasa. Bahagian tepi kepala katak itu luka seperti dilibas gergaji. Talia berasa kasihan akan katak raksasa itu. Dia merawat katak itu dengan menggunakan pucuk daun dalut. Katak tersebut pulih dan terus menghilang di dalam hutan. Talia bercerita tentang katak raksasa itu kepada ibunya. Bapa Talia, Dodo menganggap cerita tersebut sebagai khayalan Talia sahaja. Namun begitu, tanggapan ibu dan bapa Talia berubah beberapa minggu selepas itu. Kisah ahli-ahli suku berselisih dengan sekeluarga makhluk seperti yang diceritakan oleh Talia di denai yang sama heboh diperkatakan. Penduduk kampung menggelar katak raksasa tersebut sebagai Raksasa Qadqad bersempena dengan bunyi yang dihasilkan oleh katak tersebut. Penduduk kampung bimbang jika mereka terpaksa berpindah lagi kerana mereka semua baru beberapa bulan berpindah ke Bukit Ungu.

Pada suatu hari, adik Talia, Jini demam panas. Bapa Talia, Dodo berpendapat bahawa Jini perlu dibawa ke hospital. Dodo mencadangkan agar mereka menumpang kereta api. Dodo mengajak isterinya, Misa dan anaknya, Talia ke bandar. Talia sekeluarga segera meninggalkan rumah mereka. Dodo mendukung Talia. Isterinya, Misa pula membawa Jini di dalam bakul sandang.

Sewaktu Misa dan Dodo hendak ke stesen kereta api, mereka diherah oleh seorang lelaki. Lelaki tersebut bertugas mengawasi bijih yang disorong keluar untuk dipindahkan ke dalam gerabak kereta api. Dodo memberitahu lelaki itu tentang hasratnya yang ingin menumpang kereta api untuk ke bandar. Lelaki itu memarahi Dodo. Pemandu kereta api yang baru keluar memandang mereka dengan kehairanan. Pemandu kereta api itu, iaitu Sidek memberitahu lelaki tadi yang dipanggilnya Tuan Binjah tentang keadaan di kem balak timur yang kacau-bilau. Kekacauan tersebut berpunca daripada serangan kumpulan katak raksasa. Tujuh orang telah meninggal dunia manakala dua puluh orang lagi cedera.

Pada hari sebelum pembalak-pembalak itu diserang, sebatang balak telah menimpa katak raksasa. Walaupun tidak cedera teruk, keluarga haiwan itu terperangkap. Mandur kem balak berkenaan telah menetak semua katak raksasa yang terperangkap itu. Tindakan tersebut membawa padah kepada pembalak-pembalak di kem berkenaan.

Tiba-tiba sekumpulan katak raksasa muncul dari dalam hutan. Para pekerja lari bertemparan untuk menyelamatkan diri. Binjah dan kebanyakan pekerja termasuklah Sidek masuk ke dalam sebuah bangunan. Qadqad yang paling dekat dengan keluarga Talia melompat pantas mendarat di bahu Dodo. Anehnya, haiwan itu cuma berkelip-kelip memandang Talia. Kepala haiwan itu berparut seperti bekas luka dilibas gergaji. Qadqad di bahu Dodo melompat turun. Ratusan Qadqad yang lain mengikuti jejak Qadqad itu berundur. Binjah berasa hairan apabila melihat keluarga Talia tidak diserang oleh kumpulan katak raksasa tersebut. Dia melihat ada tanah berwarna ungu pada tangan, kuku, kaki dan rambut Talia. Dia membuat rumusan kononnya katak raksasa takut akan tanah yang berwarna ungu. Akhirnya, keluarga Talia dibenarkan menaiki kereta api tersebut untuk ke bandar.

Tiga hari kemudian, Sidek datang menemui keluarga Talia di hospital. Kebetulan pula, adik Talia, Jini sudah dibenarkan

keluar dari hospital. Sidek memberitahu Dodo tentang hasrat Binjah yang mahu melombong di Bukit Ungu. Menurut Sidek, Binjah telah mengarahkan seisi kampung berpindah. Binjah turut membawa samseng ke kampung itu. Sidek membawa keluarga Talia ke sebuah balai polis untuk mengadakan perkara yang berlaku. Sidek turut membawa keluarga Talia pulang ke kampung mereka dengan menaiki sebuah kenderaan.

Talia sekeluarga dan Sidek tiba di kawasan huma. Mereka mendengar suara Binjah berbalah dengan Tuk Sibat. Binjah dan para pengikutnya membawa jentera berat untuk memusnahkan perkampungan orang asli itu. Binjah menyuruh samseng upahannya membakar sebuah pondok yang terdapat di situ. Dodo dan Sidek menjerit meminta mereka berhenti. Binjah tetap menyuruh samseng upahannya membakar pondok tersebut. Penduduk kampung cuba menghalang perbuatan samseng tersebut. Binjah melepaskan dua das tembakan ke arah mereka. Satu daripadanya menembusi lengan kiri Dodo. Talia menjerit memanggil Raksasa Qadqad. Beratus-ratus ekor Raksasa Qadqad muncul dari dalam hutan. Kumpulan Raksasa Qadqad itu menyerang Binjah dan para pengikutnya. Sementara itu, Talia dan sukunya terus melarikan diri dari tempat tersebut.

Akhirnya, keadaan di kampung Talia tenang semula. Qadqad sudah ghaib. Beberapa buah pondok musnah terbakar. Puluhan mayat manusia dan bangkai Qadqad bergelimpangan. Selepas peristiwa itu, Raksasa Qadqad terus lenyap.

Tema

Konflik antara manusia dengan alam semula jadi.

Persoalan

- (a) Buat baik akan dibalas baik.
(b) Kasih sayang terhadap keluarga.
(c) Sikap tamak segelintir manusia.
(d) Kesusahan masyarakat orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman.
(e) Persahabatan antara manusia dengan haiwan.
(f) Kepentingan alam semula jadi kepada manusia.

Watak dan Perwatakan

Talia

- (a) Seorang budak perempuan kecil berketurunan orang asli.
(b) Anak kepada Dodo dan Misa.
(c) Bersifat belas kasihan dan suka menolong.
(d) Bersahabat dengan Raksasa Qadqad.
(e) Berani merawat anak Raksasa Qadqad yang tercedera.
(f) Sayang akan keluarga dan ahli sukunya.
(g) Menghormati ibu bapanya.

Raksasa Qadqad

- (a) Rupanya mirip katak.
(b) Mempunyai sepasang tanduk kecil di kepala.
(c) Mempunyai taring.
(d) Mampu meloncat tinggi.
(e) Mempunyai sepasang mata berwarna hijau kuning.
(f) Menjadi penghuni dan penjaga hutan di Bukit Ungu.
(g) Menyelamatkan penduduk kaum asli sewaktu Binjah ingin memusnahkan kampung tersebut.
(h) Mengenal budi kerana telah menyelamatkan Talia dan keluarganya.
(i) Mampu menyerang dan membunuh manusia yang jahat.

Dodo

- (a) Ayah kepada Talia dan Jini.
(b) Isterinya bernama Misa.
(c) Seorang yang penyayang.
(d) Bapa yang bertanggungjawab.
(e) Sanggup berkorban untuk menjamin keselamatan ahli keluarganya.

Binjah

- (a) Seorang saudagar yang tamak.
(b) Kejam dan tidak bertimbang rasa.
(c) Mementingkan kekayaan semata-mata tanpa memikirkan kepentingan alam semula jadi.
(d) Terkorban bersama-sama pengikutnya sewaktu diserang oleh Raksasa Qadqad.

Sidek

- (a) Bekerja sebagai pemandu kereta api.
(b) Bekerja dengan Binjah.
(c) Baik hati.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Sewaktu bermain-main di sempadan huma, berdekatan dengan hutan di lereng Bukit Ungu, Talia telah menjumpai seekor katak raksasa. Bahagian tepi kepala katak itu luka seperti dilibas gergaji. Talia berasa kasihan akan katak raksasa itu. Dia merawat katak itu dengan menggunakan pucuk daun dalut. Katak tersebut pulih dan terus menghilang di dalam hutan.
- (b) Perkembangan – Adik Talia, Jini demam panas. Bapa Talia, Dodo berpendapat bahawa Jini perlu dibawa ke hospital. Dodo mencadangkan agar mereka menumpang kereta api. Talia sekeluarga pergi ke bandar. Sewaktu Dodo dan isterinya, hendak ke stesen kereta api, mereka dijerak oleh Binjah. Dodo memberitahu Binjah tentang hasratnya yang ingin menumpang kereta api untuk ke bandar. Binjah memarahi Dodo. Pemandu kereta api itu, iaitu Sidek memberitahu Binjah tentang keadaan di kem balak timur yang kacau-bilau. Kekacauan tersebut berpunca daripada serangan kumpulan katak raksasa. Tiba-tiba sekumpulan katak raksasa muncul dari dalam hutan. Para pekerja lari bertempiran untuk menyelamatkan diri. Binjah berasa hairan apabila melihat keluarga Talia tidak diserang oleh kumpulan katak raksasa tersebut. Dia melihat ada tanah berwarna ungu pada tangan, kuku, kaki, dan rambut Talia. Dia membuat rumusan kononnya katak raksasa takut akan tanah yang berwarna ungu. Akhirnya, keluarga Talia dibenarkan menaiki kereta api tersebut untuk ke bandar. Sidek memberitahu Dodo tentang hasrat Binjah yang mahu melombong di Bukit Ungu. Menurut Sidek, Binjah telah mengarahkan seisi kampung berpindah. Binjah turut membawa samseng ke kampung itu. Sidek membawa keluarga Talia ke sebuah balai polis untuk mengadukan perkara yang berlaku.
- (c) Klimaks – Binjah dan para pengikutnya membawa jentera berat untuk memusnahkan perkampungan orang asli tersebut. Binjah menyuruh samseng upahannya membakar sebuah pondok yang terdapat di situ. Dodo dan Sidek menjerit meminta mereka berhenti. Binjah tetap menyuruh samseng upahannya membakar pondok tersebut. Penduduk kampung cuba menghalang perbuatan samseng tersebut. Binjah melepaskan dua das tembakan ke arah mereka. Satu daripadanya menembusi lengan kiri Dodo.
- (d) Peleraian – Talia menjerit memanggil Raksasa Qadqad. Beratus-ratus ekor Raksasa Qadqad muncul dari dalam hutan. Kumpulan Qadqad itu menyerang Binjah dan para pengikutnya. Banyak yang terkorban termasuk Binjah sendiri. Penduduk kampung orang asli itu terselamat. Selepas peristiwa itu, Raksasa Qadqad terus lenyap.

Teknik Plot

- (a) Dialog. (b) Pemerian. (c) Imbas kembali.

Latar

Latar Tempat

- (a) Kawasan Bukit Ungu. (d) Kawasan perlombongan.
(b) Rumah Talia. (e) Hospital.
(c) Stesen kereta api. (f) Balai polis.

Latar Masa

- (a) Waktu siang.
(b) Waktu tengah hari.
(c) Tiga hari.
(d) Waktu matahari tergelincir.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat orang asli.
(b) Masyarakat yang menyayangi haiwan.
(c) Masyarakat yang tamak dan kejam.
(d) Masyarakat yang berkonflik dengan alam semula jadi.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Simile. Contohnya, *Gempal macam disumbat air; bagaikan bola bertanduk yang terbang laju; bagai butir gula dihurungi semut manusia.*
(b) Personifikasi. Contohnya, *ditelan hutan belantara; Matahari mula tergelincir.*
(c) Sinkope. Contohnya, *Kami ada padi saja; Tuk Sibat tak mahu terima arahan itu.*
(d) Repetisi. Contohnya, *"Ini, di tangan, di kuku, di kaki, di rambut..."*
(e) Inversi. Contohnya, *Lewat petang hari yang sama, sampailah mereka ke destinasi.*

Nilai

- (a) Baik hati. (d) Kegigihan.
(b) Kasih sayang. (e) Tanggungjawab.
(c) Keberanian. (f) Tolong-menolong.

Pengajaran

- (a) Kita haruslah bersimpati terhadap semua makhluk yang berada di sekeliling kita.
(b) Kita mestilah menyayangi anggota keluarga kita.
(c) Kita haruslah berani mempertahankan hak kita.
(d) Kita haruslah memberikan pertolongan kepada orang yang ditimpa kesusahan.
(e) Kita hendaklah menjaga alam semula jadi.

3. Menuai Emas (Salina Ibrahim)

Sinopsis

Alif terkenang akan perbuahan dia dengan ayahnya suatu ketika dahulu. Alif berkata bahawa kuning padi seperti emas. Kata ayah Alif, kalau berbudi kepada tanah, mereka akan menuai emas. Alif berbisik bahawa tidak lama lagi dia akan menuai emas. Alif terkenang kata-kata emaknya pula. Alif mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana emaknya telah mendidiknya tentang makna syukur, sabar, dan reda.

Alif tersedar daripada lamunan apabila mendengar bunyi hon motosikal. Tuk Ketua yang menunggang motosikal tersebut menyapa Alif. Tuk Ketua bertanyakan waktu jentera tuai padi akan sampai kepada Alif. Alif menjawab bahawa jentera tersebut akan sampai pada hari esok. Kerja menuai padi pun akan dimulakan esok.

Alif menyusuri permatang sawah yang sangat bernilai baginya. Alif teringat akan peristiwa setahun yang lalu. Alif berbalah dengan Abang Man di rumahnya. Abang Man dan beberapa orang pemilik tanah sawah yang bakal dibangunkan taman perumahan datang ke rumah Alif. Mereka tidak berpuas hati atas tindakan Alif yang tidak mengizinkan dua petak sawahnya dijadikan taman perumahan. Kebanyakan pemilik tanah sawah yang berkenaan telah bersetuju untuk melepaskan tanah masing-masing. Abang Man meminta Mak Wan, iaitu emak Alif menasihati Alif supaya bersetuju untuk menjual petak sawahnya kepada syarikat perumahan. Abang Man dengan sinis berkata bahawa masakan lulusan universiti dalam bidang ekonomi seperti Alif mahu membuat kerja kampung. Abang Man turut mengatakan bahawa mungkin Alif tidak lulus dalam peperiksaan. Oleh sebab itulah, dia berkeras mahukan dua petak sawah tersebut. Emak Alif dan Tuk Ketua terkejut apabila mendengar kata-kata Abang Man itu. Akhirnya, emak Alif bersuara. Dia menyuruh mereka yang berkumpul di rumahnya itu pulang dahulu. Dia akan berbincang secara anak-beranak dengan Alif.

Emak Alif menangis. Alif memberitahu emaknya bahawa dia akan melepaskan dua petak sawah tersebut jika itulah kemahuan emaknya. Emak Alif menegaskan bahawa dia tidak mahu Alif melepaskan dua petak tanah tersebut. Alif bertekad untuk mempertahankan dua petak sawah berkenaan walau dengan apa-apa cara sekalipun. Bagi Alif, mengerjakan tanaman padi juga merupakan sesuatu yang dapat membawa kemajuan. Namun begitu, Alif terfikir juga bahawa kebanyakan pemilik petak sawah yang hendak dijadikan tapak perumahan itu rata-ratanya sudah tidak bertenaga lagi. Anak-anak mereka yang kebanyakannya bekerja di bandar tidak mahu menyanggung tugas mereka.

Wajah Abang Man muncul dalam benak Alif. Dua petak sawah Alif bersempadan dengan petak sawah Abang Man. Jika Alif tidak mahu melepaskan dua petak sawahnya, petak Abang Man pun akan bermasalah. Oleh sebab itulah, Abang Man marah kepada Alif. Alif tidak dapat memahamkan Abang Man bahawa dia sendiri sedang mengerjakan sesuatu yang juga dinamakan kemajuan. Lamunan Alif terhenti. Alif menarik nafas dalam-dalam di tengah petak sawah padi yang sedang menguning. Alif berasa puas dan bersyukur kerana dia semakin memahami makna kemajuan yang mahu dibawanya.

Alif teringat akan perbuatannya dengan seorang pegawai pertanian. Pegawai pertanian tersebut menasihati Alif supaya tidak memandang rendah terhadap bidang pertanian. Menurut beliau lagi, mereka tidak perlu membeli beras dari luar jika mengusahakan tanah sendiri dengan sungguh-sungguh. Kata-kata motivasi pegawai pertanian itu terpahat dalam hati Alif. Alif berazam untuk membawa kemajuan dalam penanaman padi.

Tuk Ketua turut bersama-sama Alif menyusuri sawah padi yang sedang menguning. Segala pengorbanan Alif tidak sia-sia. Alif teringat akan peristiwa Abang Man dan beberapa orang jiran sekampung menyerang rumahnya. Abang Man menyalahkan Alif kerana projek perumahan itu dibatalkan. Namun demikian, Alif mengatakan bahawa dia hanya berdoa kepada Allah agar projek perumahan itu dibatalkan. Jika doanya itu salah, Alif meminta Abang Man membuat laporan polis. Abang Man tergamam dengan kata-kata Alif itu. Alif juga meminta restu daripada semua tuan tanah itu bahawa dia akan menjadikan petak-petak sawah tersebut sebagai estet padi.

Projek estet padi mini yang berkeluasan 58.609 hektar dengan penglibatan 15 orang tuan tanah itu kini semakin menampakkan hasil. Usaha Alif berjaya berkat berbudi kepada tanah. Alif tetap bersabar menunggu hari esok untuk menuai emas.

Tema

Kemajuan dalam bidang pertanian, iaitu penanaman padi.

Persoalan

- Penjualan tanah sawah untuk dijadikan projek perumahan.
- Bidang pertanian, iaitu penanaman padi jika diusahakan dengan betul dapat mendatangkan kemajuan ekonomi.
- Ilmu, kegigihan, dan ketekunan yang diiringi dengan doa dan kesabaran akan menghasilkan kejayaan.
- Lulusan universiti tidak semestinya bekerja makan gaji.
- Kebanyakan golongan muda dari kampung sudah tidak berminat untuk mengusahakan penanaman padi.
- Muafakat membawa berkat.

Watak dan Perwatakan

Alif

- Anak kepada Mak Wan.
- Lulusan universiti dalam bidang ekonomi.
- Seorang anak muda yang berwawasan tinggi.
- Seorang yang sabar, reda, dan senantiasa bersyukur.
- Berani menghadapi cabaran.
- Yakin akan kebolehan diri.
- Seorang anak yang menghormati ibu bapa.
- Terlalu sayang akan emak dan ayahnya.
- Seorang yang positif dan optimistik.
- Seorang petani moden.

Mak Wan

- Ibu kepada Alif.
- Seorang yang penyabar.
- Tegas.
- Teguh pendirian.
- Sayang akan tanah milik keluarganya.
- Sensitif.

Tuk Ketua

- Penyabar.
- Berhemah tinggi.
- Tenang ketika menghadapi masalah.
- Mempunyai ciri-ciri kepemimpinan yang baik.
- Sentiasa menyokong hasrat murni Alif.

Abang Man

- Seorang yang agresif.
- Tidak berhemah.
- Gemar menggunakan kata-kata kesat.
- Bersikap terburu-buru.
- Tidak berfikir jauh.

Plot

Binaan Plot

- Permulaan – Alif terkenang akan perbualan dia dengan ayahnya suatu ketika dahulu. Alif berkata bahawa kuning padi seperti emas. Kata ayah Alif, kalau berbudi kepada tanah, mereka akan menuai emas nanti. Alif berbisik bahawa tidak lama lagi dia akan menuai emas. Alif terkenang akan kata-kata emaknya pula. Alif mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana emaknya telah mendidiknya tentang makna syukur, sabar, dan reda. Alif tersedar daripada lamunan apabila mendengar bunyi hon motosikal. Tuk Ketua yang menunggang motosikal tersebut menyapa Alif. Tuk Ketua bertanya waktu jentera tuai padi akan sampai. Alif menjawab bahawa jentera tersebut akan sampai pada hari esok. Kerja menuai padi pun akan dimulakan esok.

- Perkembangan – Alif teringat akan peristiwa setahun yang lalu. Alif berbalah dengan Abang Man di rumahnya. Abang Man dan beberapa orang pemilik tanah sawah yang bakal dibangunkan taman perumahan datang ke rumah Alif. Mereka tidak berpuas hati atas tindakan Alif yang tidak mengizinkan dua petak sawahnya dijadikan taman perumahan. Kebanyakan pemilik tanah sawah yang berkenaan telah bersetuju untuk melepaskan tanah masing-masing. Abang Man meminta Mak Wan, iaitu emak Alif menasihati Alif supaya bersetuju untuk menjual petak sawahnya kepada syarikat perumahan. Abang Man dengan sinis berkata bahawa masakan lulusan universiti dalam bidang ekonomi seperti Alif mahu membuat kerja kampung. Abang Man turut mengatakan bahawa mungkin Alif tidak lulus dalam peperiksaan. Oleh sebab itulah, dia berkeras mahukan dua petak sawah tersebut. Emak Alif dan Tuk Ketua terkejut apabila mendengar kata-kata Abang Man itu. Akhirnya, emak Alif bersuara. Dia menyuruh mereka yang berkumpul di rumahnya itu pulang dahulu. Dia akan berbincang secara anak-beranak dengan Alif. Seterusnya, Alif teringat pula akan perbualannya dengan pegawai pertanian. Pegawai itu menasihati Alif agar tidak memandang ringan terhadap bidang pertanian.
- Klimaks – Alif teringat akan peristiwa Abang Man dan beberapa orang jiran sekampung menyerang rumahnya. Abang Man menyalahkan Alif kerana projek perumahan itu dibatalkan. Namun demikian, Alif memberitahu bahawa dia hanya berdoa kepada Allah agar projek perumahan itu dibatalkan. Jika doanya itu salah, Alif meminta Abang Man membuat laporan polis. Abang Man tergamam dengan kata-kata Alif itu. Alif juga meminta restu daripada semua tuan tanah itu bahawa dia akan menjadikan petak-petak sawah tersebut sebagai estet padi.
- Peleraian – Projek estet padi mini yang berkeluasan 58.609 hektar dengan penglibatan 15 orang tuan tanah itu kini semakin menampakkan hasil. Usaha Alif berjaya berkat berbudi kepada tanah. Alif tetap bersabar menunggu hari esok untuk menuai emas.

Teknik Plot

- Dialog.
- Pemerian.
- Imbas kembali.

Latar

Latar Tempat

- Petak bendang.
- Anjung rumah Alif.
- Petak-petak sawah di Seberang Perak.

Latar Masa

- Waktu awal pagi.
- Setahun yang lalu.

Latar Masyarakat

- Masyarakat golongan petani.
- Masyarakat yang berilmu.
- Masyarakat yang agresif.
- Masyarakat yang berhemah tinggi.
- Masyarakat yang berfikir positif.
- Masyarakat yang mempunyai nilai kepemimpinan yang tinggi.

Unsur Gaya Bahasa

- Bahasa Arab. Contohnya, *Alhamdulillah; Insya-Allah.*
- Metafora. Contohnya, *pita ingatan; pisau kata-kata.*
- Simile. Contohnya, *Kuningnya seperti emas; hati yang terasa seperti mahu luruh.*
- Personifikasi. Contohnya, *Petak-petak yang telah menyajikan uji semangat leluhurnya; Wajah Abang Man datang mendadak menyerang benak.*
- Peribahasa. Contohnya, *tersenyum-senyum kambing; kata putus; naik angin.*
- Sinkope. Contohnya, *Dia seorang saja yang tak beri kata putus; Anak Mak Wan seorang saja yang tolak tuah.*

Nilai

- | | | |
|----------------|-------------------|-------------------|
| (a) Keyakinan. | (d) Keberanian. | (g) Berdikari. |
| (b) Ketabahan. | (e) Kerjasama. | (h) Kesyukuran. |
| (c) Kegigihan. | (f) Hemah tinggi. | (i) Kepemimpinan. |

Pengajaran

- Kita hendaklah yakin akan kebolehan diri sendiri dalam melakukan sesuatu perkara.
- Kita hendaklah tabah dalam menghadapi segala dugaan untuk memperoleh kejayaan.

- (c) Kita hendaklah gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu ilmu atau pengalaman.
- (d) Kita mestilah berani mempertahankan hak milik keluarga terutamanya dalam hal tanah.
- (e) Kita hendaklah berkongsi ilmu dan memberikan semangat kepada golongan yang ingin memajukan sesuatu bidang.
- (f) Kita hendaklah sentiasa bersyukur atas segala nikmat kurniaan Tuhan kepada kita.
- (g) Kita digalakkan untuk berbakti kepada tanah supaya memperoleh manfaat daripadanya.



UNIT 5: Drama

Mahkamah (Awang Abdullah)

Sinopsis

Setelah semua hadir di dalam mahkamah itu, hakim memulakan perbincangan. Pegawai meminta Tertuduh I masuk. Tertuduh I mengangkat sumpah. Pendakwa raya membaca pertuduhan terhadap Tertuduh I, iaitu Bulat bin Leper. Dia telah dituduh menyebabkan kematian seorang nenek tua, iaitu Mek Teh binti Jali yang berumur 99 tahun di Taman Gagak Putih.

Bulat bin Leper memahami pertuduhan yang dibaca oleh pendakwa raya tersebut. Namun begitu, dia tidak mengaku bersalah. Peguam bela dipanggil masuk ke ruang perbincangan untuk membela Bulat bin Leper. Bulat bin Leper mengaku bahawa dia berada di Taman Gagak Putih ketika itu. Dia telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya. Pendakwa raya menyatakan bahawa seorang nenek yang sedang berjoging telah terpijak kulit pisang yang dibuang oleh Bulat bin Leper itu. Nenek tersebut tergelincir dan jatuh. Kejadian itu menyebabkan pinggang nenek tua itu patah. Malah, nenek tua itu meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital. Pendakwa raya mendesak Bulat bin Leper supaya mengaku bahawa pernyataan tersebut benar. Bulat bin Leper tetap tidak mahu mengaku. Peguam bela bangun lalu membantah tindakan pendakwa raya yang seolah-olah cuba menekan anak guamnya.

Peguam bela menyatakan bahawa pada waktu tersebut Bulat bin Leper telah makan sebiji pisang berangan. Kulit pisang itu dibuang oleh Bulat bin Leper ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak berwajib, tetapi pintunya sudah rosak. Bulat bin Leper mengaku bahawa kenyataan tersebut benar. Peguam bela menyambung kenyataan bahawa Bulat bin Leper sedar bahawa tugas membaiki pintu tong sampah itu bukan tugasnya. Tambah peguam bela lagi, tindakan membuang kulit pisang itu ke dalam tong sampah sudah cukup memperlihatkan kesedaran sivik Bulat bin Leper. Malah, Bulat bin Leper telah menunjukkan contoh yang baik.

Pendakwa raya membantah hujah peguam bela dengan menyatakan bahawa peguam bela cuba memutarbelitkan kenyataan. Peguam bela menyambung hujahnya dengan menyatakan bahawa Bulat bin Leper telah membuang kulit pisang itu ke dalam tong sampah. Seekor kambing yang sangat kurus dan lapar telah makan sisa buangan di dalam tong sampah itu dengan rakusnya sehingga kulit pisang tersebut tercampak ke jalan raya. Oleh sebab kambing tersebut terlalu letih, matanya menjadi kabur dan berpintar-pintar. Kambing itu tidak nampak kulit pisang sehingga kulit pisang itu terkais ke atas jalan raya. Ketika nenek tua melalui jalan itu, dia terpijak kulit pisang itu lalu terjatuh. Seterusnya, nenek tua itu meninggal dunia. Dengan itu, jelaslah bahawa Bulat bin Leper tidak bersalah. Yang bersalah ialah kambing yang kurus itu. Oleh itu, kambing tersebutlah yang perlu dihukum bukannya Bulat bin Leper. Peguam bela merayu agar mahkamah membebaskan Bulat bin Leper daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

Pendakwa raya pula meminta mahkamah menjatuhkan hukuman yang berat terhadap Bulat bin Leper. Pendakwa raya menyatakan bahawa mahkamah adalah untuk manusia, bukan untuk binatang. Peguam bela tidak bersetuju dengan kenyataan pendakwa raya. Peguam bela menyatakan bahawa setiap binatang peliharaan mesti ada tuannya. Oleh itu, tuan empunya kambing itulah yang perlu dihukum. Jika tidak ada yang mahu mengaku, maka kambing itu harus menjadi milik pihak berwajib. Setelah meneliti hujah pendakwa raya dan peguam bela, hakim membuat keputusan bahawa Bulat bin Leper tidak bersalah.

Mahkamah berhenti rehat. Selepas dua minit, mahkamah bersidang semula. Tertuduh II dipanggil masuk. Tertuduh II tidak pandai berbahasa Melayu. Seisi mahkamah kecuali hakim ketawa apabila Tertuduh II mengangkat sumpah dalam bahasa yang tidak difahami. Hakim menyuruh pegawai memanggil penterjemah. Pendakwa raya membaca pertuduhan terhadap Tertuduh II, iaitu Akinomoto. Pada 20 Mac 1988, Akinomoto telah dituduh mencuri seekor beruk subsidi milik kerajaan Malaysia dari stor JKK Ulu Dungun. Akinomoto tidak faham akan istilah beruk subsidi. Oleh itu, hakim meminta pendakwa raya memperincikan istilah beruk subsidi tersebut. Pendakwa Raya memberi penjelasan tentang istilah tersebut dengan menggunakan Bahasa Inggeris seperti yang tercatat dalam kamus *The Advance Dictionary of the Modern English for the Malaysian World*.

Akinomoto menyatakan bahawa dia semakin tidak faham dan meminta pendakwa raya menggunakan bahasa Melayu. Hakim bersetuju bahawa bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan seharusnya digunakan di dalam mahkamah tersebut. Beliau meminta pendakwa raya menghuraikan istilah beruk subsidi tersebut dalam bahasa Melayu. Akinomoto memahami penjelasan tentang istilah beruk subsidi itu dan mengaku bersalah atas tuduhan tersebut. Akinomoto turut menyatakan bahawa ibu beruk itu sudah hamil. Dia mahu mengembalikan ibu beruk itu kepada yang berhak dan dia mahu membela anaknya.

Hakim memerintahkan Akinomoto memelihara ibu beruk itu sehingga selamat melahirkan anaknya. Sebagai dendanya, Akinomoto perlu menjaga anak beruk itu sehingga mencapai umur akil baligh. Akinomoto juga dipaksa memanjat pokok kelapa dengan anak beruk itu menjadi tuannya.

Tema

Keadilan dan kebenaran ketika membuat sesuatu keputusan.

Persoalan

- (a) Kemiskinan menghalang seseorang itu mengambil peguam untuk membela dirinya.
- (b) Keadilan mesti ditegakkan dalam apa-apa cara sekalipun.
- (c) Kehidupan golongan yang terlibat dengan kerja-kerja untuk menegakkan keadilan dan kebenaran sama seperti kehidupan orang biasa.
- (d) Isu bahasa Melayu di mahkamah.
- (e) Denda akan dikenakan terhadap pihak yang bersalah.

Watak dan Perwatakan

Hakim

- (a) Golongan intelektual.
- (b) Pandai bergurau.
- (c) Adil dan saksama.
- (d) Amanah dalam menjalankan tugas.

Pendakwa raya

- (a) Golongan intelektual.
- (b) Tegass dengan hujahnya.
- (c) Menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab.

Peguam bela

- (a) Tegass.
- (b) Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.
- (c) Sanggup berkhidmat secara percuma untuk orang susah.
- (d) Yakin ketika berhujah.

Tertuduh I (Bulat bin Leper)

- (a) Orang miskin.
- (b) Dituduh membunuh nenek tua.
- (c) Berani berdepan dengan pendakwa raya.
- (d) Seorang yang bertanggungjawab.

Tertuduh II (Akinomoto-komokotoko)

- (a) Dipanggil Akinomoto.
- (b) Dituduh mencuri beruk subsidi milik kerajaan Malaysia.
- (c) Tidak fasih berbahasa Melayu.
- (d) Prihatin terhadap keadaan beruk yang telah dicurinya itu.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Setelah semua hadir di dalam mahkamah itu, hakim memulakan perbincangan. Pegawai meminta Tertuduh I masuk. Tertuduh I mengangkat sumpah. Pendakwa raya membaca pertuduhan terhadap Tertuduh I, iaitu Bulat bin

- Leper. Dia telah dituduh menyebabkan kematian seorang nenek tua, iaitu Mek Teh binti Jali yang berumur 99 tahun di Taman Gagak Putih. Peguam bela dipanggil masuk ke ruang perbicaraan untuk membela Bulat bin Leper. Peguam bela diberi tempoh seminit untuk berunding dengan anak guamnya.
- (b) Perkembangan – Bulat bin Leper mengaku bahawa dia berada di Taman Gagak Putih ketika itu. Dia telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya. Namun begitu, dia tidak mengaku bahawa dia yang menyebabkan kematian Mek Teh. Pendakwa raya dan peguam bela saling berbalas hujah. Peguam bela membangkitkan isu tentang seekor kambing yang sangat kurus dan lapar. Kambing itu telah makan sisa buangan di dalam tong sampah itu dengan rakusnya. Akibatnya, kulit pisang yang dibuang oleh Bulat bin Leper tercampak ke jalan raya. Ketika nenek tua melalui jalan itu, dia terpijak kulit pisang itu lalu terjatuh. Seterusnya, nenek tua itu meninggal dunia. Dengan itu, jelaslah bahawa Bulat bin Leper tidak bersalah. Peguam bela merayu agar mahkamah membebaskan Bulat bin Leper daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat. Setelah meneliti hujah pendakwa raya dan peguam bela, hakim membuat keputusan bahawa Bulat bin Leper tidak bersalah.
- (c) Klimaks – Tertuduh II dipanggil masuk. Tertuduh II tidak pandai berbahasa Melayu. Hakim menyuruh pegawai memanggil penterjemah. Pendakwa raya membaca pertuduhan terhadap Tertuduh II, iaitu Akinomoto. Pada 20 Mac 1988, Akinomoto telah dituduh mencuri seekor beruk subsidi milik kerajaan Malaysia dari stor JKK Ulu Dungun. Akinomoto tidak faham akan istilah beruk subsidi. Oleh itu, hakim meminta pendakwa raya memperincikan istilah beruk subsidi tersebut. Pendakwa raya memberikan penjelasan tentang istilah tersebut dengan menggunakan bahasa Inggeris. Akinomoto semakin tidak faham dan meminta pendakwa raya menggunakan bahasa Melayu. Hakim meminta pendakwa raya menghuraikan istilah beruk subsidi tersebut dalam bahasa Melayu. Akinomoto memahami penjelasan tentang istilah beruk subsidi itu dan mengaku bersalah atas tuduhan tersebut. Akinomoto turut menyatakan bahawa ibu beruk itu sudah hamil. Dia mahu mengembalikan ibu beruk itu kepada yang berhak dan dia mahu membela anaknya.
- (d) Peleraian – Hakim memerintahkan Akinomoto memelihara ibu beruk itu sehingga selamat melahirkan anaknya. Sebagai dendanya, Akinomoto perlu menjaga anak beruk itu sehingga mencapai umur akil baligh. Akinomoto juga dipaksa menanjat pokok kelapa dengan anak beruk itu menjadi tuannya.

Teknik Plot

- (a) Dialog. (b) Pemerian.

Latar

Latar Tempat

- (a) Mahkamah. (c) Stor JKK Ulu Dungun.
(b) Taman Gagak Putih.

Latar Masa

- (a) Waktu pagi. (d) 1 minit.
(b) 10 Januari 1988. (e) 2 minit.
(c) 20 Mac 1988.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat intelektual.
(b) Masyarakat yang hidup miskin.
(c) Masyarakat yang baik hati.
(d) Masyarakat yang prihatin terhadap haiwan.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Penggunaan bahasa Inggeris. Contohnya, *The Advance Dictionary of the Modern English for the Malaysians World*.
(b) Peribahasa. Contohnya, *Malang tak berbau*.
(c) Sinkope. Contohnya, *Oh, itu tak jadi masalah; tapi sikit saja, tau*.

Nilai

- (a) Keadilan. (d) Keyakinan. (g) Keberanian.
(b) Tanggungjawab. (e) Rasional. (h) Keprihatinan.
(c) Ketegasan. (f) Simpati.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah tegas dalam menjalankan sesuatu tugas.
(b) Kita mestilah bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

- (c) Kita hendaklah bersimpati terhadap golongan miskin.
(d) Kita hendaklah bersikap rasional ketika menjalankan tugas.
(e) Kita mestilah menggunakan bahasa Melayu terutamanya dalam urusan rasmi.
(f) Kita mestilah berani kerana benar.

NOVEL

1 MENITI IMPIAN (Osman Ayob)

Edisi: Selangor, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Negeri Sembilan

Sinopsis

Zahar seorang pelajar yang mempunyai keazaman dan cita-cita yang tinggi. Impiannya untuk melanjutkan pelajaran ke ITM selepas menduduki peperiksaan SPM musnah. Hal ini berlaku demikian kerana dia demam sewaktu peperiksaan berlangsung. Kemiskinan menyebabkan Zahar tidak berpeluang untuk belajar semula. Zahar terpaksa memikul tanggungjawab untuk membantu dua orang adiknya yang masih bersekolah. Bapa Zahar telah meninggal dunia, sementara ibunya hanya mengambil upah menoreh getah dan menganyam tikar mengkuang bagi menyara kehidupan mereka sekeluarga. Tanggungjawab sebagai anak sulung memaksa Zahar melupakan impiannya untuk ke menara gading seketika. Tindakannya itu telah disalahertikan oleh kawan baiknya, Suhaili. Suhaili menganggap Zahar sebagai manusia yang gagal kerana tidak berjaya ke ITM walaupun semasa di sekolah mereka telah berjanji bersama-sama untuk ke ITM.

Bagi meringankan beban ibunya, Zahar membantu bapa saudaranya, Pak Yusuf di bengkel perabot. Pak Yusuf dapat mengesan bakat, keazaman, dan kemahiran yang dimiliki oleh anak saudaranya itu. Dia sentiasa memberi perangsang dan dorongan agar Zahar berjaya suatu masa nanti. Zahar memberitahu Pak Yusuf bahawa dia sangat berminat dalam kerja pertukangan perabot dan bercita-cita untuk memiliki bengkel perabot suatu masa nanti. Oleh itu, dia telah membuat permohonan ke IKM bagi memenuhi impiannya itu. Pak Yusuf berasa amat gembira. Pak Yusuf berharap agar Zahar dapat meneruskan warisannya sebagai tukang perabot di kampungnya nanti. Impian Zahar untuk ke IKM terlaksana. Permohonannya untuk mengikuti kursus Pertukangan Perabot telah berjaya. Dia ingin berkongsi kegembiraan bersama kawan baiknya, Suhaili yang telah pun berada di tahun akhir di ITM. Suhaili memandang rendah terhadap kejayaan Zahar. Bagi Suhaili, IKM tidak akan menjanjikan masa depan yang baik untuk Zahar. Suhaili beranggapan bahawa IKM hanya melahirkan pelatih yang gagal dan akhirnya merempat. Zahar menyimpan azam untuk membuktikan bahawa lepasan IKM juga dapat mencipta kejayaan pada masa depan. Kesedihan Zahar semakin terasa apabila melihat Suhaili memasuki kereta yang dipandu oleh seorang lelaki yang tampan.

Semasa di IKM, Zahar telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang dalam peperiksaan dan juga latihan amali. Di sana Zahar telah berjumpa dengan rakan-rakan baharu yang juga mempunyai cita-cita sepertinya. Kesedihan hatinya sedikit terubat apabila bertemu dengan Norimi yang mengikuti bidang Lukisan Seni Bina. Selepas enam bulan berkursus, Zahar dan rakan-rakannya telah diarahkan untuk mengikuti latihan praktikal di kilang. Zahar telah diterima menjalani latihan di kilang perabot Usaha Bersatu Sendirian Berhad. Kilang itu terletak di kawasan perindustrian Kamunting, Taiping. Secara kebetulan, Suhaili turut bekerja sebagai Penolong Ketua Unit Pemasaran di kilang yang sama. Suhaili berasa bersalah atas kata-katanya terhadap Zahar dahulu. Dia cuba meminta maaf dan ingin membantu Zahar untuk bekerja di kilang tersebut tetapi Zahar menolak bantuan Suhaili itu dengan tegas. Hatinya kini telah dimiliki oleh orang lain dan dia tidak mahu meminta pertolongan kepada orang yang pernah menghinanya dahulu. Sampai masanya latihan praktikal Zahar di kilang itu tamat. Zahar diberi pujian oleh pihak pengurusan kilang kerana telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Selepas menamatkan kursusnya di IKM, Zahar kembali ke kampung. Dia menyatakan keinginannya untuk membuka sebuah bengkel perabot di kampung kepada ibunya, Pak Yusuf, dan rakan-rakan lamanya. Mereka sangat gembira kerana impian Zahar akhirnya terlaksana. Dengan bantuan pinjaman kewangan daripada MARA sebanyak RM 10,000 dan juga sumbangan daripada Pak Yusuf sebanyak RM5,000, Zahar telah berjaya membuka bengkel perabotnya. Kini, segala impian Zahar tercapai. Zahar berjaya membuktikan kepada Suhaili bahawa belajar di IKM juga mampu untuk mengubah nasib seseorang. Bengkel perabot milik Zahar menjadi makin terkenal apabila kisah perjalanan hidupnya untuk mencapai impiannya itu tersiar dalam akhbar. Norimi mengirimi surat kepada Zahar dan itu ialah tanda bahawa dia akan dapat melangsungkan hubungan dengan gadis tersebut. Bapa saudara Zahar, Pak Yusuf juga mengharap Zahar akan berjodoh dengan Norimi.

Inti Pati Bab

Bab 1: Cita-cita

- Pak Yusuf berasa simpati akan nasib yang menimpa anak saudaranya, Zahar
- Selepas gagal menduduki tingkatan enam, Zahar banyak mendiamkan diri dan termenung
- Impian Zahar untuk belajar terhalang kerana ibunya tidak mampu
- Ibu Zahar perlu menanggung belanja persekolahan dua orang adik Zahar
- Zahar sanggup bekerja di bengkel perabot kecil milik Pak Yusuf untuk membantu ibunya
- Pak Yusuf tahu bahawa Zahar mempunyai keazaman dan cita-cita yang tinggi untuk berjaya
- Pak Yusuf bertanya kepada Zahar tentang keputusan temu duga tempoh hari
- Zahar menjawab bahawa keputusan temu duga tersebut mungkin keluar dalam minggu itu
- Pak Yusuf berharap agar Zahar dapat masuk ke IKM
- Walaupun dengan peralatan yang serba kekurangan, Pak Yusuf dapat menghasilkan perabot yang baik seperti yang diminta oleh orang kampung dengan bantuan Zahar
- Pak Yusuf sentiasa memberi perangsang kepada Zahar agar dapat mencapai impiannya untuk belajar di IKM
- Pak Yusuf yakin bahawa Zahar akan cepat mahir jika mendapat latihan yang lebih sempurna

Bab 2: Tawaran

- Mak Kiah menunggu kepulangan Zahar di rumah pada tengah hari itu
- Mak Kiah menunjukkan sekeping surat kepada Zahar
- Zahar membaca surat itu – berjaya masuk ke IKM – ditawarkan Kursus Pertukangan Perabot di IKM Sungai Petani
- Zahar berkongsi kegembiraan dengan rakan-rakannya, Bakar dan Rahim
- Zahar teringat sewaktu zaman persekolahannya dahulu dan kejayaan Suhaili belajar di ITM
- Zahar berasa rendah diri – hanya mampu belajar di IKM jika hendak dibandingkan dengan Suhaili
- Zahar pulang dari masjid menunaikan solat isyak – termenung – hatinya berkonflik – mahu memberitahu Suhaili tentang tawaran yang diterimanya siang tadi atau tidak
- Hati Zahar resah gelisah apabila teringatkan Suhaili bekas rakan sekolahnya dulu
- Hingga lewat malam baru Zahar dapat melelepkan mata

Bab 3: Cabaran

- Zahar ingin berkongsi kegembiraannya dengan Suhaili
- Zahar menelefon Suhaili
- Zahar berasa gembira – Suhaili sudi bertemu dengannya di *City Point*, Alor Setar
- Zahar mengimbas kembali kenangan sewaktu di sekolah – sering berbincang dan berdebat dengan Suhaili di dalam bilik darjah
 - keintiman Zahar dengan Suhaili menyebabkan Bakar selalu mengusiknya
 - Suhaili pendiam tetapi mudah mesra
 - Suhaili menjadi kawan baiknya
 - Sikap Zahar yang mementingkan pelajaran membuat Suhaili menyenangi

- Suhaili mencabar Zahar untuk mendapatkan gred satu dalam peperiksaan SPM supaya mereka dapat masuk ke ITM bersama-sama
- Zahar menyahut cabaran Suhaili
- Segala cita-cita Zahar musnah kerana dia demam sewaktu peperiksaan berlangsung

Bab 4: Pertemuan

- Perasaan Zahar berdebar-debar dan sedikit gugup untuk bertemu dengan Suhaili
- Zahar sengaja pergi awal ke Alor Setar kerana tidak mahu menaiki bas yang sama dengan Suhaili
- Zahar bimbang jika orang kampung ternampak kelibatnya bersama Suhaili pasti akan menjatuhkan air mukanya
- Saat yang dinanti-nanti pun tiba
- Zahar berasa sangat teruja untuk bertemu dengan Suhaili
- Zahar memberitahu Suhaili tentang tawaran yang telah diterimanya
- Suhaili kecewa kerana Zahar tidak meneruskan cita-citanya untuk ke ITM
- Zahar cuba mempertahankan dirinya – mengatakan bahawa dia tidak mampu – ibunya susah – terpaksa menanggung dua orang adiknya yang masih bersekolah
- Penjelasan Zahar tidak dapat diterima oleh Suhaili
- Suhaili memandang rendah pada lepasan IKM
- Bagi Suhaili, IKM tidak akan menjanjikan masa depan yang baik untuk Zahar – beranggapan bahawa IKM hanya melahirkan pelatih yang gagal dan akhirnya merempat
- Zahar berasa terhina oleh kata-kata Suhaili
- Suhaili minta diri secara tergesa-gesa
- Zahar mengekori Suhaili dari belakang secara senyap-senyap
- Suhaili memasuki kereta yang dipandu oleh seorang lelaki yang tampan

Bab 5: Dilema

- Zahar berasa amat sedih
- Zahar teringat akan kata-kata Suhaili tempoh hari – penuh dengan penghinaan dan sindiran
- Kata-kata Suhaili itu tidak melemahkan semangat Zahar untuk mencapai cita-citanya
- Kemurungan Zahar disedari oleh Pak Yusuf
- Zahar memberitahu Pak Yusuf bahawa dia tidak apa-apa
- Zahar berdalih – agak sedih kerana terpaksa meninggalkan Pak Yusuf keseorangan bekerja di bengkel itu
- Hakikatnya kata-kata yang keluar daripada mulut Suhaili kelmarin benar-benar menghiris tangkai hati Zahar
- Pak Yusuf memujuk Zahar – berjanji untuk membantu persekolahan adik-adik Zahar sewaktu dia belajar di IKM
- Zahar berasa terharu
- Zahar berjanji akan belajar sungguh-sungguh hingga berjaya mencapai cita-citanya sebagai tukang perabot yang terkenal suatu hari nanti
- Perbualan Zahar dan Pak Yusuf terhenti apabila Mak Temah memberitahu Pak Yusuf bahawa hidangan telah siap
- Mak Temah meminta Pak Yusuf mengajak Zahar makan

Bab 6: Perjalanan

- Awal-awal lagi Pak Yusuf, iaitu adik kepada emak Zahar sudah sampai di rumah Zahar
- Pak Yusuf memberitahu emak Zahar bahawa dia telah menempah sebuah teksi untuk membawa Zahar ke IKM di Sungai Petani
- Zahar berasa kurang senang kerana Pak Yusuf telah menyewa kereta Pak Usin, iaitu bapa saudara Suhaili
- Tidak lama kemudian, Pak Usin tiba
- Tauke Lim turut menaiki teksi yang sama dengan Zahar dan Pak Yusuf
- Tauke Lim hanya menumpang teksi tersebut hingga ke Pekan Lama
- Tauke Lim memuji Zahar kerana mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pengusaha perabot
- Perjalanan mereka tiba di destinasi
- Zahar ke kaunter pendaftaran
- Zahar diminta mengisi satu set borang – menyerahkan borang itu kepada kerani yang bertugas
- Kerani itu memberitahu Zahar bahawa dia ditempatkan di asrama di dalam institut
- Zahar mencari Pak Yusuf
- Pak Yusuf memperkenalkan Pak Kamil yang turut menghantar anak gadisnya ke IKM kepada Zahar

- Hati Zahar berdegup kencang melihat anak gadis Pak Kamil yang bernama Norimi
- Norimi berasa sesuatu yang berbeza sewaktu melihat Zahar
- Norimi mengambil bidang Lukisan Seni Bina
- Mereka berjalan menuju ke asrama
- Dalam perjalanan menaiki tangga asrama Zahar melihat sekumpulan pelatih berkerumun di hadapan papan kenyataan
- Zahar membaca sekeping poster pada papan kenyataan itu
 - minggu suai kenal akan diadakan pada hari itu – semua pelatih baharu diminta berkumpul di padang institut pada pukul 2:30 petang

Bab 7: Suai Kenal

- Minggu suai kenal bermula
- Minggu suai kenal itu dikendalikan oleh pelatih senior
- Pelatih senior mengingatkan pelatih baharu tentang masa depan mereka sebagai pekerja kolar biru yang akan bekerja di bengkel, di tapak binaan, atau di tengah terik matahari
- Semua pelatih IKM mesti memiliki semangat, cita-cita, dan keyakinan yang kental untuk berjaya mengejar cita-cita
- Pelatih baharu dipecahkan kepada enam kumpulan – setiap kumpulan diketuai oleh seorang pelatih senior
- Semua pelatih baharu bergerak mengikut ketua masing-masing menuju ke tempat yang telah ditetapkan
- Sebelum itu, mereka singgah di stor untuk mengambil pelbagai peralatan untuk bergotong-royong
- Semua pelatih bergotong-royong membersihkan kawasan belakang institut yang akan didirikan bangunan asrama yang baharu
- Zahar sempat berbual mesra dengan Norimi
- Apabila aktiviti gotong-royong tamat, para pelatih diarahkan ke dewan makan untuk minum petang
- Pelatih senior memaklumkan bahawa selepas minum nanti pelatih baharu boleh balik ke asrama dan berehat
- Pelatih baharu diingatkan agar berkumpul di surau sebelum maghrib untuk solat maghrib bersama-sama
- Selepas makan malam pukul 8:00 nanti para pelatih baharu diminta berhimpun di dewan utama – acara suai kenal yang istimewa sudah diatur untuk mereka

Bab 8: Kemahiran

- Minggu suai kenal sudah berakhir
- Semua pelatih ditempatkan di dalam kelas mengikut bidang kursus masing-masing
- Zahar yang mengikuti kursus Pertukangan Perabot mendapat cikgu Baharum sebagai guru kelasnya
- Cikgu Baharum memulakan sesi pengenalan diri
- Semua pelatih diminta:
 - memperkenalkan diri
 - menceritakan latar belakang kehidupan mereka
 - menyatakan cita-cita selepas menamatkan latihan di IKM nanti
- Zahar menceritakan pengalamannya mula terbabit dalam kerja-kerja pembinaan perabot bersama-sama dengan bapa saudaranya
- Cikgu Baharum berasa gembira apabila Zahar menyatakan bahawa dia mahu memiliki bengkel sendiri dan menghasilkan perabot yang canggih suatu hari nanti
- Cikgu Baharum memulakan kelas dengan penerangan lengkap tentang latihan Pertukangan Perabot
- Zahar berasa kagum melihat peralatan yang ada
- Selepas menerangkan jenis-jenis kayu dan papan yang sesuai dibuat perabot, Cikgu Baharum membawa semua pelatihnya ke Blok B
- Di blok tersebut terdapat stor penyimpanan berbagai-bagai kayu dan perabot
- Zahar tertarik melihat deretan mesin yang terletak di sebelah stor menyimpan kayu dan papan
- Cikgu Baharum menyatakan bahawa semua pelatihnya tidak dibenarkan menggunakan mesin tersebut melainkan mereka sudah mahir menggunakan alat pertukangan biasa
- Cikgu Baharum turut mengingatkan para pelatihnya bahawa pelajaran teori sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan masa yang diperuntukkan sepanjang latihan yang akan dijalankan
- Para pelatih akan banyak terdedah kepada latihan amali yang dilaksanakan di dalam bengkel
- Di kampus, Zahar telah memulakan persahabatan dengan rakan-rakan yang baharu

- Antara semua kenalan baharu Zahar, Noimilah yang paling dekat dalam hatinya

Bab 9: Kepulangan

- Zahar pulang ke kampung pada hujung minggu itu
- Kepulangan Zahar kali ini terasa lain daripada kepulangannya pada masa-masa yang lalu
- Zahar melihat ramai orang di rumah Pak Karim
- Beberapa orang kampung sedang sibuk menumis gula
- Zahar tertanya-tanya tentang kenduri yang diadakan di rumah Pak Karim, iaitu ketua kampungnya itu
- Setibanya di rumah, Zakri, adik Zahar yang bongsu memberitahu bahawa emak dan abangnya, Halim telah pergi ke rumah Pak Karim
- Zakri mengatakan bahawa kenduri itu diadakan adalah untuk meraikan Suhaili yang berjaya mendapat kerja di Petaling Jaya
- Zahar mengambil keputusan untuk pergi ke rumah Pak Yusuf
- Rumah Pak Yusuf lengang
- Zahar masuk ke dalam bengkel – tertarik melihat rangka almari yang sudah berdiri tegak
- Zahar teringat akan kata-kata Cikgu Baharum tentang ciri-ciri perabot yang bermutu
- Zahar melangkah ke tempat kerja Pak Yusuf – mengambil sekeping papan lalu mengetamnya
- Pak Yusuf pulang – bertanyakan sebab Zahar tidak pergi ke rumah Pak Karim
- Zahar memberikan alasan – segan – selepas zuhur pasti kenduri sudah habis
- Zahar bertanyakan orang yang menempah almari itu
- Pak Yusuf menjawab bahawa orang tersebut ialah Tauke Lim
- Tidak lama kemudian, Mak Temah pula pulang
- Mak Temah bertanyakan sebab Zahar tidak pergi ke rumah Pak Karim
- Zahar memberikan alasan – pulang lewat tadi
- Mak Temah menyuruh Zahar makan nasi kenduri yang dibawanya dari rumah Pak Karim
- Zahar terpaksa akur walaupun hatinya berat untuk menjamah hidangan tersebut

Bab 10: Nota

- Suasana di pejabat IKM sibuk
- Pelatih berbaris untuk mengambil wang imbuhan masing-masing
- Zahar mendapat wang imbuhan sebanyak RM200
- Dengan wang itu, Zahar berbelanja sejiat-jimatnya hingga cukup bulan – tidak mahu menyusahkan emaknya – emaknya sudah cukup bersusah payah mencari wang untuk menyekolahkan dua orang adiknya
- Zahar bersyukur – emaknya yang sebelum ini sakit-sakit kelihatan sudah sihat – sudah menoreh getah semula
- Pada hari-hari tidak bersekolah, Halim dan Zakri turut membantu emaknya memesis getah dan menetak mengkuang
- Zahar selalu mengingatkan adik-adiknya agar ringan tulang dan belajar sungguh-sungguh
- Setelah mengambil wang imbuhan Zahar keluar dari kaunter pejabat – beredar ke tempat surat
- Habsah memberitahu Zahar bahawa ada surat untuknya
- Norimi yang juga berada di situ seolah-olah terasa cemburu – menyangka surat tersebut datang daripada teman wanita Zahar
- Zahar menafikannya tetapi Norimi tidak percaya
- Zahar ke tandas – membaca surat itu – surat daripada Suhaili
- Isi surat itu:
 - Suhaili meminta maaf kepada Zahar atas kata-kata dan tingkah lakunya semasa mereka berjumpa dahulu
 - mengatakan bahawa dia akan memilih haluan sendiri
 - meminta Zahar memilih haluan Zahar
 - meminta Zahar meleraikan ikatan hati antara mereka berdua
- Zahar tidak berminat untuk meneruskan pembacaannya lagi – kembali ke kelas – meneruskan kerjanya membuat sebuah kerusi
- Zahar mahu mendengar komen Cikgu Baharum tentang rangka asas kerusi itu
- Sementara menunggu Cikgu Baharum, Zahar mengeluarkan surat dari saku bajunya
- Surat yang baru diterimanya daripada Suhaili tidak akan mematahkan semangat Zahar
- Dia akan membalas surat Suhaili itu dengan ringkas sahaja

Bab 11: Parut Luka

- Zahar mengizinkan Norimi membaca surat yang telah dihantar oleh Suhaili untuk meleraikan perasaan cemburunya

- Norimi meminta maaf kerana telah membaca surat yang terlalu peribadi walaupun dengan keizinan daripada tuannya
- Melalui surat tersebut, barulah Norimi tahu bahawa Zahar ke IKM membawa hati yang luka
- Perbualan Zahar dan Norimi terganggu seketika apabila Maarof ketua pasukan bola sepak mengajak Zahar berlatih sekali di padang
- Zahar diajak berlatih bermain bola sepak bersama dengan kawan-kawannya
- Ramli yang turut berada di situ memperli Zahar hingga menyebabkan dia berasa tercabar
- Zahar menunjukkan kehebatannya sebagai pemain bola sepak
- Norimi yang berada di tepi padang memberi sokongan moral kepada Zahar
- Bagi Norimi, langkah baiknya kalau Zahar terpilih ke Alor Setar nanti

Bab 12: Kejohanan

- Bas yang membawa pasukan bola sepak IKM Sungai Petani dan penyokong-penyokongnya bergerak meninggalkan pekarangan IKM Alor Setar
- Maarof sebagai ketua pasukan meminta rakan-rakan yang lain memberikan tepukan kepada Zahar kerana telah membantu IKM Sungai Petani menyalahkan IKM Alor Setar
- Rakan-rakan Zahar termasuklah Norimi yang berada di sebelah Zahar bertepuk tangan
- Zahar bangun – mengatakan kemenangan itu ialah kemenangan mereka semua
- Seisi bas kecuali pemandu bas bertepuk tangan
- Zahar masih ingat akan Hanafi, Redzuan, dan Maaroflah yang telah mengendalikan sesi minggu suai kenal semasa dia mula mendaftarkan diri dahulu
- Sejak mengenali Hanafi, Zahar tahu bahawa dia tidak akan bertolak ansur tentang disiplin – tidak seogan menegur pelatih-pelatih yang tidak berdisiplin – Hanafi menunjukkan disiplin yang tinggi
- Maarof memiliki sifat kepemimpinan – sebagai Yang Dipertua Persatuan Pelatih IKM Sungai Petani, pelbagai aktiviti telah dilaksanakannya
- Kerjasama antara Maarof, Hanafi, dan Redzuan membuatkan acara ramah mesra dan maaf-memaafkan semasa minggu suai kenal berlangsung dalam suasana yang harmoni – hasilnya, hubungan antara pelatih senior dengan pelatih baharu erat dan mesra
- Maarof mengingatkan rakan-rakannya agar turun berlatih bagi menghadapi perlawanan dengan IKM Alor Setar sekali lagi di padang IKM Sungai Petani

Bab 13: Kemenangan

- Ketibaan pasukan IKM Alor Setar disambut dengan meriah dan mesra oleh pelatih-pelatih IKM Sungai Petani
- Pelatih perempuan yang diketuai oleh Norimi menyediakan jamuan ringan untuk mereka
- Setelah jamuan selesai, kedua-dua pasukan termasuk penyokong masing-masing turun ke padang untuk memulakan perlawanan
- Zahar yang bijak mengambil peluang telah berjaya menghantar bola kepada Ramli
- Ramli berjaya membuat jaringan
- Redzuan sebagai penjaga gol bertindak cemerlang untuk menyelamatkan beberapa percubaan berbahaya pasukan lawan
- Berkat kesungguhan dan juga sokongan daripada guru dan juga penyokong, pasukan bola sepak IKM Sungai Petani berjaya mengalahkan pasukan bola sepak IKM Alor Setar dengan keputusan 1-0.
- Walaupun kalah, pasukan IKM Alor Setar tetap mesra terhadap pasukan IKM Sungai Petani
- Yusuf Senot bertanya kepada Maarof tentang pasukan mana yang akan dilawan oleh mereka nanti
- Maarof mengatakan bahawa perlawanan begitu atas dasar persahabatan dan untuk memperat hubungan dengan pihak luar, perlawanan sebegini perlu diteruskan jika ada pasukan yang sudi bermain dengan mereka
- Zahar mencadangkan agar mereka mempelawa pasukan badan-badan belia di daerah itu untuk berlawan dengan pasukan mereka

Bab 14: Ujian

- Sebulan sebelum peperiksaan semua kegiatan luar dihentikan
- Semua pelatih bertungkus lumus membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan

- Sijil yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional (MLVK) menjadi idaman semua pelatih
- Zahar yang awal-awal lagi mahu mencapai kejayaan yang cemerlang telah belajar sungguh-sungguh
- Segala nasihat daripada Cikgu Baharum diingati dan diamalkan oleh Zahar satu persatu
- Cikgu Baharum berpesan kepada para pelatihnya agar:
 - tidak mudah panik
 - tekun menyiapkan kerja
 - membuat kerja dengan sabar sehingga siap
- Sewaktu peperiksaan, Zahar memulakan projek dengan tenang
- Zahar membuat rak buku dengan teliti
- Zahar dapat menyiapkan rak bukunya sejam sebelum tempoh 15 jam yang diberikan berakhir
- Rak buku yang dibuat oleh Zahar kelihatan kukuh dan halus buaatannya
- Baki masa yang ada digunakan oleh Zahar untuk melicinkan bahagian-bahagian yang dirasakan kurang memuaskannya
- Pegawai peperiksaan tertarik dengan rak yang dihasilkan oleh Zahar
- Dua minggu selepas peperiksaan, semua pelatih dibenarkan pulang ke kampung masing-masing
- Para pelatih akan bercuti selama tiga minggu
- Zahar mahu mempraktikkan segala ilmu yang dipelajarinya di bengkel Pak Yusuf nanti
- Sewaktu menuju ke stesen bas, Zahar membantu Norimi membawa beg besar kepunyaannya
- Ramli pula membawa beg kepunyaan Habsah
- Mereka berpisah setelah bas masing-masing tiba

Bab 15: Semangat

- Bercuti di kampung amat menggembirakan Zahar cuma hatinya terusik apabila terpaksa melintasi simpang jalan, matanya cepat terarah ke rumah Pak Karim
- Zahar tidak suka kenangan lama yang pahit menghambat hidupnya – yang penting cita-cita yang dikejanya akan tercapai
- Pagi itu Zahar ke rumah Pak Yusuf
- Pak Yusuf tersenyum gembira menyambut kedatangan Zahar
- Zahar begitu bersemangat sewaktu bercerita tentang peperiksaan yang dihadapinya kepada Pak Yusuf
- Kemunculan Mak Temah yang menatang dulang berisi seteko kopi panas membantutkan perbualan antara Zahar dengan Pak Yusuf
- Selepas minum kopi, Zahar membantu Pak Yusuf membuat meja
- Zahar berasa terkejut kerana Tauke Lim telah menempah meja kayu yang agak banyak untuk kedai kopi yang bakal dibukanya
- Kedai kopi itu akan dibuka di pekan baharu
- Pelanggannya nanti tentulah orang kampung berdekatan
- Kampung yang paling dekat ialah Kampung Banggul Derdap
- Zahar teringat akan novel yang dikarang oleh Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad yang berlatarkan kampung tersebut
- Zahar berpendapat bahawa Tauke Lim sudah nampak peluang perniagaan yang ada situ – dia dan Pak Yusuf perlu juga merebut peluang yang ada
- Zahar bercita-cita mahu memperbesar bengkel Pak Yusuf, menggantikan peralatan di bengkel itu dengan yang baharu supaya pengeluaran perabot dapat ditingkatkan
- Zahar bercita-cita untuk membuka sebuah kedai perabot juga
- Zahar mengatakan bahawa selepas latihan di IKM tamat nanti dia akan memohon pinjaman MARA
- Pak Yusuf mendoakan cita-cita Zahar tercapai

Bab 16: Perjuangan

- Zahar lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan
- Cikgu Baharum tersenyum riang – seorang sahaja pelatihnya yang gagal
- Cikgu Baharum berpesan kepada pelatihnya supaya terus gigih berusaha hingga berjaya – mengingatkan pelatihnya agar bersedia untuk menjalani latihan dengan lebih intensif
 - mereka akan dihantar ke bengkel atau ke kilang untuk menjalani latihan sambil bekerja
- Suasana gembira dengan keputusan peperiksaan bukan sahaja dirasakan oleh pelatih Pertukangan Perabot tetapi turut dirasakan oleh semua pelatih yang mengambil peperiksaan asas juga
- Zahar melihat wajah Norimi berseri-seri sewaktu berada di dewan makan
- Zahar menghampiri Norimi
- Norimi mengucapkan tahniah atas kejayaan Zahar

- Habsah memberitahu Zahar bahawa Norimi memperoleh kejayaan yang cemerlang juga
- Zahar mengucapkan tahniah kepada Norimi

Bab 17: Harapan

- Zahar berasakan enam bulan terlalu singkat
- Para pelatih perlu bersedia dan bekerja keras untuk menjalani latihan dengan lebih intensif bagi menghadapi dua lagi peperiksaan, iaitu peperiksaan Peringkat Pertengahan Sijil MLVK dan peperiksaan akhir IKM untuk menentukan sama ada pelatih layak atau tidak mendapat sijil IKM
- Doa restu daripada emak, kemajuan adik-adiknya dalam pelajaran, dan dorongan Pak Yusuf di kampung membuat fikiran Zahar tenteram
- Ingatan Zahar kepada Suhaili semakin luput
- Namun begitu, Zahar tidak akan dapat melupakan kata-kata Suhaili yang menghiris hatinya
- Zahar mahu membuktikan bahawa sebagai pelatih IKM, masa depan Zahar tidaklah segelap yang disangkakan oleh Suhaili
- Zahar dan rakan-rakannya menduduki peperiksaan peringkat pertengahan pula
- Mereka dikehendaki menyiapkan almari pakaian dua pintu
- Selesai peperiksaan pertengahan, para pelatih membuat persediaan untuk peperiksaan akhir sijil IKM pula
- Setelah peperiksaan itu berakhir barulah Zahar berasa lapang dada
- Seminggu sebelum cuti semester, para pelatih dimaklumkan tentang latihan dalam loji yang diwajibkan terhadap mereka
- Dua orang *Site Technical Officer* dari ibu pejabat MARA akan memberikan penerangan tentang tempat para pelatih perlu menjalani latihan
- Zahar ditawarkan untuk menjalani latihan di sebuah kilang perabot di Kamunting, Perak.
- Ramli akan ditempatkan di kilang perabot di Bayan Lepas
- Habsah akan menjalani latihan di Terengganu
- Norimi pula mendapat tawaran di sebuah firma arkitek di Johor Bahru
- Sebelum para pelatih menjalani latihan praktikal, majlis perpisahan telah diadakan
- Zahar dan Norimi mengimbuai kembali saat-saat sewaktu mereka mula-mula mendaftarkan diri dahulu

Bab 18: Matlamat

- Selama tiga minggu bercuti di kampung, Zahar sibuk dengan kerjanya
- Zahar turut membantu emaknya - menetak mengkuang, mengisikannya ke dalam guni, membawanya pulang ke rumah - melayurnya - adik-adik Zahar turut membantunya
- Selepas seminggu membantu emaknya barulah Zahar berpeluang untuk membantu Pak Yusuf
- Zahar memberitahu Pak Yusuf bahawa dia telah ditawarkan menjalani latihan praktikal di kilang perabot Usaha Bersatu di Kawasan Perindustrian Kamunting, Taiping
- Bagi Zahar, alangkah baiknya kalau kerusi dan meja di bengkel Pak Yusuf itu dapat disiapkan sebelum dia bertolak ke tempat latihan - dapatlah sedikit wang saku untuk perbelanjaan Zahar di sana kelak
- Pak Yusuf membawa Zahar ke stesen teksi dengan motosikalnya
- Zahar menaiki teksi ke Butterworth
- Dari Butterworth, Zahar menaiki bas ke Taiping
- Dari stesen bas Taiping Zahar menaiki teksi ke kilang perabot Usaha Bersatu yang terletak di lot 313, Jalan Kencana Sari, Kawasan Perindustrian Kamunting
- Zahar melaporkan diri kepada Miss Ooi, Ketua Unit Personel di kilang itu
- Kemudian, Zahar diperkenalkan kepada Encik Manaf, Penyelia Unit Pengeluaran
- Encik Manaf akan menyelia kerja-kerja Zahar kelak
- Menurut Encik Manaf, terdapat kira-kira 150 orang pekerja di kilang itu - semuanya lelaki
- Zahar kemudiannya berkenalan dengan Razali - Razali mempelawa Zahar untuk tinggal bersama dengannya di rumah sewa

Bab 19: Kekesalan

- Kedatangan Zahar untuk menjalani latihan praktikal di kilang tersebut menyebabkan Suhaili berasa tidak selesa
- Segalanya berlaku secara kebetulan tanpa dirancang
- Selepas berhenti kerja di Petaling Jaya, Suhaili telah bekerja di kilang perabot tersebut
- Suhaili berperang dengan dirinya sendiri

- Suhaili tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan Zahar nanti
- Suhaili pergi ke bilik Miss Ooi di bahagian personel
- Miss Ooi bertanya sebab Suhaili kelihatan panik tadi
- Suhaili tidak menjawab pertanyaan Miss Ooi sebaliknya bertanya tarikh Zahar melaporkan diri kepada Miss Ooi
- Miss Ooi mengatakan bahawa sudah seminggu Zahar melaporkan diri
- Suhaili bertanya prestasi kerja Zahar pula
- Miss Ooi memberitahu Suhaili bahawa menurut Manaf, Zahar merupakan seorang pekerja yang rajin dan mempunyai potensi untuk maju
- Akhirnya, Suhaili mengatakan bahawa Zahar rakan sekampungnya

Bab 20: Tiada Kemesraan

- Setelah dua minggu mengikuti latihan, Zahar sudah dapat menyesuaikan diri dengan suasana kerja di kilang itu
- Sikap Zahar suka merendah diri, senang didekati, dan mudah mesra memudahkan dirinya diterima
- Rakan serumah Zahar, iaitu Razali, lebih pendiam, masih solo, rajin, dan tidak banyak kerenah
- Oleh sebab tempat kerjanya jauh, Zahar telah mengeluarkan duit simpanannya untuk membeli sebuah basikal
- Pagi itu, Zahar bekerja seperti biasa
- Encik Manaf datang menemui Zahar - memberitahunya bahawa Penolong Unit Pemasaran hendak berjumpa dengannya
- Zahar sungguh terkejut kerana orang yang hendak berjumpa dengannya ialah Suhaili
- Menurut Suhaili, dia bosan bekerja di Petaling Jaya - selalu tertekan dan jalan pula selalu sesak
- Suhaili memberitahu Zahar bahawa dia dapat membantu Zahar untuk menjadi pekerja tetap di kilang tersebut
- Pertolongan Suhaili itu ditolak mentah-mentah kerana prinsip Zahar tidak akan mengemis kepada sesiapa
- Zahar berpendapat bahawa tidak guna bergaji lumayan dan berjawatan tinggi tetapi hati terkongkong
- Bagi Zahar, sikap tidak setia kepada sesuatu pekerjaan tidak akan membawa ke mana-mana, malah menjadikan seseorang itu tidak ada prinsip dan harga diri
- Kata-kata Zahar menyebabkan Suhaili kehilangan idea untuk berkata-kata
- Zahar kemudian meninggalkan Suhaili dalam keadaan termangu-mangu

Bab 21: Tentang Dia

- Pada petang itu, Zahar dan Razali bersebang-sembang
- Razali bertanya tentang pertemuan Zahar dengan Penolong Ketua Unit Pemasaran siang tadi
- Zahar memberitahu Razali bahawa Suhaili ialah rakan sekampung dan rakan sekelasnya dahulu
- Zahar tidak gembira bertemu dengan Suhaili kerana gadis itu pernah menghinanya dahulu apabila dia ingin belajar di IKM
- Penghinaan tersebut membuat Zahar lebih bersungguh-sungguh untuk berjaya
- Razali percaya bahawa suatu masa nanti Zahar akan berjaya membuka bengkel perabot
- Razali membuka rahsia bahawa dahulu Suhaili sebenarnya bekerja di kilang elektronik di Petaling Jaya tetapi prestasi kerjanya merosot apabila dia putus cinta
- Semua kisah tersebut diketahui oleh Razali daripada seorang rakannya yang pernah bekerja di kilang yang sama dengan Suhaili
- Zahar akhirnya meminta perbualan tentang Suhaili dihentikan - tidak mahu mendapat dosa kerana mengumpat

Bab 22: Cinta dan cita-cita

- Zahar menerima surat keputusan peperiksaan daripada IKM
- Zahar lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan peringkat pertengahan - Zahar mendapat pangkat satu
- Suhaili cuba berbaik-baik dengan Zahar
- Zahar mengelakkan diri daripada berselisih dengan Suhaili
- Bagi Zahar, tidak ada gunanya bertemu dengan Suhaili lagi kerana hal tersebut hanya akan membibit kenangan lama
- Zahar lebih senang berehat di rumah sahaja selepas waktu kerja
- Jika tidak berjoging atau turun ke bandar Taiping, masa Zahar banyak dihabiskannya dengan menulis dan membalas surat kawan-kawannya
- Bagi Zahar, surat daripada Norimilah yang paling menarik - bahasanya indah, diselang-selikan dengan kata-kata puitis yang menyentuh hati

- Zahar membaca surat daripada Norimi yang penuh dengan tanda tanya
- Pengalaman mengajar Zahar supaya tidak terlalu beremosi
- Zahar tidak mahu terperangkap dalam emosi yang dapat menggugat cita-citanya
- Tempoh enam bulan akhirnya tiba juga
- Dalam satu jamuan ringkas yang dibuat untuk Zahar, Miss Ooi yang mewakili pihak pengurusan memuji Zahar sebagai pekerja yang rajin dan cemerlang
- Sinar mata Suhaili begitu tajam menusuk kalbu Zahar
- Suhaili meminta maaf atas segala kesilapannya dan Zahar memaafkannya
- Zahar mahu mereka melupakan segala kenangan lama antara mereka dahulu
- Ingatan Suhaili kembali berputar kepada teman lelakinya, Razman anak seorang Yang Berhormat
- Razman meninggalkan Suhaili kerana telah mendapat teman yang baharu

Bab 23: Terbinanya Impian

- Zahar membuat keputusan untuk membina bengkel perabot di atas tanah milik emaknya
- Emak Zahar dan Pak Yusuf berasa gembira apabila Zahar membuat keputusan untuk membuka bengkel sendiri
- Pak Yusuf bersedia untuk memindahkan barang-barang daripada bengkel lamanya ke bengkel yang akan didirikan oleh Zahar nanti
- Dua orang pegawai dari Bahagian Pinjaman MARA datang untuk membuat tinjauan
- Mereka tertarik dengan projek yang hendak dilaksanakan oleh Zahar
- Tidak sampai sebulan kemudian, pinjaman sebanyak RM10 000.00 yang dimohon oleh Zahar diluluskan oleh pihak MARA – dicampur dengan sumbangan Pak Yusuf, wang elaun dan sagu hati semasa menjalani latihan dahulu, Zahar mendapat modal yang cukup untuk membina sebuah bengkel lengkap dengan mesin utama yang diperlukan
- Rakan-rakan Zahar seperti Bakar, Rahim, Isa, Samad dan lain-lain telah membantu Zahar mendirikan bengkel perabotnya
- Bakar memberitahu Zahar bahawa Saleh, anak Pak Ramli Wanok sudah menjadi wartawan Harian Kebangsaan
- Bakar memberikan cadangan agar Zahar memanggil Saleh untuk menulis rencana tentang bengkel Zahar itu
- Bagi Zahar, idea Bakar itu memang bernas tetapi biarlah bengkelnya benar-benar menjadi bengkel dahulu, iaitu ada mesin, pekerja, dan perabot yang sedia menanti untuk dipasarkan

Bab 24: Impian Terlaksana

- Bengkel Perabot Meniti Impian semakin dikenali ramai selepas rencana yang bertajuk “Kejar Kejayaan Lepas Dihina Kekasih” disiarkan dalam akhbar *Harian Kebangsaan*
- Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Zahar telah menawarkan tiga tempat di bengkelnya kepada pelatih Pertukangan Perabot yang terlibat dengan latihan dalam loji
- Zahar sanggup membayar imbuhan seperti yang diterimanya sewaktu praktikal di kilang Kamunting dahulu
- Pak Yusuf juga memainkan peranan yang cukup penting
- Selain jiran sekampung, peniaga dari pekan Sik, Jeniang, Gurun dan Baling yang merupakan rakan baik Pak Yusuf memberikan sambutan yang baik – memasarkan perabot yang dikeluarkan oleh Bengkel Perabot Meniti Impian
- Zahar berpendapat bahawa dia tidak boleh bergantung harap kepada nama Pak Yusuf sahaja
- Dia telah mengatur rundingan dengan peniaga perabot di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, dan Kota Bharu
- Pegawai MARA yang membuat tinjauan susulan turut gembira dengan perkembangan yang sangat memuaskan yang ditunjukkan oleh bengkel perabot Zahar
- Petang itu, sewaktu minum kopi bersama Pak Yusuf, Zahar telah menerima sepucuk surat daripada Norimi
- Pak Yusuf teringat akan perkenalannya dengan bapa Norimi di IKM dahulu
- Pak Yusuf memuji Norimi di hadapan Mak Kiah dengan mengatakan bahawa Norimi cantik, lemah lembut, dan berbudi bahasa
- Bapa Norimi juga seorang yang baik dan merendah diri walaupun seorang pegawai tinggi kerajaan
- Zahar tidak berkata apa-apa kerana pada saat-saat begitu perkara yang terbaik dilakukannya ialah diam sahaja

Tema

Semangat dan kesungguhan pelatih IKM dalam usaha untuk mencapai kejayaan.

Persoalan

- Kasih sayang dalam keluarga.
- Cinta dalam kalangan remaja.
- Rela berkorban demi keluarga.
- Ketabahan dalam menghadapi kesusahan hidup.
- Kemiskinan penduduk kampung yang tinggal di kawasan pedalaman.
- Hubungan yang mesra antara kaum.
- Kepentingan pelajaran dalam kehidupan.
- Sikap rajin membawa kejayaan.

Watak dan Perwatakan

Zahar

- Anak sulung kepada Mak Kiah.
- Mempunyai dua orang adik lelaki, iaitu Halim dan Zakri.
- Ayahnya telah meninggal dunia.
- Seorang yang gigih dan rajin.
- Bercita-cita tinggi.
- Tidak mudah berputus asa.
- Bertanggungjawab.
- Penyayang.
- Setia.
- Taat akan perintah agama.
- Beradab dan berbudi pekerti mulia.
- Seorang yang berprinsip.

Pak Yusuf

- Bapa saudara Zahar, adik kepada emak Zahar, Mak Kiah.
- Mempunyai isteri bernama Mak Temah dan dua orang anak yang masih menuntut di universiti.
- Memiliki sebuah bengkel pertukangan perabot.
- Seorang yang lemah lembut dan bertimbang rasa.
- Berumur dalam lingkungan 60-an dan masih kuat bekerja.
- Seorang yang prihatin.
- Baik hati.
- Pemurah.

Mak Kiah

- Emak kepada Zahar.
- Sudah kematian suami.
- Mempunyai tiga orang anak, iaitu Zahar, Halim, dan Zakri.
- Sudah tua dan sering sakit.
- Mengambil upah menoreh getah dan menganyam tikar mengkuang.
- Seorang yang penyayang.
- Mementingkan pelajaran anak-anaknya.

Mak Temah

- Isteri kepada Pak Yusuf.
- Badannya agak berisi.
- Rajin memasak.
- Patuh kepada suami.
- Sentiasa memberi dorongan kepada Zahar untuk berjaya.

Suhaili

- Bekas teman sekelas Zahar.
- Anak kepada Pak Karim, Ketua Kampung Caruk Petitih.
- Bekas pelajar di ITM.
- Pernah bekerja di sebuah kilang di Petaling Jaya dan kemudian menjadi Penolong Ketua Unit Pemasaran di kilang perabot di Kamunting, Perak.
- Merupakan seorang yang cantik, pendiam, tetapi mesra dengan orang yang mengenalinya.
- Pernah menjadi buah hati Zahar.
- Ego.
- Mementingkan pelajaran.
- Sedar akan kesalahannya.

Norimi

- Berasal dari Johor.
- Sama-sama menyertai kursus di IKM bersama Zahar.
- Seorang yang lemah lembut, cantik, dan menarik.
- Mengambil jurusan seni bina di IKM.
- Menjalin hubungan yang istimewa dengan Zahar.
- Berbudi pekerti mulia.
- Seorang yang rajin dan cemerlang dalam peperiksaan sewaktu di IKM

Plot

Binaan Plot

- Permulaan – Zahar terpaksa melupakan hasratnya untuk belajar di tingkatan enam kerana masalah kewangan. Bapanya sudah meninggal dunia. Emaknya pula sudah tua dan sering sakit. Dua orang adiknya masih bersekolah. Bagi membantu meringankan beban emaknya, Zahar menolong bapa saudaranya, Pak Yusuf di bengkel pertukangan perabot. Walaupun demikian, Zahar tetap menyimpan azam untuk berjaya pada masa depan.
- Perkembangan – Permohonan Zahar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Pertukangan Perabot di IKM telah berjaya. Ibu Zahar, Mak Kiah sangat gembira. Zahar berkongsi kegembiraan dengan rakan-rakannya, Bakar dan Rahim. Bakar menyuruh Zahar memberitahu Suhaili tentang hal tersebut. Semasa di sekolah dahulu, hubungan Zahar dengan Suhaili begitu rapat. Namun begitu, sejak Suhaili menyambung pelajaran di ITM keadaan tersebut terus berubah.
- Perumitan/Konflik – Zahar menghadapi konflik dengan Suhaili, iaitu bekas teman sekolahnya. Zahar berasa kecewa dan terluka apabila Suhaili memperlekehkan hasratnya untuk menyambung pelajaran di IKM dalam bidang Pertukangan Perabot. Kata-kata Suhaili membuat Zahar sedih dan terluka. Kekecewaannya bertambah apabila melihat Suhaili menaiki sebuah kereta yang dipandu oleh seorang lelaki yang tampan.
- Klimaks – Zahar mendapat tawaran membuat latihan praktikal di kilang Usaha Bersatu Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian Kamunting, Taiping, Perak. Sikapnya yang rajin menyebabkan dia menjadi pelatih yang cemerlang. Di sana dia telah bertemu dengan Suhaili yang secara kebetulan turut bekerja di situ. Suhaili cuba memberikan pertolongan kepada Zahar tetapi demi prinsip, dia telah menolaknya mentah-mentah. Suhaili yang telah putus cinta cuba berbaik-baik semula dengan Zahar tetapi hati Zahar telah terikat kepada Norimi. Akhirnya, Suhaili berasa malu dan kesal atas perbuatan dan kata-katanya dahulu terhadap Zahar. Zahar telah memaafkannya dan cuba melupakan segala kenangan antara mereka berdua.
- Peleraian – Zahar berjaya menamatkan latihan praktikalnya dengan cemerlang. Selepas tamat belajar dia berjaya juga memenuhi impiannya selama ini untuk menjadi pengusaha perabot yang terkenal. Bermodalkan pinjaman daripada MARA dan sumbangan daripada Pak Yusuf, Zahar akhirnya berjaya membuka sebuah bengkel pertukangan perabot di atas tanah milik emaknya. Bengkel perabotnya menjadi terkenal di seluruh tanah air selepas rencana tentang bengkel tersebut disiarkan dalam akhbar.

Teknik Plot

- Pemerian. Contohnya, pengarang telah memerihalkan keadaan Zahar yang sedang bersiap-siap untuk menghadiri program suai kenal pada hari pertama dia mendaftarkan diri di IKM.
- Dialog. Contohnya, perbualan Zahar dengan Pak Yusuf.
- Imbas kembali. Contohnya, Zahar teringat pertemuannya dengan Suhaili di *City Point*, Alor Setar.
- Kejutan. Contohnya, Zahar menolak tawaran Suhaili yang mahu menolongnya mendapatkan pekerjaan tetap di kilang perabot Usaha Bersatu Sendirian Berhad.
- Saspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya perkara yang akan dilakukan oleh Suhaili apabila mengetahui Zahar sedang menjalani latihan praktikal di kilang tempatnya bekerja.
- Monolog dalaman. Contohnya, Zahar berkata dalam hatinya bahawa kata-kata Pak Yusuf itu benar tetapi Pak Yusuf tidak tahu betapa lukanya hati Zahar.

Latar

Latar Tempat

- Kampung Caruk Petitih, Sik, Kedah.
- Bengkel perabot Pak Yusuf.
- Masjid.
- Rumah Zahar.
- Rumah Pak Karim.
- City Point*.
- IKM Sungai Petani.
- Bengkel pertukangan perabot di IKM.
- Padang bola sepak di IKM Alor Setar.
- Padang bola sepak di IKM Sungai Petani.
- Kilang perabot Usaha Bersatu Sendirian Berhad.
- Bilik pejabat Suhaili.

Latar Masa

- Waktu siang.
- Waktu malam.
- Hari Selasa.
- Masa lampau.
- Enam bulan.
- Tiga minggu.

Latar Masyarakat

- Masyarakat kampung yang hidup miskin.
- Masyarakat yang menjalankan kegiatan perniagaan.
- Masyarakat yang penyayang.
- Masyarakat yang mempunyai keazaman yang tinggi.
- Masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam suasana harmoni.
- Masyarakat yang pemurah.
- Masyarakat yang berdikari dan rajin berusaha.
- Masyarakat yang mempunyai cita-cita untuk berjaya.
- Masyarakat yang ego.
- Masyarakat yang mengamalkan ajaran agama.

Unsur Gaya Bahasa

- Bahasa daerah. Contohnya, *mencerlungkan; gontai*.
- Bahasa Inggeris. Contohnya, *No problem chief; tension; traffic jam; girlfriend*.
- Metafora. Contohnya, *bara keazaman; tunggul nostalgia; obor semangat; kotak fikiran*.
- Personifikasi. Contohnya, *Petang yang semakin muram; Debaran memukul dada; Lidah api sedang menjelir memamah punggung kawah; Warna senja mulai memamah suasana*.
- Hiperbola. Contohnya, *Nadanya menikam jantung; Segugus debaran menggoncang dadanya; Perdu hati Zahar bagaikan bergayut dengan sebeb debaran*.
- Sinkope. Contohnya, *nak; tak*.
- Peribahasa. Contohnya, *macam isi dengan kuku; berat mulut; berat tulang*.
- Simile. Contohnya, *bagaikan tidak mahu mengalah; lidahnya seperti dikelukan; bagaikan mengundang kembali kenangan masa lampau; bagai api membakar semangat*.

Nilai

- Kerajinan. Contohnya, Pak Yusuf rajin mengusahakan bengkel perabotnya walaupun usianya telah mencecah 60-an.
- Kerjasama. Contohnya, rakan-rakan Zahar bekerjasama membina bengkel perabot Meniti Impian.
- Ketabahan. Contohnya, Zahar tabah meneruskan cita-citanya walaupun hidupnya dihipit kemiskinan.
- Kesetiaan. Contohnya, Zahar tetap setia kepada Norimi, walaupun Suhaili cuba berbaik-baik dengannya semula.
- Kesyukuran. Mak Kiah bersyukur kerana Zahar berjaya mencapai impiannya untuk belajar di IKM.
- Hormat-menghormati. Contohnya, pelatih junior menghormati pelatih senior walaupun mereka telah ditegur secara keras sewaktu minggu orientasi.
- Mengenal budi. Contohnya, Zahar mengenal budi Pak Yusuf yang telah banyak membantunya selama ini.
- Kesabaran. Contohnya, Zahar bersabar apabila dihina oleh Suhaili.
- Jimat cermat. Contohnya, Zahar berjimat cermat dalam menggunakan wang elaun berjumlah RM200.00 yang diterimanya pada setiap bulan.

Pengajaran

- Kita tidak seharusnya menghina orang yang lebih rendah daripada kita. Contohnya, Suhaili menghina Zahar sewaktu Zahar memberitahu Suhaili tentang niatnya untuk menyambung pelajaran di IKM.
- Kita hendaklah berjimat cermat dan tidak boros berbelanja. Contohnya, Zahar berjimat cermat menggunakan wang elaunnya.
- Kita hendaklah setia dalam perhubungan. Contohnya, Zahar setia kepada Norimi walaupun Suhaili cuba berbaik-baik dengannya semula.
- Kita mestilah gigih berusaha untuk mencapai cita-cita. Contohnya, Zahar gigih berusaha untuk membuka bengkel perabot di kampungnya.



DARAH TITIK DI SEMANTAN (Arman Sani)

Edisi: Johor, Sarawak, Sabah, Wilayah
Persekutuan Labuan

Sinopsis

Sejak pulang dari Pulau Tawar, sikap Datuk Bahaman banyak berubah. Beliau sering memencilkan diri. Rahman mengatakan bahawa dua tahun dahulu, negeri mereka telah diambil oleh Inggeris. Inggeris telah mengikat perjanjian dengan raja mereka. Raja mereka semacam dipaksa oleh Inggeris untuk menandatangani perjanjian itu. Perkara itulah yang difikirkan oleh Datuk Bahaman. Pada suatu hari, Datuk Bahaman diberitahu bahawa Inggeris telah mula masuk ke Semantan. Mereka sedang menggali kubu panjang dan mata-mata Sikh berkawal. Pak Long Abas hendak bertindak tetapi Datuk Bahaman menghalangnya. Persiapan yang rapi perlu dilakukan lebih dahulu. Datuk Bahaman mengatakan bahawa peperangan itu membabitkan sultan. Datuk Bahaman tidak mahu sultan menerima nasib yang sama seperti Sultan Perak yang dibuang daerah ke sebuah pulau di Lautan Hindi.

Datuk Bahaman memuji tindakan Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad yang membina kubu di Lubuk Sengarat. Pada suatu hari, Zahid, Samad, dan Awang Muhammad ternampak dua buah perahu yang dikayuh oleh empat orang Melayu. Dalam perahu pertama terdapat seorang lelaki Inggeris yang memakai pakaian seragam berwarna kuning, bertopi keras, dan memegang senapang. Dia diapit oleh mata-mata Inggeris. Samad hendak menyerang mereka tetapi dihalang oleh Awang Muhammad. Dalam peristiwa yang lain pula, dua orang pemuda Melayu datang ke kampung itu untuk melakukan bantian. Berlakulah pergaduhan antara Zahid dan rakan-rakannya dengan dua pemuda Melayu itu. Pergaduhan tersebut berpunca daripada tindakan dua orang pemuda Melayu itu yang mahu mencerooboh isteri Lajis. Datuk Bahaman tiba-tiba muncul lantas memberikan amaran kepada dua orang pemuda tersebut. Datuk Bahaman mahu Inggeris sedar bahawa beliau masih berkuasa di Semantan dan pihak Inggeris perlu menghormati beliau. Pada suatu hari, Mat Kilau datang berjumpa dengan Datuk Bahaman dan membawa berita tentang mesyuarat yang berlangsung antara Clifford dengan sultan. Syres telah mengadu kepada sultan dengan mengatakan bahawa Datuk Bahaman tidak memberikan kerjasama kepadanya untuk membina rumah pasung. Owen pula mengadu bahawa Datuk Bahaman telah mengganggu orang-orangnya yang membuat bantian. Clifford pula meminta sultan mengisytiharkan Datuk Bahaman sebagai penderhaka.

Kini, Datuk Bahaman dan para pengikutnya telah bersedia untuk memerangi Inggeris. Apabila bahagian tengah perahu yang dinaiki Desborough sampai hampir ke setentang rantai besi yang tenggelam di dalam air, Datuk Bahaman merentap rantai besi tersebut hingga tegang. Perahu Desborough terbalik. Desborough dan konco-konconya tercampak ke dalam sungai. Berpuluh-puluh bambu runcing menghujani musuh di dalam air itu. Musuh telah tewas. Suatu mesyuarat penting diadakan di rumah Datuk Bahaman. Selesai mesyuarat, mereka mula bertindak untuk menyelamatkan mayat Ismail. Ismail telah dibunuh oleh Inggeris. Rumah pasung itu diserang dan semua mata-mata Inggeris dibunuh. Bagi menghadapi kedatangan Desborough buat kali kedua, dua pasukan telah dibentuk. Satu pasukan diketuai oleh Datuk Bahaman dan satu pasukan lagi diketuai oleh Datuk Panglima Raja. Pasukan Datuk Panglima Raja meronda di luar kawasan Bandar Kuala Semantan. Datuk Panglima Raja mengarahkan Zahid dan yang lain-lainnya untuk menyediakan bahan-bahan untuk dibuat bubur. Bubur itu diisikan di dalam mangkuk dan dihidangkan di atas tikar yang terbentang di tempat lapang. Datuk Panglima Raja dan pengikut-pengikutnya bersembunyi. Tidak lama kemudian, datang empat puluh orang mata-mata Inggeris dengan diketuai dua orang Inggeris. Mata-mata Inggeris itu berebut-rebut untuk makan bubur itu sebaliknya dua orang Inggeris itu hanya memerhatikan mereka. Salah seorang daripada orang Inggeris itu ialah Desborough. Mata-mata Inggeris itu mulai kesakitan. Seorang demi seorang terjun ke dalam sungai. Akhirnya, semua mata-mata Inggeris itu hanyut dibawa arus.

Selepas lima hari berlalu, dua pasukan itu bertemu semula di Lubuk Terua. Rahman dan Hassan Tahmid mendapatkan

nama beratus-ratus orang kampung bagi menyertai perjuangan. Dalam dua tiga minggu keadaan di Semantan tenang. Mereka menyusun jadual latihan menembak. Datuk Bahaman mengadakan mesyuarat lagi dan meminta semua orang bersedia. Batu Hampar diletakkan di bawah jagaan Datuk Panglima Raja sementara Imam Perang Weh menjaga Pasir Tuk Anjang. Tuk Muda Bidin, Datuk Bahaman, Mat Lela, dan Tuk Selampit pula di Lubuk Sengarat. Desborough ditugaskan Inggeris untuk mengetuai lima puluh orang mata-mata Inggeris yang akan tiba bersama dengan tiga ratus orang askar sultan. Datuk Bahaman berpesan kepada pengikut-pengikutnya supaya berundur jika mereka terlihat askar-askar sultan bercampur dengan mata-mata Inggeris. Hampir waktu senja, Desborough tiba di Lubuk Terua. Di dalam perahunya tidak kelihatan askar-askar sultan. Sebaik-baik sahaja haluan perahu Desborough bertentangan dengan rantai yang merentang Sungai Semantan, Datuk Bahaman pun menarik rantai itu. Perahu Desborough terbalik. Desborough dan orang-orangnya tercampak ke dalam air. Bambu runcing menghujani orang-orang Desborough. Perahu-perahu lain tidak jadi mudik. Askar-askar sultan terpinga-pinga lalu hilir mudik ke Batu Hampar dan ke Kuala Semantan. Akhirnya, keadaan di Semantan kembali tenang.

Mat Kilau tiba dari Pulau Tawar membawa berita bahawa Clifford tidak berpuas hati dengan askar-askar sultan yang mudik pada hari itu kerana tidak ada seorang pun yang tercedera. Inggeris menganggap bahawa askar-askar sultan telah membuat perjanjian dengan Datuk Bahaman. Clifford mengugut sultan akan dibuang negeri ke mana-mana pulau di Lautan Hindi. Perancangan dilakukan Inggeris apabila Rodger mudik seperahu dengan sultan dan Tengku Ali. Melihatkan kedatangan rombongan tersebut, Tuk Selampit mahu menyempit tetapi dihalang oleh Datuk Bahaman. Pada malam itu, Datuk Bahaman membuat perancangan dan berjumpa dengan sultan secara sembunyi-sembunyi. Perjanjian dibuat. Askar-askar sultan dan orang-orang Datuk Bahaman akan berpura-pura berlawan dan hanya akan menembak ke udara dalam pertempuran keesokan harinya. Baginda mahu perjuangan itu perjuangan yang penghabisan. Keesokan harinya, askar-askar sultan naik ke darat. Tembakan menembak pun berlaku tetapi semua tembakan menghalah ke udara. Tiba-tiba keadaan menjadi kelam-kabut. Paha Mat Lela terkena tembakan askar-askar sultan. Awang Muhammad pula terkena tembakan di dada. Dia tidak dapat diselamatkan. Askar-askar sultan telah mungkir janji. Datuk Panglima Raja menyuruh para pengikutnya mengamuk namun dihalang oleh Datuk Bahaman. Tidak semena-mena Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh berlari ke arah askar-askar sultan untuk menyerah diri. Namun begitu, kedua-duanya telah ditikam oleh askar-askar sultan. Menjelang waktu Zuhur sudah tidak ada tembakan lagi. Perajurit-perajurit Semantan berundur ke Darat Kelubi. Askar-askar sultan bersorak kemenangan.

Pada suatu petang, Mat Kilau datang ke Darat Kelubi untuk menemui Datuk Bahaman. Dia membawa surat yang ditandatangani oleh Sultan Ahmad. Semua pengikut Datuk Bahaman telah diampunkan oleh sultan kecuali Datuk Bahaman. Datuk Bahaman kecewa kerana sultan telah mungkir janji. Namun begitu, Datuk Bahaman tetap berpegang pada janjinya. Datuk Bahaman mudik ke Sungai Tembeling dan bersatu dengan Tuk Gajah dan Mat Kilau.

Inti Pati Bab

Bab 1: Cemas

- "Aku" (Zahid), Samad, Rahman, dan Awang Muhammad sedang berjalan menuju ke masjid Lubuk Terua
- Zahid terkenang akan Datuk Bahaman yang telah banyak berubah - banyak memencilkan diri - sering termenung
- Menurut Rahman, (jurutulis pelatih kepada Datuk Bahaman), dua tahun lepas, negeri Pahang telah diambil oleh Inggeris - Inggeris telah mengikat perjanjian dengan raja mereka - raja mereka semacam dipaksa oleh Inggeris untuk menandatangani perjanjian itu - perkara itulah yang difikirkan oleh Datuk Bahaman
- Inggeris datang bukan hendak membangunkan negeri Pahang tetapi hendak memunggang emas dan bijih timah di negeri itu untuk dibawa ke negeri mereka
- Selesai sembahyang Zuhur, Datuk Bahaman mula berucap
- Inggeris telah menjajah negeri itu - mereka membawa masuk orang suruhan mereka termasuklah mata-mata Sikh untuk menakut-nakutkan anak-anak tempatan

- Inggeris telah menghantar Rodger menjadi Residen Pahang di Pekan – Clifford menjadi Penguasa di Hulu Pahang – Syres menjadi Ketua Polis untuk menangkap sesiapa yang tidak disukai oleh mereka
- Ada anak muda yang marah – mencadangkan agar mereka membenamkan Inggeris di Lubuk Sengarat
- Datuk Bahaman meminta mereka bertenang – perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dahulu
- Selesai Datuk Bahaman berucap, orang ramai beredar
- Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad terus berjalan pulang
- Di pertengahan jalan, Mak Long Esah memberitahu mereka bahawa Inggeris akan sampai ke Lubuk Terua

Bab 2: Lubuk Terua Tergugat

- Semasa berada di tebing sungai, Zahid ternampak empat buah perahu yang penuh dengan papan dan atap nipah
- Zahid berfikir bahawa peperangan akan berlaku
- Zahid ke rumah Samad
- Zahid dan Samad ke rumah Rahman – Rahman tiada di rumah – mungkin dia ke rumah Datuk Bahaman
- Zahid dan Samad berjalan ke rumah Datuk Bahaman
- Di serambi rumah Datuk Bahaman, Rahman dan Awang Muhammad sedang berbincang
- Datuk Panglima Raja memberitahu Datuk Bahaman bahawa:
 - Inggeris menceroboh Semantan
 - Inggeris menggali kubu panjang di tebing sungai
 - mata-mata Inggeris yang berkawal menghalakan bedil ke arah rumah Datuk Bahaman
 - Inggeris mungkin membina rumah pasung
- Pak Long Abas mencadangkan agar mereka bertindak
- Datuk Bahaman meminta Pak Long Abas bersabar
- Datuk Bahaman memuji Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad yang membina kubu di Teluk Sengarat

Bab 3: Mencari Penyelesaian

- Suatu hari, kira-kira dua minggu selepas Syres membina rumah pasung, Zahid dan Samad tiba lebih awal ke kubu mereka di Lubuk Sengarat
- Rahman ke Johor bersama Datuk Bahaman – Datuk Bahaman ke Johor mungkin untuk mengadakan hal Inggeris kepada raja di sana – mungkin juga Datuk Bahaman hendak membeli senapang kopak di Singapura
- Zahid, Samad, dan Awang Muhammad berbincang tentang cara-cara berkawal di kubu semasa ketiadaan Rahman
- Mereka bersetuju
- Kemudian, mereka bergerak ke Mempatih
- Sampai di sana, mereka terdengar bunyi riuh suara kanak-kanak
- Rahmad dan kawan-kawannya sedang bermain
- Zahid mengatakan bahawa sekarang bukan zaman mereka bermain-main lagi – peperangan boleh berlaku bila-bila masa sahaja
- Sebelum Zuhur, Zahid dan rakan-rakannya pulang ke kubu di Lubuk Sengarat
- Zahid memandang ke sungai – ternampak dua buah perahu yang dikayuh oleh empat orang Melayu – di dalam perahu pertama ada seorang Inggeris – dia diapit oleh tiga orang mata-mata Sikh yang semuanya memegang senapang
- Di dalam perahu kedua ada empat orang mata-mata Inggeris – mereka juga bersiap sedia dengan senapang
- Zahid melaporkan kedatangan orang Inggeris ke rumah pasung di Lubuk Terua kepada Tuk Muda Bidin
- Tuk Muda Bidin kelihatan marah
- Kira-kira sejam kemudian, Mat Lela dan Imam Perang Weh datang ke kubu di Lubuk Sengarat
- Imam Perang Weh bertanya tentang orang Inggeris itu
- Awang Muhammad menjawab bahawa orang Inggeris itu bukan Syres – umurnya lebih muda daripada Syres
- Mat Lela mengatakan bahawa orang Inggeris itu mungkin Owen
- Kalau betul orang Inggeris itu Owen, dia datang untuk membancai atau menghitung jumlah penduduk di situ

Bab 4: Budi Kedapatan

- Zahid dan rakan-rakannya pergi ke Mempatih
- Ada perubahan berlaku – semak di tengah dusun telah bertukar menjadi padang kecil yang bersih – terdapat empat batang pisang sepanjang satu setengah meter berdiri tegak
- Tiba-tiba Rahmad dan rakan-rakannya melompat keluar dari semak di situ

- Rahmad mengatakan bahawa mereka berlatih membalik bambu runcing – batang pisang menjadi sasaran mereka
- Zahid memuji Rahmad
- Menurut Rahmad lagi, mereka juga telah belajar silat dengan Lajis
- Zahid dan rakan-rakannya meneruskan perjalanan ke sebelah hilir – mereka mahu meronda di sana pula
- Zahid dan rakan-rakannya tiba di hujung kampung
- Sebaik-baik sahaja hendak bergerak ke belakang, mereka terdengar suara perempuan menjerit dari rumah Lajis
- Mereka meluru ke rumah Lajis
- Dua orang pemuda Melayu sedang mengganggu Kak Minah, isteri Lajis
- Zahid dan rakan-rakannya berlawan dengan dua orang pemuda itu – mereka dapat mengalahkan dua orang pemuda itu
- Datuk Bahaman, Rahman, dan Datuk Panglima Raja muncul
- Datuk Bahaman menyuruh dua orang pemuda itu balik dan memberitahu Owen bahawa Bahaman masih hidup

Bab 5: Inggeris Mencabar Lagi

- Syres kerap datang ke Lubuk Terua
- Menurut Samad, mungkin ada dalam kalangan orang Semantan yang menjadi hantu Inggeris – mereka melaporkan kegiatan anak-anak muda di situ yang anti-Inggeris – itu sebabnya Syres sangat sibuk
- Lajis dan Rahmad datang ke kubu di Lubuk Sengarat
- Lajis mengucapkan terima kasih kepada Zahid dan rakan-rakannya yang telah menyelamatkan isterinya daripada diceroboh oleh anjing penjajah itu
- Lajis mengatakan bahawa dia dan Pak Uda Ismail akan mendirikan bengkel senjata di rumah Pak Uda Ismail – mereka mahu membuat bedil (senapang) – laras dan ubat bedil akan dibeli di Singapura
- Lajis tidak dapat menetap di dalam bengkel itu kerana dia telah menjadi pengintip di Kuala Semantan – dia dan Rahmad akan menjadi pekerja di sebuah kedai kopi – mendapatkan maklumat tentang gerakan Inggeris di sana – segala gerakan itu akan diberitahu kepada Datuk Bahaman
- Lajis turut memberitahu mereka bahawa menurut Datuk Bahaman, Inggeris telah mengadakan mesyuarat dengan raja dan orang-orang besar di Pulau Tawar baru-baru ini – Inggeris membuat keputusan untuk mencabar Datuk Bahaman dan orang di Semantan

Bab 6: Kedatangan Mat Kilau

- Sementara menunggu waktu Isyak, Zahid dan Samad beredar ke pekarangan masjid
- Zahid nampak ada orang asing datang – orang itu ialah Mat Kilau
- Mat Kilau bersalam dengan Datuk Bahaman dan Datuk Panglima Raja
- Mat Kilau membawa berita tentang mesyuarat antara Clifford dengan sultan dan orang-orang besar di Pulau Tawar
- Banyak hal Datuk Bahaman dibincangkan dalam mesyuarat itu
- Perkara yang paling menyedihkan – Clifford meminta sultan mengatakan bahawa Datuk Bahaman telah menderhaka – Clifford mendesak sultan jika baginda tidak mahu mengisytiharkan perkara itu, ertinya baginda menyebelahi Datuk Bahaman – Inggeris akan mengambil tindakan – membuang baginda ke sebuah pulau di tengah-tengah Lautan Hindi
- Sultan bersetuju lalu menandatangani surat pengisytiharan itu
- Clifford membaca pengisytiharan itu – Datuk Bahaman telah derhaka – segala gelaran Datuk Bahaman yang dianugerahi sultan telah ditarik balik – Datuk Bahaman tidak mempunyai kuasa lagi di Semantan – Datuk Bahaman bukan Orang Kaya Semantan lagi
- Datuk Bahaman memberitahu orang Semantan bahawa pangkat tidak penting baginya
- Semasa di Johor dahulu Gabenor Singapura telah menawarkan 500 ringgit sebulan kepada Datuk Bahaman – menolaknya – datang ke Johor membawa amanah rakyat – biar dicencang lumat, beliau tidak akan mengikut telunjuk Inggeris

Bab 7: Retak Menanti Belah

- Hanya Zahid dan Awang Muhammad berkawal di dalam kubu Lubuk Sengarat
- Rahman membantu Pak Cik Hassan Tahmid di rumah Datuk Bahaman
- Samad sudah dua hari tidak pulang ke Lubuk Terua – ayahnya, Pak Long Abas dan Pak Uda Ismail mengail ikan di Sungai Semantan

- Zahid membuat telahan bahawa mereka berdua mungkin ditangkap Inggeris
- Awang Muhammad tidak mahu Zahid berfikir yang bukan-bukan
- Tidak lama kemudian, Datuk Bahaman, Imam Perang Weh, dan Datuk Panglima Raja datang ke kubu di Lubuk Sengarat itu
- Kemudian, Lajis pula tiba – membawa berita tentang Ismail dan Samad – mereka telah ditangkap Desborough dekat Batu Hampar dua hari lepas
- Datuk Bahaman mahu para pengikutnya menghilir ke Kuala Semantan untuk membebaskan Pak Uda Ismail, Pak Long Abas, dan Samad
- Mereka tiba di Kuala Semantan lewat tengah malam – mereka naik ke darat – pergi ke Rumah Pasung Temerloh
- Datuk Bahaman mengarahkan Lajis tinggal di luar kawasan rumah pasung itu
- Datuk Bahaman membaca sesuatu – mata-mata yang berkawal di pintu pagar terlentok tidur
- Mereka naik ke rumah pasung – Datuk Bahaman membaca sesuatu lagi – dua orang yang berkawal di rumah pasung itu tidur lena juga
- Datuk Bahaman mengambil anak kunci di dalam laci meja tempat mata-mata Inggeris itu tertidur
- Pak Uda Ismail, Pak Long Abas, dan Samad berjaya diselamatkan
- Datuk Bahaman bertanyakan perkara yang berlaku kepada mereka – ketiga-tiga mereka telah disiksa namun mereka tidak membocorkan rahsia tentang Datuk Bahaman

Bab 8: Darah Titik di Semantan

- Tengah hari itu Rahman dan Awang Muhammad berkawal di kubu
- Zahid dan Samad meronda di hujung kampung – ke bengkel membuat senapang – banyak buntut senapang yang sudah siap
- Hanya ada tiga orang tukang di situ – Zahid bertanya tentang tukang-tukang yang lain – menurut Samad, mereka tidak datang bekerja – kerja-kerja tidak dapat diteruskan – besi dan laras senapang yang dipesan oleh Datuk Bahaman belum tiba sepenuhnya – saudagar yang membekalkan besi laras senapang dan ubat bedil menunggu wang daripada mereka
- Zahid dan Samad keluar dari bengkel – berjalan di sepanjang kampung menuju ke kubu di Lubuk Sengarat
- Tiba-tiba Pak Long Abas berlari menuju ke sebelah hulu dengan pakaian yang basah kuyup
- Pak Long Abas terlentang di atas tangga rumah Datuk Bahaman
- Datuk Bahaman membasahkan kepala Pak Long Abas – Pak Long Abas tersedar – Datuk Bahaman memberikan isyarat kepada Imam Perang Weh supaya memimpin Pak Long Abas ke serambi
- Pak Long Abas menceritakan peristiwa yang berlaku
- Datuk Bahaman bertekad untuk menentang Inggeris
- Imam Perang Weh, Datuk Panglima Raja, Zahid, dan Samad menyokong Datuk Bahaman
- Jika benar Ismail telah ditembak di Sungai Semantan, itulah titik darah pertama di Semantan – biarlah giliran darah Desborough pula yang menitik
- Datuk Bahaman mengarahkan mereka bersiap sedia untuk menentang Inggeris

Bab 9: Ada Ubi Ada Batas

- Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad di kubu Lubuk Sengarat
- Bambu runcing sudah siap
- Pak Long Abas datang dengan pakaian untuk berperang
- Datuk Bahaman pula tiba di kubu itu – memikul seutas rantai besi yang panjang bersama-sama dengan Imam Perang Weh
- Tuk Muda Bidin dan Datuk Panglima Raja mengiringi mereka – meletakkan rantai besi betul-betul di pangkal pokok merbau berdarah
- Datuk Bahaman memegang hujung rantai itu lalu terjun ke dalam lubang – berenang ke seberang seorang diri – mengikat rantai besi itu pada pangkal pokok jambu air di seberang sungai – berenang semula ke seberang
- Datuk Bahaman mengarahkan Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh mengumpulkan orang mereka untuk mengepung rumah pasung (balai polis)
- Apabila mendengar bunyi tabuh, Tuk Muda Bidin dan orang-orangnya perlu merempuh rumah pasung itu – semua mata-mata Inggeris itu perlu dibunuh dan senjata mereka perlu dirampas
- Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh segera beredar

- Lajis membawa berita bahawa Desborough mudik dengan lima puluh orang mata-mata Sikh – sebuah daripada perahu itu berkeyuh ke hilir Sungai Semantan – ada mayat di dalam perahu itu
- Datuk Bahaman berbisik bahawa mayat itu ialah mayat Ismail
- Enam buah perahu yang lain sedang mudik hendak menangkap Datuk Bahaman
- Kalau tidak dapat menangkap Datuk Bahaman hidup-hidup, mayat Datuk Bahaman hendak dibawa juga ke Kuala Semantan
- Senja tiba – perahu yang membawa Desborough tiba
- Perahu-perahu yang lain pun sampai
- Perahu Desborough mula bergerak semula – apabila bahagian tengah perahu itu hampir bersenteng dengan rantai yang tenggelam di dalam air, Datuk Bahaman merentap rantai besi hingga tegang – perahu Desborough pun terbalik – Desborough dan orang-orangnya tercampak ke dalam sungai
- Perahu kedua, ketiga, dan keempat juga terbalik apabila Datuk Bahaman menarik rantai besi itu
- Datuk Bahaman memberikan perintah serang – Lajis naik ke darat lalu memukul tabuh
- Pertarungan berlaku – berpuluh-puluh bambu runcing bertaburan menghujani tempat air berpusing di sebelah hilir
- Beberapa orang mata-mata Sikh hilang di olak lubang
- Datuk Bahaman terjun ke dalam air dengan keris panjangnya – mengejar musuh-musuh yang bergantung pada perahu yang terlingkup
- Kira-kira sejam kemudian, keadaan pun sunyi semula – orang-orang Datuk Bahaman pulang ke kubu
- Malam itu, mereka berkumpul di rumah Datuk Bahaman
- Tuk Muda Bidin berkata bahawa mereka telah mencapai kemenangan besar

Bab 10: Inggeris Mesti Dikalahkan

- Mesyuarat malam itu berbeza
- Datuk Bahaman mengarahkan Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh:
 - membawa lima, enam puluh orang di rumah pasung untuk menyerang Bentong pada malam itu juga
 - mengepung pusat kawalan dekat lombong Inggeris di Bentong
 - mengalahkan Inggeris
 - merampas senjata Inggeris
- Datuk Bahaman, Datuk Panglima Raja, dan Mat Lela akan ke Temerloh – mereka akan mengambil mayat Ismail – mengembumikannya di Semantan – menghancurkan kekuatan Inggeris di sana
- Zahid, Awang Muhammad, dan Samad akan mengikut Datuk Bahaman ke Semantan
- Rahman akan menolong Hassan Tahmid – mereka diminta menghebohkan tentang perang kepada orang ramai
- Datuk Bahaman, Datuk Panglima Raja, dan Mat Lela bersama empat, lima puluh orang akan berjalan kaki ke Temerloh – dijangka sampai pada malam itu juga – mereka akan menyelamatkan mayat Ismail – mengembumikannya esok
- Selepas selesai mesyuarat, semua orang beredar
- Zahid, Samad, Awang Muhammad, dan Lajis mengikut Datuk Bahaman menghilir ke Kuala Semantan – tiba di Kuala Semantan sebelum subuh
- Lajis memimpin mereka ke kedai kopinya
- Datuk Bahaman bergerak ke rumah pasung – berhenti tiga puluh depa daripada rumah pasung itu – membaca sesuatu – dua orang mata-mata Sikh terlentok tidur
- Mayat Pak Uda Ismail dibawa ke perahu
- Datuk Bahaman memerintahkan empat, lima orang mudik semula ke Lubuk Terua dan mengembumikan mayat Pak Uda Ismail esoknya
- Datuk Bahaman dan orang-orangnya bergerak ke rumah pasung
- Datuk Bahaman dan Mat Lela masuk ke dalam – semua mata-mata Sikh dibunuh – senapang dan peluru mereka dirampas

Bab 11: Desborough Datang Lagi

- Tengah hari itu terdapat dua pasukan, satu yang diketuai oleh Datuk Bahaman dan yang satu lagi diketuai oleh Datuk Panglima Raja
- Zahid, Samad, Awang Muhammad, dan Mat Lela dipilih untuk menyertai pasukan Datuk Panglima Raja – pasukan mereka mempunyai 25 orang ahli – semuanya orang muda dan tahan lasak
- Pasukan mereka ditugaskan untuk meronda di luar kawasan bandar Kuala Semantan

- Mereka terdengar bunyi orang bercakap dalam bahasa yang tidak difahami oleh mereka dari sebuah bukit – terdapat lima orang mata-mata Sikh sedang memasak roti
- Tiba-tiba pemuda yang membawa senapang kopak daripada pasukan mereka telah menembak mata-mata Sikh itu – empat orang mata-mata Sikh tersungkur tetapi seorang dapat melarikan diri
- Keesokannya mereka meneruskan perjalanan – pada waktu tengah hari, mereka berhenti untuk memasak makanan – selepas makan mereka meneruskan perjalanan
- Mereka sampai di kawasan lapang di sebuah bukit – menurut Datuk Panglima Raja, di kawasan itu pasti ada mata-mata Inggeris
- Datuk Panglima Raja mengarahkan Zahid, Awang Muhammad, Samad, dan lima orang lagi untuk pergi meminjam sebiji kawah, lima puluh biji mangkuk, dan sepuluh biji kelapa parut serta gula kabung
- Beberapa pemuda yang lain diarahkan pergi mencari ubi gadung di hutan
- Mereka hendak membuat bubur ubi gadung – bubur itu diisikan ke dalam mangkuk dan dihidangkan di atas tikar yang terbentang di tempat lapang
- Kemudian, Datuk Panglima Raja mengarahkan mereka bersembunyi
- Tidak lama kemudian, datang empat puluh orang mata-mata Sikh dan dua orang Inggeris – mata-mata Sikh berebut-rebut makan bubur ubi gadung itu – dua orang Inggeris tidak makan – salah seorang daripada Inggeris itu ialah Desborough
- Mata-mata Sikh mula mabuk – seorang demi seorang terjun ke dalam sungai – akhirnya, semua mata-mata Sikh hilang dibawa arus – dua orang Inggeris itu melarikan diri

Bab 12: Tipu Helah Inggeris

- Dalam dua tiga minggu itu keadaan di Semantan tenang
- Datuk Panglima Raja akan membawa 100 orang ke Batu Hampar
- 200 orang lagi akan berkubu dekat Pasir Tuk Anjang – mereka akan diketuai oleh Imam Perang Weh dan Tuk Muda Bidin
- Zahid, Mat Lela, dan Tuk Selampit akan berkawal di Lubuk Sengarat
- Menurut Datuk Bahaman, perjuangan mereka kali ini lebih sulit – pasukan musuh yang terdiri daripada 50 orang mata-mata Inggeris akan diketuai oleh Desborough sendiri
- Mereka akan tiba bersama dengan tiga ratus orang askar sultan yang diketuai oleh Tengku Ali
- Datuk Bahaman berkata bahawa kalau askar-askar sultan bercampur dengan mata-mata Sikh, mereka akan berundur
- Datuk Bahaman mengarahkan Zahid, Samad, Awang Muhammad, dan Rahman mengikut pasukan Datuk Panglima Raja ke Batu Hampar
- Menjelang senja, perahu yang membawa Desborough tiba di Lubuk Terua – tidak ada askar-askar sultan di dalam perahunya
- Sebaik-baik sahaja bahagian haluan perahu itu bersejajir dengan rantai besi yang merentang Sungai Semantan, Datuk Bahaman pun menarik rantai itu
- Perahu Desborough terbalik – Desborough dan mata-mata Inggeris tercampak ke dalam air
- Para pengikut Datuk Bahaman menghujani mereka dengan bambu runcing
- Perahu-perahu musuh yang lain tidak mahu mudik lagi
- Datuk Bahaman mengarahkan Samad memukul tabuh
- Pengawal-pengawal di sebelah hilir Lubuk Sengarat menyerang perahu-perahu mata-mata Inggeris
- Askar-askar sultan terpinga-pinga – mudik semula ke Kuala Semantan
- Keadaan di Semantan kembali tenang
- Mat Kilau datang ke Pulau Tawar – membawa berita – Clifford tidak berpuas hati – tidak ada seorang pun askar sultan yang mudik hari itu tercedera – menganggap mereka sudah ada perjanjian dengan Datuk Bahaman
- Clifford menggugat sultan – kalau sultan tidak bersungguh-sungguh menentang Datuk Bahaman, ertinya baginda menyebelahi penderhaka – boleh dibuang ke mana-mana pulau di Lautan Hindi
- Roger sangat marah kepada Datuk Bahaman – akan mudik ke Semantan – membawa sultan dan Tengku Ali
- Mat Kilau mengusulkan agar Datuk Bahaman berunding dengan sultan apabila baginda tiba kelak

Bab 13: Sebuah Perjanjian

- Berita kedatangan musuh disambut penduduk Semantan dengan keadaan kelam-kabut

- Empat hari kemudian, Datuk Bahaman tiba di Lubuk Sengarat
- Roger memang mudik seperahu dengan sultan dan Tengku Ali
- Datuk Bahaman mengarahkan Hassan Tahmid memindahkan semua orang perempuan, kanak-kanak, dan orang tua ke Darat Kelubi
- Datuk Panglima Raja dan Imam Perang Weh akan berkubu di tebing Pasir Tuk Anjang – dari sana senang mereka hendak melarikan diri ke Darat Kelubi
- Tuk Selampit tidak bersetuju mereka melarikan diri – mahu menyempit orang Inggeris dan mata-mata Inggeris
- Datuk Bahaman bertegas – Tuk Selampit hanya boleh menyempit Rodger jika sultan tidak duduk di sebelahnya
- Suasana di Lubuk Sengarat sepi
- Tiba-tiba Lajis datang memberitahu mereka bahawa musuh sudah sampai
- Rodger berada di dalam perahu yang pertama sekali sampai di Lubuk Sengarat – dia diapit oleh sultan dan Tengku Ali
- Tuk Selampit hendak menyempit Rodger tetapi dihalang oleh Datuk Bahaman
- Perahu-perahu yang membawa mata-mata Inggeris dan askar-askar sultan berlalu
- Tuk Selampit beredar dalam keadaan marah
- Setelah berjumpa dengan sultan, Datuk Bahaman balik ke kubu pada malam itu juga
- Sultan memang menyokong perjuangan mereka – dalam dilema – mahu perjuangan esok perjuangan yang penghabisan
- Selepas itu, Datuk Bahaman dan para pengikutnya perlu meletakkan senjata – menjalani kehidupan seperti biasa
- Sultan akan mengampunkan mereka – menganugerahkan pangkat dan kuasa kepada Datuk Bahaman semula
- Mengikut perjanjian yang dibuat antara sultan dengan Datuk Bahaman, esok askar-askar sultan akan naik ke darat dan pura-pura berperang dengan pihak Datuk Bahaman
- Pihak Datuk Bahaman juga akan menembak ke udara
- Lewat tengah hari, pihak Datuk Bahaman akan melarikan diri
- Pihak sultan dan Inggeris akan bersorak bagi menandakan kemenangan dan akan mengajak Rodger menyaksikan kemenangan itu

Bab 14: Jatuhnya Lubuk Terua

- Sekumpulan askar sultan naik dari pasir Tuk Anjang diikuti oleh pasukan kedua, ketiga, keempat, kelima, dan seterusnya hingga tebing Pasir Tuk Anjang dipenuhi askar-askar sultan
- Tidak berapa lama kemudian, tembakan pertama dilepaskan oleh askar sultan diikuti oleh tembakan kedua, ketiga, dan seterusnya
- Pasukan Datuk Bahaman membalas tembakan – semua tembakan dihalakan ke udara sahaja
- Keadaan menjadi kelam-kabut apabila Mat Lela terkena tembakan askar sultan di pahanya
- Tidak lama kemudian, Awang Muhammad pula terkena tembakan di dadanya – dia tidak dapat diselamatkan
- Datuk Panglima Raja menyuruh para pengikutnya mengamuk
- Datuk Bahaman tidak membenarkan mereka mengamuk – beliau berpegang pada janji
- Tiba-tiba Datuk Panglima Raja merampas senjata daripada Zahid – melompat keluar dari kubu – melepaskan tembakan ke arah askar sultan – sasarannya meleset
- Bahu Datuk Panglima Raja cedera akibat ditembak askar sultan
- Datuk Bahaman mengheret Datuk Panglima Raja masuk ke dalam kubu
- Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh pula berlari ke arah askar-askar sultan untuk menyerah diri
- Nasib mereka malang – ketua askar sultan menikam perut Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh
- Menjelang waktu Zuhur, bunyi tembakan tidak kedengaran lagi
- Perajurit-perajurit Semantan berundur ke Darat Kelubi
- Askar-askar sultan bersorak kemenangan
- Rodger mengucapkan tahniah kerana mereka telah menang dan mengatakan bahawa Datuk Bahaman mungkin telah mati
- Mat Kilau datang ke Darat Kelubi untuk menemui Datuk Bahaman – membawa surat pengampunan beramai-ramai yang ditandatangani oleh Sultan Ahmad
- Hassan Tahmid membaca perintah daripada Sultan Ahmad
- Semua yang menentang Inggeris telah diampunkan kecuali Datuk Bahaman
- Tidak lama kemudian, kedengaran berita tentang Tuk Gajah dengan tiga ratus orang askar mudik ke Batu Hampar
- Datuk Bahaman memberitahu Tuk Gajah bahawa dia sudah tinggal keseorangan

- Tuk Gajah pula akan mudik ke Sungai Tembeling dan terus ke Kelantan atau Terengganu berserta dengan Mat Kilau
- Seminggu kemudian, askar-askar sultan di bawah pimpinan orang lain datang ke Lubuk Terua
- Mereka mencari Datuk Bahaman tetapi tidak berhasil
- Akhirnya, mereka bertindak membakar rumah orang kampung
- Orang-orang muda, tua, perempuan, dan kanak-kanak turut ditembak dan dibakar hangus
- Datuk Bahaman berpatah balik dan membunuh askar-askar Inggeris
- Datuk Bahaman kemudian mudik ke Sungai Tembeling dan bersatu dengan Tuk Gajah dan Mat Kilau

Tema

Perjuangan dalam membebaskan tanah air daripada belunggu penjajah.

Persoalan

- (a) Kepentingan kepemimpinan dalam perjuangan menentang penjajah.
- (b) Kerjasama penting dalam perjuangan menentang penjajah.
- (c) Sumbangan dan peranan kaum wanita dalam perjuangan menentang penjajah.
- (d) Sikap segelintir masyarakat yang sanggup bersekongkol dengan pihak Inggeris untuk mendapatkan habuan.
- (e) Ugutan digunakan oleh pihak Inggeris untuk melemahkan orang Melayu.
- (f) Fitnah dijadikan sebagai salah satu strategi Inggeris untuk menjajah orang Melayu.

Watak dan Perwatakan

Datuk Bahaman

- (a) Seorang pahlawan di Semantan.
- (b) Orang Kaya Semantan.
- (c) Seorang pemimpin yang dihormati di Semantan.
- (d) Penyayang.
- (e) Berani.
- (f) Penyarbar dan berhati-hati.
- (g) Berpegang pada janji.
- (h) Mempunyai ilmu batin.
- (i) Jujur dalam berjuang.

Zahid (Aku)

- (a) Pemuda yang berjiwa pejuang.
- (b) Pembantu kepada Datuk Bahaman.
- (c) Kawan rapat kepada Samad, Rahman, dan Awang Muhammad.
- (d) Cinta akan negara.
- (e) Berani menentang penjajah Inggeris.

Awang Muhammad

- (a) Rakan Zahid.
- (b) Anak bongsu kepada Datuk Bahaman.
- (c) Berjiwa pejuang.
- (d) Berani menentang penjajah Inggeris.
- (e) Cinta akan negara.
- (f) Terbunuh kerana ditembak oleh askar-askar sultan.

Rahman

- (a) Rakan Zahid.
- (b) Jurutulis pelatih kepada Datuk Bahaman.
- (c) Turut sama berjuang dengan Datuk Bahaman menentang Inggeris.

Lajis

- (a) Seorang guru silat.
- (b) Menjadi pengintip kepada Datuk Bahaman.
- (c) Turut sama berjuang dengan Datuk Bahaman menentang Inggeris.
- (d) Bertanggungjawab.

Samad

- (a) Rakan baik Zahid.
- (b) Turut sama berjuang dengan Datuk Bahaman menentang Inggeris.

Mat Kilau

- (a) Anak Tuk Gajah.
- (b) Menjadi orang penting sultan Pahang.
- (c) Sering membawa berita dari istana kepada Datuk Bahaman.
- (d) Berani menentang Inggeris.

Mat Lela

- (a) Anak kepada Datuk Bahaman.
- (b) Abang kepada Awang Muhammad.
- (c) Turut sama berjuang dengan Datuk Bahaman menentang Inggeris.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Zahid, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad sedang menuju ke Masjid Lubuk Terua. Zahid terkenal akan sikap Datuk Bahaman yang banyak berubah. Selepas sembahyang, Datuk Bahaman berucap tentang Inggeris yang telah menjajah tanah air mereka.
- (b) Perkembangan – Inggeris telah membina kubu di Lubuk Terua. Pak Long Abas mencadangkan supaya mereka bertindak tetapi dihalang oleh Datuk Bahaman dengan alasan persiapan belum cukup. Kira-kira dua minggu kemudian, Zahid nampak dua buah perahu yang membawa seorang Inggeris dan diapit oleh tiga orang mata-mata Sikh. Samad hendak menyerang mereka tetapi dihalang oleh Awang Muhammad.
- (c) Perumitan/Konflik – Pada bahagian ini, berlaku pergaduhan antara Zahid dan rakan-rakannya dengan dua orang pemuda Melayu yang cuba mencerooboh isteri Lajis. Datuk Bahaman pula difitnah oleh Inggeris. Inggeris mengatakan bahawa Datuk Bahaman telah menderhaka kepada sultan. Pak Long Abas, Ismail dan Samad ditangkap Desborough. Datuk Bahaman telah menyelamatkan mereka. Sekali lagi Pak Long Abas dan Ismail ditangkap Desborough. Pak Long Abas dapat menyelamatkan diri tetapi Ismail tidak dapat menyelamatkan diri. Datuk Bahaman menyusun strategi perang terhadap Inggeris. Desborough datang dengan lima puluh orang mata-mata Sikh. Mereka telah ditawarkan oleh pasukan Datuk Bahaman. Peperangan telah bermula. Rodger mudik bersama dengan sultan dan Tengku Ali. Datuk Bahaman dalam dilema. Perjanjian dibuat antara sultan dengan Datuk Bahaman. Mengikut perjanjian itu, askar-askar sultan akan menembak ke udara. Perajurit-perajurit Datuk Bahaman juga akan menembak ke udara.
- (d) Klimaks – Askar-askar sultan naik ke tebing Pasir Tuk Anjang. Askar-askar itu meniarap dan menghalakan senapang ke atas. Datuk Bahaman mengarahkan para pengikutnya menghalakan senapang ke udara. Keadaan menjadi kelam-kabut apabila tembakan askar-askar sultan terkena paha Mat Lela. Kemudian, dada Awang Muhammad pula ditembusi peluru askar-askar sultan. Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh berlari ke arah askar-askar sultan untuk menyerah diri. Namun begitu, mereka berdua ditikam oleh ketua askar sultan.
- (e) Peleraian – Askar-askar sultan bersorak kemenangan. Datuk Bahaman kecewa kerana sultan telah mungkir janji. Datuk Bahaman sendiri tetap patuh pada janji. Datuk Bahaman meninggalkan Semantan lalu mudik ke Sungai Lembing. Datuk Bahaman bersatu dengan Tuk Gajah dan Mat Kilau.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan keadaan Mat Kilau ketika datang ke Masjid di Kampung Semantan.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, Zahid berbual dengan rakan-rakannya, Samad, Rahman, dan Awang Muhammad tentang kubu yang akan dibina oleh mereka di Lubuk Sengarat.
- (c) Teknik monolog. Contohnya, Zahid bermonolog bahawa perang akan berlaku apabila melihat beberapa orang Inggeris di tebing sungai dan ada antara mereka yang sedang menghalakan muncung senapang ke arah rumah Datuk Bahaman.
- (d) Teknik imbas muka. Contohnya, semasa Pak Long Abas dan Pak Uda Ismail pergi memancing ikan dan lambat pulang. Zahid menduga bahawa mereka mungkin ditangkap Inggeris. Ternyata hal itu benar-benar berlaku.
- (e) Teknik kejutan. Pembaca terkejut sewaktu Hassan Tahmid membaca utusan daripada sultan, iaitu semua orang Semantan yang bangkit menentang Inggeris diampunkan.

Latar

Latar Tempat

- (a) Daerah Semantan, Pahang.
- (b) Kuala Semantan.
- (c) Lubuk Terua.
- (d) Lubuk Sengarat.
- (e) Batu Hampar.
- (f) Rumah Datuk Bahaman.

- (g) Rumah pasung.
- (h) Sungai Semantan.
- (i) Sungai Tembeling.
- (j) Darat Kelubi.

Latar Masa

- (a) Waktu zuhur. (c) Zaman penjajahan
- (b) Waktu malam. Inggeris di Pahang.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat kampung.
- (b) Masyarakat Melayu yang dijajah.
- (c) Masyarakat yang cinta akan tanah air.
- (d) Masyarakat penjajah Inggeris.
- (e) Masyarakat yang sedang bergolak dalam kancah peperangan.
- (f) Masyarakat yang mengengam budi.
- (g) Masyarakat yang taat akan perintah agama.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Simile. Contohnya, *Burung-burung telah mula menyanyi seolah-olah mengingatkan kaumnya supaya segera bangun menyemburu rezeki; Semantan ini kalau tidak ada ayahmu, sepertiilah anak ayam yang tidak ada ibu; Mereka menggelupur seperti ayam disembelih.*
- (b) Repetisi. Contohnya, *Dalam perjuangan, kita mesti berpadu. Kita mesti sama-sama kuat. Kalau kita saja yang menentang musuh, sedangkan orang lain tidak, kita akan kalah juga.*
- (c) Personifikasi. Contohnya, *Pokok merbau berdarah yang tinggi di situ tegak dan gagah menentang kesejukan pagi; Cahaya bulan sedang bermain di sana sini; Pungguk merindukan bulan.*
- (d) Peribahasa. Contohnya, *Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan; biar pecah di perut, jangan pecah di mulut; hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.*
- (e) Inversi. Contohnya, *Sementara menunggu waktu isyak, aku dan Samad beredar ke pekarangan Masjid; Di tepi kubu itu, dia memerhatikan keadaan sekelilingi.*

Nilai

- (a) Pengorbanan. Contohnya, Datuk Bahaman dan para pengikutnya sanggup berkorban untuk membebaskan tanah air daripada belunggu penjajah.
- (b) Menepati janji. Contohnya, Datuk Bahaman menepati janji antara beliau dengan sultan.
- (c) Keberanian. Perajurit-perajurit Datuk Bahaman telah berjuang menentang penjajah Inggeris dengan berani.
- (d) Ketegasan. Contohnya, Datuk Bahaman sangat tegas sewaktu memimpin pasukan perangnya.
- (e) Kebijaksanaan. Contohnya, Datuk Bahaman meregang rantai besi di dalam sungai untuk memerangkap musuh-musuhnya.
- (f) Setia kawan. Contohnya, Datuk Bahaman berusaha menyelamatkan orang-orangnya yang ditangkap Inggeris.
- (g) Cinta akan negara. Contohnya, Datuk Bahaman dan para pengikutnya sanggup melakukan apa-apa sahaja demi tanah air tercinta.
- (h) Kepatuhan. Contohnya, para pengikut Datuk Bahaman patuh akan arahan beliau.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah mencintai tanah air kita dengan sepenuh jiwa kita. Contohnya, Datuk Bahaman dan para pengikutnya sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan tanah air yang tercinta.
- (b) Kita hendaklah mempunyai ilmu dan kemahiran dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Contohnya, Zahid dan rakan-rakannya berlatih silat dan bermain senjata untuk menghadapi Inggeris. Rahmad dan rakan-rakannya berlatih membalik bambu runcing.
- (c) Kita hendaklah memiliki sifat kepemimpinan yang baik. Contohnya, Datuk Bahaman mempunyai sifat kepemimpinan yang tinggi dalam memimpin pasukan perajuritnya untuk menentang Inggeris.
- (d) Kita hendaklah sentiasa berwaspada dalam bertindak. Contohnya, Datuk Bahaman berhati-hati dalam tindakannya menghadapi penjajah Inggeris.
- (e) Kita hendaklah menepati janji. Contohnya, Datuk Bahaman telah menepati janjinya dengan sultan. Datuk Bahaman mengarahkan para pengikutnya menembak ke udara semasa bertempur dengan askar-askar sultan.

3

JEJAK MONPUS (Zulaiha Paikon)

Edisi: Melaka, Pahang, Terengganu, dan Kelantan

Sinopsis

Zahar seorang penuntut jurusan Biologi, Fakulti Sains Hayat di Universiti Teknologi Malaysia. Dia begitu obses dengan dunia serangga sejak kecil lagi. Minat Zahar terhadap dunia serangga terutamanya ulat bulu dan rama-rama makin mendalam hingga dia membina sebuah makmal kecil di sebelah rumahnya. Ibu Zahar, Qistina seorang guru. Beliau sentiasa memberikan galakan kepada Zahar untuk mengembangkan minatnya. Zahar seorang penuntut yang sangat berdedikasi. Zahar telah menerima banyak anugerah atas penyelidikan dan inovasi yang dijalankan bersama dengan pihak universiti.

Terdapat pelbagai spesies ulat bulu yang dikumpulkan oleh Zahar di dalam makmalnya. Namun begitu, terdapat satu spesies yang paling disayangi oleh Zahar yang dinamakannya Pus Pus. Keadaan fizikal Pus Pus yang lemah membuat Zahar risau. Zahar mengambil keputusan untuk ke Pulau Pisang bersama dengan Fikri dan Malcom. Zahar mahu mencari spesies baharu untuk diklonkan dengan Pus Pus. Dia bemasib baik kerana telah menjumpai seekor ulat bulu yang cantik yang dinamakan Morgan. Sesuatu yang aneh telah berlaku. Morgan mengalami perubahan, iaitu ada sayap kecil di kiri dan di kanan abdomennya.

Selepas itu, berlaku sesuatu yang menggemparkan penduduk Kampung Maju Jaya apabila beribu-ribu ulat bulu menyerang kampung tersebut. Penduduk kampung terkena penyakit. Ripin dan beberapa orang pemuda kampung datang ke rumah Zahar. Mereka menuduh Zahar sebagai punca serangan ulat bulu. Ibu Zahar, Qistina berjanji akan memanggil pihak Jabatan Kesihatan untuk menyiasat kejadian yang berlaku. Dua hari selepas itu, Unit Kawalan Bawaan Vektor, beberapa orang pegawai kesihatan, dan pihak polis dari Unit Forensik datang ke Kampung Maju Jaya. Mereka menggeledah makmal Zahar tetapi tidak menjumpai apa-apa selain ulat bulu dan pelbagai jenis rama-rama.

Warung kopi Pak Mail kecoh. Berita tentang serangan ulat bulu di Kampung Maju Jaya tersiar dalam surat khabar. Pak Mail, Manaf, Jusuh, Ahmad, Usop, dan Ripin menyalahkan Zahar atas kejadian yang berlaku di kampung mereka. Perbualan mereka terhenti apabila melihat Zahar dan ibunya tiba dengan kereta pacuan empat roda. Ripin meluru keluar dari warung itu. Dia bertekak dengan Zahar. Qistina cuba meleraikan mereka. Kata-kata kesat Ripin terhadap Qistina membuat Zahar berasa amat marah. Pergaduhan antara Zahar dan Ripin berlaku. Ripin melibaskan pisau lipat ke badan Zahar. Pisau tersebut terkena pada bahu Zahar. Zahar dirawat di Hospital Pontian. Akhirnya, Zahar dibenarkan keluar dari hospital dan diberi cuti sakit selama seminggu.

Zahar melayari internet dan membaca buku tentang ulat bulu. Zahar menemui jawapan dan penyelesaian bagi masalah yang melanda. Zahar mengajak Fikri menemaninya ke Pulau Pisang. Di Pulau Pisang, Zahar dan Fikri telah menjumpai beberapa ekor ulat bulu yang mirip dengan spesies Morgan. Ulat-ulat bulu itu sedang makan daun hijau bersaiz lebar. Zahar yakin bahawa Morganlah penawar bagi serangan ulat bulu di kampungnya. Pada suatu malam, Zahar terpaksa mengorbankan Morgan. Keesokannya selepas kuliah tamat, Zahar segera pulang ke rumah. Sewaktu masuk ke dalam makmal, Zahar panik kerana bahan uji kajinya, botol beracun, dan buku formulanya hilang.

Zahar dan Fikri melakukan siasatan dan mendapati Ripinlah yang bertanggungjawab. Zahar dan Fikri ke balai polis untuk membuat laporan. Seminggu kemudian, Ripin ditangkap polis untuk membantu siasatan berhubung dengan sindiket penjualan benih cambah sawit secara haram dan pemalsuan dokumen urus niaga menggunakan logo Sime Darby Plantation dan Felda Agriculture Services Sdn. Bhd. (FASSB). Kegiatan Ripin dan beberapa orang anak muda kampung terbongkar. Mereka didapati mengusahakan tapak benih cambah sawit secara haram. Semasa penggeledahan dibuat di stor Ripin, pihak polis menjumpai bahan penting yang hilang seminggu yang lalu.

Formula ciptaan Zahar akhirnya berjaya. Setelah dipatenkan, formula Zahar menjadi produk yang dikomersialkan dan diberi nama MONPUS. Nama MONPUS ialah gabungan antara ulat bulu Morgan dan Pus Pus yang telah dijejaki sekian lama. Akhirnya, melalui proses eksperimen yang rumit maka terhasilah racun serangga khusus untuk membunuh ulat bulu berintik hitam yang telah menyerang penduduk Kampung Maju Jaya.

Pada akhir cerita, Zahar berjaya menerima Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor daripada Universiti Oxford London. Majlis tersebut menjadi detik yang paling menggembirakan Zahar kerana anugerah tersebut disampaikan sendiri oleh ayahnya, Dr. Baharuddin yang kini menjadi tenaga pengajar di universiti tersebut. Kegembiraan Zahar semakin bertambah apabila bapa yang sangat dirindunya telah melamar ibunya semula. Serangan ulat bulu berintik hitam mempunyai hikmah yang tersembunyi. MONPUS bukan sahaja telah menyelamatkan nyawa tetapi telah menyambung hubungan yang sekian lama terputus.

Inti Pati Bab

Penyelamat Pus Pus

- Zahar lulusan Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Biologi
- Zahar telah membina sebuah makmal kecil yang menempatkan serangga dan larva rama-rama di sebelah rumahnya
- Zahar sangat meminati serangga, iaitu ulat bulu
- Zahar memelihara ulat bulu supaya ulat bulu tersebut dapat melahirkan larva seterusnya menjadi rama-rama yang cantik
- Zahar memberikan nama kepada setiap ulat bulu yang dikumpulkannya
- Antara semua serangga yang dikumpulkannya, Zahar paling menyayangi Pus Pus
- Ibu Zahar, Qistina Asraf yang terkenal dengan gelaran Cikgu Qistina sedar bahawa Zahar meminati dunia haiwan sejak kecil lagi
- Qistina masih ingat bahawa Zahar suka bermain dengan serangga, mengumpulkan labah-labah, kupu-kupu, kumbang, ulat beluncas, katak puru, dan lipas
- Lamunan Qistina terhenti apabila Zahar memberitahunya tentang niat Zahar untuk pergi ke Taman Paya Bakau di Tanjung Piai

Hasrat Terpendam

- Zahar duduk menanti Mawar di pantai berhampiran dengan bandar Pontian
- Dia memerhatikan Pulau Pisang yang terbentang di hadapannya
- Sudah lama Zahar ingin ke Pulau Pisang – yakin bahawa ada banyak spesies serangga baharu yang akan ditemuinya di pulau itu
- Lamunan Zahar terputus apabila Mawar menyapanya
- Zahar teringat akan saat perkenalannya dengan Mawar – Mawar tidak menoleh ke kiri dan ke kanan semasa melintas jalan untuk ke Fakulti Sains Hayat kerana kesuntukan masa untuk menghadiri kuliah
- Sejak itulah mereka menjadi teman akrab
- Mawar antara penuntut terbaik Fakulti Sains Hayat – Zahar begitu mengaguminya

Dilanda Misteri

- Qistina dihantar oleh anaknya, Zahar kerana keretanya rosak
- Qistina guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Yasin
- Faridah menawarkan diri untuk membantu Qistina – mengangkat beg Qistina yang padat berisi buku
- Qistina guru yang berdedikasi
- Sudah 17 tahun Qistina menjadi guru Bahasa Melayu
- Qistina mengerling Faridah – Faridah berhemah dan tertib
- Kalau boleh Qistina mahu mengambil Faridah sebagai anak angkat
- Mahligai cinta Qistina tidak bertahan lama – tidak sempat menambah cahaya mata
- Faridah anak tunggal sebuah keluarga pekebun di Kampung Mercu Jaya
- Faridah hidup dalam keadaan sederhana – murid yang bijak dan cerdas – dapat dijadikan teladan oleh murid-murid lain
- Belakangan ini ada sesuatu yang menggusarkan hati Qistina tentang Faridah
- Keresahan Qistina bermula setelah ternampak kelibat seorang lelaki dalam lingkungan usia hampir separuh abad menemui Faridah pada waktu rehat dua minggu yang lalu
- Sebaik sahaja kelas tambahan Bahasa Melayu tamat, Qistina terpendang Faridah didatangi oleh lelaki yang sama – lelaki yang dikenalnya
- Qistina bertanya tentang lelaki itu kepada Faridah
- Menurut Faridah, lelaki itu pak ciknya yang tinggal di London, bekerja sebagai seorang Profesor Bioteknologi di sana
- Qistina teringat akan lelaki yang pernah mengisi hidupnya dahulu

Kembara ke Tanjung Piai

- Zahar teringat akan janjinya dengan Malcom Tan untuk ke Taman Paya Bakau di Tanjung Piai
- Zahar memandang sekeliling hutan paya bakau
- Malcom memberitahu Zahar bahawa dia terjumpa seekor ulat bulu yang cantik, bulunya berwarna keemasan dan tajam-tajam pula

- Zahar terpukau melihat ulat bulu itu
- Malcom menyimpan ulat bulu itu di dalam sebiji botol plastik
- Menjelang senja, Zahar sudah mengumpulkan lima spesies ulat bulu yang baharu – Zahar bersyukur – berharap agar satu daripada spesies ulat bulu itu dapat menyelamatkan Pus Pus
- Pulang sahaja dari Taman Hutan Paya Bakau, Zahar terus ke makmal – tidak sabar-sabar lagi hendak menyelidik lima spesies larva tersebut
- Semalaman Zahar menghadap bahan eksperimennya – usahanya belum membuahkan hasil
- Zahar nekad untuk ke Pulau Pisang

Meredah Hutan Kem Kaizen

- Kelab Biologi Alam, Fakulti Sains Hayat UTM telah memilih Kem Kaizen sebagai destinasi kembara ilmu
- Kem tersebut dihuni pelbagai spesies ulat ulat bulu
- Dr Azura, seorang pensyarah muda memberi kuliah yang memberangsangkan kepada semua peserta
- Sewaktu minum bersama Malcom, tiba-tiba Munirah rakan sekuliah mereka meminta izin untuk duduk – dia duduk di sebelah Zahar
- Tidak lama kemudian, Mawar melintas di hadapan mereka
- Zahar menegur Mawar
- Munirah tidak senang melihat kemesraan Mawar dan Zahar
- Sewaktu meniti jambatan kayu, seekor ulat bulu melekat pada baju Munirah
- Munirah melompat-lompat kegelian lalu terjatuh ke dalam kolam
- Zahar terjun ke dalam kolam lalu menarik Munirah ke tebing
- Mawar memandang mereka dengan rasa cemburu
- Pelbagai aktiviti telah dilalui oleh Zahar dan rakan-rakannya sepanjang tiga hari berada di Kem Kaizen itu
- Kini tibalah aktiviti yang dinanti-nantikan oleh Zahar, iaitu aktiviti mencari pacat dan serangga
- Zahar leka mencari ulat bulu pengganti Pus Pus
- Zahar terpendang seekor ulat beluncas, dekat dengan jurang
- Sewaktu mendekati ulat bulu itu, Zahar tergelincir lalu jatuh ke dalam jurang
- Perkhemahan Kembara Biologi Alam berakhir – semua pulang ke rumah masing-masing
- Keesokannya, Malcom dan Fikri datang melawat Zahar
- Zahar mengajak rakan-rakannya ke makmal
- Zahar menunjukkan penemuan baharunya kepada Malcom dan Fikri – rama-rama tebuhan bulan atau nama saintifiknya *Sesia apiformis*

Kejadian Misteri di Pulau

- Penduduk pekan bekerja di ladang getah, kelapa sawit, dan kebun
- Kebanyakan anak muda bekerja di kilang-kilang di Pekan Nanas
- Kehadiran warga asing menyebabkan pintu rezeki anak-anak muda tertutup – akhirnya, mereka terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat
- Ripin, salah seorang anak tempatan yang terjebak dalam aktiviti tidak bermoral
- Ripin pernah dibelasah oleh Zahar kerana mencuri tong gas yang diletakkan di luar dapur rumah Zahar – sejak peristiwa itu, dendam Ripin terhadap Zahar meluap-luap
- Zahar mahu ke Pulau Pisang – meminta izin daripada ibunya, Qistina
- Qistina tidak sampai hati mahu menghampakan Zahar – memahami minat Zahar – sikap tegasnya tidak ubah seperti sikap ayahnya
- Lelaki yang dikatakan Faridah sebagai pak ciknya tempoh hari mengingatkan Qistina kepada Baharuddin – lelaki itu mirip betul dengan Baharuddin
- Zahar, Fikri, dan Malcom ke Pulau Pisang dengan menaiki bot
- Zahar dan rakan-rakannya masuk jauh ke dalam hutan
- Zahar tercium bau hancing
- Zahar ternampak seekor ulat bulu yang besar di hadapannya – berasa seram
- Tiba-tiba angin berhembus kuat – angin kencang berpusar
- Beberapa minit kemudian, angin reda – ulat yang besar tadi sudah menjadi kecil – bentuk dan warnanya cantik dan unik
- Zahar terpukau melihat keunikan ulat itu

Penemuan Baharu

- Zahar begitu asyik dengan uji kajinya
- Seekor ulat bulu spesies Monarch yang ditemuinya di Pulau Pisang dahulu dijadikan bahan uji kaji
- Cantuman tisu Pus Pus dan Monarch telah menghasilkan ulat bulu yang cantik

- Zahar menamakan spesies baharu tersebut Morgan
- Kilauan badan Morgan menyebabkan mata Zahar berasa pedih
- Zahar memakai cermin mata hitam untuk mengamati kecantikan Morgan
- Jika Zahar tidak pergi ke Pulau Pisang pasti spesies Pus Pus akan lenyap begitu sahaja
- Peristiwa pelik yang berlaku di Pulau Pisang masih menghantui fikiran Zahar
- Malcom mengatakan bahawa Zahar terlalu obses dengan ulat
- Fikri membuat kesimpulan bahawa Zahar terlepas seketika lalu bermimpi melihat ulat besar dan dilanda angin kencang

Serangan Waktu Malam

- Selepas sebulan berlalu, Kampung Maju Jaya diserang ulat bulu
- Penduduk kampung panik – anak-anak kecil menangis ketakutan – wanita terpekik kegelian
- Keesokannya, keadaan makin gempar – kanak-kanak merengek kesakitan dan kegatalan – orang dewasa turut mengalami kegatalan
- Penyakit sebegini tidak pernah menyerang Kampung Maju Jaya sebelum ini
- Keadaan ini menakutkan penduduk
- Zahar berasa resah dan curiga
- Sudah berhari-hari serangan ulat bulu bermaharajalela – penduduk kampung sudah puas menyembur racun serangga – serangan ulat masih tidak reda
- Sebaik pulang daripada kuliah, Zahar menuju ke makmalnya
- Zahar terkejut apabila mendapati Morgan tiada di tempatnya
- Zahar mencari ulat itu di sana sini – tidak menemuinya – tertidur di dalam makmal
- Keesokannya Zahar terjaga – bingkas bangun – bergegas ke sarang Morgan
- Morgan mengalami perubahan ciri fizikal – ada sayap kecil di kiri kanan abdomen Morgan
- Keadaan semakin genting apabila Ripin datang ke rumah Zahar bersama dengan beberapa orang pemuda kampung
- Mereka menuduh Zahar sebagai punca serangan ulat bulu
- Qistina berjanji akan memanggil Jabatan Kesihatan untuk datang menyasiat kejadian yang berlaku
- Dua hari selepas itu, Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, beberapa orang pegawai kesihatan, pihak polis dari Unit Forensik datang ke Kampung Maju Jaya menyasiat kejadian yang berlaku
- Mereka menggeledah makmal Zahar – tiada apa-apa yang ditemukan selain ulat-ulat bulu dan pelbagai jenis rama-rama
- Petang itu, Zahar pergi ke balai raya untuk disoal siasat
- Pelbagai tuduhan ditujukan kepada Zahar
- Zahar menafikan semua tuduhan tersebut

Tercetus Perselisihan

- Warung kopi Pak Mail kecoh
- Berita tentang serangan ulat bulu di Kampung Maju Jaya tersiar dalam surat khabar
- Pak Mail, Manaf, Jusuh, Ahmad, Usop, dan Ripin menyalahkan Zahar atas kejadian yang berlaku di kampung mereka
- Perbualan mereka terhenti apabila melihat Zahar dan ibunya tiba dengan kereta pacuan empat roda
- Ripin meluru keluar – bertekak dengan Zahar
- Qistina cuba meleraikan mereka
- Ripin menuduh Qistina asyik membela anak sendiri – sikap Qistina yang suka menyibuk menyebabkan suaminya lari
- Zahar amat marah apabila mendengar kata-kata Ripin itu
- Bagi Zahar, tindakan Ripin mengata ibunya sudah keterlaluan
- Berlakulah pergaduhan antara Zahar dengan Ripin
- Ripin melibaskan pisau lipat ke badan Zahar – pisau lipat tersebut terkena pada bahu Zahar
- Zahar rebah ke tanah dan Ripin melarikan diri

Merisik Khabar

- Berita pergaduhan Zahar tersebar ke seluruh kampung – sekarang Zahar dirawat di Hospital Pontian
- Sebaik sahaja habis kuliah, Mawar bergegas ke Hospital Pontian untuk melawat Zahar
- Mawar memberitahu Zahar bahawa orang yang menyerangnya sudah ditahan reman oleh polis
- Zahar dibenarkan keluar dari hospital – diberi cuti sakit selama seminggu
- Mawar datang ke rumah Zahar
- Zahar memberitahu Mawar berlaku sesuatu yang pelik – Morgan selalu hilang pada sebelah malam – Zahar membuat andaian Morgan terbang keluar kerana ada sayap kecil di abdomennya
- Zahar mengesyaki Morgan yang terbang pada waktu malam mempunyai kaitan dengan serangan ulat bulu di kampungnya

Misteri Terjawab

- Zahar melayari internet untuk mencari maklumat tentang ulat bulu
- Zahar mengambil sebuah buku lalu membacanya
- Akhirnya, Zahar menemui jawapan dan penyelesaian bagi masalah yang melanda
- Zahar sukar untuk tidur – membaca buku – tergerak hati untuk ke makmal
- Kelihatan cahaya kebiru-biruan memancar dari sarang Morgan
- Morgan terapung-apung di udara – mula-mula terbang rendah – kemudian, semakin tinggi
- Zahar melakukan siasatan – keluar menjejaki Morgan
- Morganlah yang merangsang ulat bulu berintik hitam keluar pada waktu malam
- Keesokannya, Zahar memberitahu Mawar tentang Morgan
- Pada malam itu, Zahar mengekori Morgan
- Tiba-tiba kedengaran pekikan dari arah rumah ketua kampung
- Sayup-sayup kedengaran suara pekikan, jeritan, dan tangisan dari rumah-rumah yang berdekatan
- Zahar tahu puncanya – tentu Morgan dan anak buahnya menyerang mereka

Mangsa Baharu

- Pak Alias bangun daripada tidurnya yang tidak lena
- Malam tadi, Pak Alias mendengar kambing peliharaannya tidak henti-henti mengembek
- Pak Alias mengajak isterinya itu pergi ke kandang kambing
- Pak Alias membuka kandang kambing – anak-anak kambingnya bergelimpangan di lantai – seluruh badan kambing-kambing itu dikerumuni benda kehitaman
- Apabila Mak Bibah mengarahkan lampu suluhnya ke dalam kandang kelihatan enam ekor anak kambingnya mati – benda hitam yang melekat pada kambing-kambing itu ulat bulu
- Nampaknya sekarang serangan ulat bulu di Kampung Maju Jaya bukan sahaja menyasarkan manusia tetapi juga haiwan ternakan

Demam Perasaan

- Seperti biasa, setiap waktu pertama hari Isnin Qistina masuk ke kelas 5 Gigih
- Sebelum memulakan sesi pembelajaran, Qistina mengarahkan murid-muridnya menghantar buku latihan mereka
- Umar salah seorang anak muridnya tidak menyiapkan kerja rumah – memberikan alasan kambingnya beranak
- Pada suatu hari ketika sekolah mengadakan Perkampungan Ilmu untuk calon-calon SPM di sekolah, Umar meminta untuk balik ke rumah – memberikan alasan mahu memberi kambing makan
- Malam itu, Qistina terpaksa ke rumah Umar untuk memberitahu ibu bapa Umar bahawa Umar diserang demam panas secara tiba-tiba
- Daripada adik Umar yang berumur 6 tahun Qistina mendapat tahu bahawa:
 - Ayah Umar ada di hospital – tidak boleh bernafas akibat diserang ulat
 - Kambing mereka pula sudah mati kerana digigit ulat
- Qistina terkejut menerima perkhabaran itu
- Qistina berasa kasihan akan Umar
- Qistina berharap agar Zahar dapat mencari penawar bagi serangan ulat bulu berintik hitam itu dengan segera

Ke Pulau Lagi

- Zahar mengajak Fikri menemaninya ke Pulau Pisang – Fikri menolak kerana berasa serik
- Zahar cuba memujuk Fikri
- Akhirnya, Fikri bersetuju setelah melihat mata Zahar bergengas
- Keesokannya, mereka ke Pulau Pisang
- Kedatangan mereka ke pulau itu kali ini disambut curahan hujan
- Walaupun hujan lebat, Zahar masih ingat tempat dia menemui Morgan dahulu
- Fikri ternampak beberapa ekor ulat bulu berwarna hitam biru merayap-rayap – ulat itu hampir serupa dengan spesies Morgan
- Fikri memberitahu Zahar tentang ulat-ulat bulu itu
- Zahar hampir tidak percaya dengan apa-apa yang dilihatnya – beberapa ekor ulat bulu yang mirip dengan spesies Morgan sedang makan daun-daun hijau
- Beberapa kelompok spesies Morgan sedang merayap di tanah menuju ke arah daun bersaiz lebar tadi

Dendam Masih Membara

- Ripin begitu marah apabila mendapati benih sawitnya habis dimakan ulat
- Bagi Ripin, semua yang berlaku disebabkan oleh ulat Zahar – kemarahannya makin meluap-luap
- Pagi itu juga, Ripin ke rumah Zahar untuk meminta ganti rugi
- Ripin melontarkan kata-kata kesat kepada Zahar – menerpa ke arah Zahar – menumbuk dan menyepak Zahar
- Zahar tidak mengalah – menyerang balas Ripin
- Ripin rebah
- Keesokannya, cerita Ripin menyerang Zahar tersebar ke seluruh kampung
- Warung Pak Mail menjadi tempat berhujah – rumusan yang dibuat, Zahar jugalah yang bersalah – Zahar dan ulat-ulatnya mesti diusir dari kampung itu
- Fikri memberitahu Zahar bahawa ulat bulu ada musuh semula jadi seperti serangga parasitoid atau pemangsa – musuh semula jadi inilah yang mengawal populasinya
- Zahar begitu teruja – nampaknya ada jalan penyelesaian
- Zahar dan Fikri berfikir
- Fikri mengatakan bahawa dalam persekitaran ladang sawit, ada banyak tanaman bermanfaat yang menghasilkan nektar – tanaman inilah yang melanjutkan tempoh hayat ulat bulu berintik hitam
- Semuanya semakin jelas – ladang kelapa sawit di situ yang merangsang pembiakan ulat bulu berintik hitam
- Zahar memutuskan untuk melenyapkan spesies Morgan – Morganlah yang menjadi punca ulat bulu itu membiak

Misi Baharu

- Zahar menyimpan tekad untuk menyelesaikan masalah yang melanda kampungnya
- Kemarahan penduduk kampung perlu diredakan segera
- Selagi masalah ulat bulu tidak selesai selagi itulah Zahar risau
- Zahar teringat akan kata-kata ibunya pada malam sebelum ibunya bertolak ke Alor Gajah pada keesokannya – ibunya menyarankan Zahar memusnahkan makmalnya supaya orang kampung tidak mengata mereka lagi
- Zahar percaya bahawa kata-kata ibunya bukan dari hati – tentu ibunya sudah begitu runsing
- Zahar bangun – melangkah masuk – menuju ke sarang Morgan
- Zahar mencapai peralatan makmalnya
- Zahar yakin Morganlah penawar bagi serangan ulat di kampungnya

Selamat Tinggal, Morgan

- Zahar terlena di sofa di dalam makmalnya
- Malam tadi dia telah melakukan eksperimen dan sedang menunggu hasil tindak balasnya
- Zahar tersentak bangun
- Tiba-tiba Zahar teringat akan bahan uji kajinya semalam
- Zahar berasa sangat sedih kerana terpaksa mengorbankan Morgan
- Tiba-tiba Zahar dikejutkan oleh bunyi yang kuat – bunyi sesuatu jatuh ke tanah
- Zahar menyangka bahawa bunyi tersebut ialah buah durian gugur
- Zahar kembali ke tempat Morgan – ulat itu memang sudah tidak bernyawa
- Perlahan-lahan Zahar mengemaskan mejanya – perlu bersiap-siap untuk menghadiri kuliah
- Zahar keluar dan mengunci makmal – oleh sebab tergesa-gesa, kunci terlepas dari tangan Zahar
- Zahar terpancang puntung rokok yang masih membara di tanah – kehairanan
- Zahar tertanya-tanya siapa yang datang ke situ tadi
- Puntung rokok itu tentu ada kaitannya dengan bunyi benda jatuh yang didengarnya ketika leka memerhatikan Morgan
- Zahar menganggap bahawa semua itu mainan perasaannya sahaja

Tertewas

- Dalam perjalanan menuju tempat kuliah, fikiran Zahar berputar mengenangkan Morgan yang telah dikorbankannya malam tadi
- Fikri, Malcom, dan Mawar pasti terkejut mendengar perkhabarannya itu nanti
- Zahar menerangkan bahawa dia terpaksa mengorbankan Morgan kerana penawar yang dicarinya terdapat dalam badan Morgan
- Menurut Zahar lagi, Morgan bahaya – dia terpaksa memusnahkan Morgan kerana penawar yang diciptanya pun belum tentu dapat membunuh Morgan – spesiesnya akan membiak dan merangsang pembiakan ulat bulu berintik hitam yang lain

- Akhirnya, Fikri memahami penjelasan Zahar
- Selepas kuliah tamat, Zahar segera pulang ke rumah
- Sewaktu masuk ke dalam makmal, Zahar panik kerana bahan uji kajinya, botol cecair racun, dan buku formulanya hilang
- Zahar dan Fikri melakukan siasatan dan mendapati Ripinlah yang bertanggungjawab
- Keesokannya pagi-pagi lagi, Zahar dan Fikri ke balai polis untuk membuat laporan
- Seminggu selepas laporan polis dibuat, Zahar dikejutkan dengan berita penangkapan Ripin
- Kegiatan haram Ripin dan beberapa orang anak muda kampung yang bersekongkol dengannya terbongkar – mereka didapati mengusahakan tapak benih cambah sawit secara haram
- Seluruh kampung gempar dengan berita penangkapan Ripin dan kawan-kawannya, serta jenayah yang dilakukan oleh mereka
- Berita yang paling menggembirakan Zahar, semasa pengeledahan dibuat di stor Ripin, pihak polis menemui bahan penting yang hilang seminggu yang lalu

Pertemuan yang Tidak Terduga

- Pihak Majlis Perbandaran Daerah Pontian dan Jabatan Kesihatan Pontian mula menjalankan operasi penghapusan ulat bulu
- Penduduk kampung berasa lega – suasana tenteram kembali
- Hari yang paling dinanti-nantikan tiba
- Kemenangan Zahar kali ini amat bermakna
- Sempena kempen memanggil pulang saintis Malaysia yang berkhidmat di luar negara, majlis diadakan pada hari itu turut mengundang saintis negara yang tersohor, wakil dari Universiti Oxford, London – beliau seorang anak tempatan yang telah lama berhijrah ke luar negara
- Tokoh berkenaan akan mengenal pasti penuntut yang layak menerima Biasiswa Kerusi Canselor, seterusnya melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Tinggi (Doktor Falsafah)
- Zahar dipersilakan naik ke pentas
- Zahar diumumkan sebagai penerima Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor mewakili salah seorang pelajar Asia
- Profesor Dr. Baharuddin dijemput naik ke pentas untuk menyampaikan anugerah tersebut
- Zahar seperti mengenali lelaki di hadapannya – Zahar memanggil lelaki itu “ayah”
- Zahar dan Dr. Baharuddin berpelukan
- Dr. Baharuddin menghampiri Qistina – meminta maaf kepada Qistina
- Dr. Baharuddin menyatakan hasratnya untuk memperisteri Qistina semula
- Serangan ulat bulu berintik hitam mempunyai hikmah yang tersembunyi
- MONPUS bukan sahaja telah menyelamatkan nyawa tetapi telah menyambung kembali hubungan yang terputus

Tema

Kegigihan seorang mahasiswa dalam membuat penyelidikan untuk menyelamatkan nyawa manusia yang diancam oleh serangan ulat bulu.

Persoalan

- (a) Kepentingan ilmu sains dalam kehidupan.
- (b) Hubungan kasih sayang dalam keluarga.
- (c) Sikap dendam yang memudaratkan diri.
- (d) Kepercayaan tahayul dalam kalangan masyarakat.
- (e) Ketabahan dan keberanian untuk berjaya.
- (f) Pencemaran alam sekitar yang membawa kesan negatif kepada masyarakat.
- (g) Gejala sosial dalam kalangan anak muda di kampung.

Watak dan Perwatakan

Zahar

- (a) Anak tunggal dalam keluarga.
- (b) Berumur 22 tahun.
- (c) Amat menyayangi ibunya yang hidup tanpa suami.
- (d) Mempunyai minat yang sangat mendalam terhadap serangga sejak kecil lagi.
- (e) Mengambil jurusan Biologi di Fakulti Sains Hayat, Universiti Teknologi Malaysia.
- (f) Seorang yang gigih, rajin, dan tabah dalam menjalankan penyelidikan sains berkaitan dengan kehidupan serangga.
- (g) Berani.
- (h) Suka membantu orang lain.
- (i) Bijak.

Qistina

- (a) Ibu kepada Zahar.
- (b) Seorang yang cantik dan bergaya walaupun umurnya telah mencecah 40-an.
- (c) Bekerja sebagai guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Sri Yasin.
- (d) Guru yang berdedikasi, rajin, dan komited terhadap kerjaya.
- (e) Penyayang.
- (f) Pemaaf.

Profesor Dr. Baharuddin

- (a) Ayah kepada Zahar dan bekas suami kepada Qistina.
- (b) Seorang saintis yang terkenal di Universiti Oxford London.
- (c) Berhijrah dari Malaysia selepas berpisah dengan Qistina.
- (d) Kurang bertanggungjawab terhadap keluarga.
- (e) Insaf atas kesalahannya.

Mawar

- (a) Rakan sekuliah Zahar.
- (b) Merupakan anak sulung daripada lima beradik.
- (c) Seorang gadis yang cantik, lemah lembut, tertib, dan sopan.
- (d) Penyayang.
- (e) Bijak.

Munirah

- (a) Rakan sekuliah Zahar.
- (b) Kuat cemburu.
- (c) Menyimpan perasaan terhadap Zahar.

Fikri

- (a) Rakan sekuliah Zahar. (c) Baik hati.
- (b) Sahabat baik Zahar. (d) Menghormati orang tua.

Malcom Tan

- (a) Rakan sekuliah Zahar. (c) Baik hati.
- (b) Sahabat baik Zahar. (d) Menghormati orang tua.

Ripin

- (a) Pendendam. (b) Kuat cemburu. (c) Busuk hati.

Faridah

- (a) Salah seorang murid Cikgu Qistina.
- (b) Suka membantu guru.
- (c) Anak tunggal dalam keluarganya.
- (d) Bertubuh kecil, berwajah bujur sirih, dan bermata galak.
- (e) Bijak dan cerdas.
- (f) Anak saudara kepada Profesor Dr. Baharuddin.

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Pengarang memperkenalkan watak Zahar dan ibunya, Qistina. Zahar mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dalam bidang Biologi, Fakulti Sains Hayat di Universiti Teknologi Malaysia. Minatnya amat mendalam terhadap serangga terutamanya spesies ulat bulu dan rama-rama.
- (b) Perkembangan – Zahar berasa sedih kerana ulat bulunya yang bernama Pus Pus semakin tenat dan memaksa Zahar mencari penggantinya. Zahar bersama dengan rakannya, Malcom ke Taman Paya Bakau di Tanjung Piai untuk mencari spesies ulat bulu tersebut. Kemudian, Zahar meneruskan pencariannya di Kem Kaizen bersama dengan Malcom dan Fikri. Namun begitu, mereka tidak berjaya. Akhirnya, Zahar dan rakan-rakannya ke Pulau Pisang. Mereka berjaya menemui spesies Monarch. Cantuman tisu Pus Pus dan Monarch telah menghasilkan ulat bulu yang cantik. Zahar menamakan spesies baharu tersebut Morgan.
- (c) Perumitan/Konflik – Beribu-ribu ulat bulu menyerang Kampung Maju Jaya. Penduduk kampung terkena penyakit. Ripin dan beberapa orang pemuda kampung datang ke rumah Zahar. Mereka menuduh Zahar sebagai punca serangan ulat bulu. Ibu Zahar, Qistina berjanji akan memanggil pihak Jabatan Kesihatan untuk menyasat kejadian yang berlaku. Dua hari selepas itu, Unit Kawalan Bawaan Vektor, beberapa orang pegawai kesihatan, dan pihak polis dari Unit Forensik datang ke Kampung Maju Jaya. Mereka menggeledah makmal Zahar tetapi tidak menjumpai apa-apa selain ulat bulu dan pelbagai jenis rama-rama.
- (d) Klimaks/puncak cerita – Formula ciptaan Zahar hilang. Zahar dan Fikri melakukan siasatan. Hasil siasatan yang dilakukan mereka mendapati bahawa Ripinlah yang bertanggungjawab. Zahar dan Fikri ke balai polis untuk membuat laporan.
- (e) Peleraian – Zahar berjaya mencipta formula MONPUS gabungan ekstrak cecair antara Morgan dan Pus Pus. Formula ciptaan Zahar berjaya menghapuskan ulat-ulat bulu di Kampung Maju Jaya. Ripin pula telah ditangkap oleh pihak

polis atas jenayah yang dilakukannya. Cerita berakhir dengan kegembiraan apabila Zahar berjaya menerima Anugerah Sains Negara yang disampaikan oleh ayahnya sendiri. Zahar juga berjaya memperoleh Biasiswa Kerusi Canselor daripada Universiti Oxford London. Kegembiraan Zahar makin bertambah apabila ayahnya melamar ibunya semula.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan sikap Zahar yang sangat suka bermain dengan serangga sejak kecil lagi.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, Zahar berbual dengan Malcom tentang sumbangan pokok bakau sewaktu mereka ke Taman Paya Bakau di Tanjung Piai.
- (c) Teknik imbas kembali. Contohnya, Zahar teringat akan saat perkenalannya dengan Mawar seminggu selepas mereka memulakan kuliah di Universiti Teknologi Malaysia.
- (d) Teknik suspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya tentang keadaan Zahar setelah dia terkena pisau lipat yang dilibatkan oleh Ripin ke badan Zahar.
- (e) Teknik kejutan. Contohnya, pembaca terkejut apabila mengetahui orang yang menyampaikan Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor kepada Zahar ialah ayahnya sendiri.

Latar

Latar Tempat

- (a) Makmal kecil di sebelah rumah Zahar.
- (b) Rumah Zahar di Kampung Maju Jaya.
- (c) Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Yasin.
- (d) Kem Kaizen.
- (e) Pulau Pisang.
- (f) Balai raya.
- (g) Kedai kopi Pak Mail.

Latar Masa

- (a) Waktu pagi. (c) Waktu malam.
- (b) Waktu petang. (d) Waktu subuh

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan.
- (b) Masyarakat kampung yang menjalankan kerja pertanian dan perladangan.
- (c) Masyarakat yang terdiri daripada pebagai bangsa.
- (d) Masyarakat yang terdiri daripada pelajar dan guru.
- (e) Masyarakat yang suka berdendam.
- (f) Masyarakat yang terdiri daripada penuntut universiti.
- (g) Masyarakat yang percaya kepada bomoh dan perkara tahayul.
- (h) Masyarakat yang pemaaf.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Personifikasi. Contohnya, *Bahang yang mula menggigit membuatkan penghuni yang berada di dalam bangunan yang berupa makmal kecil itu mulai resah; Burung-burung berkicauan menyambut kedatangan pagi.*
- (b) Metafora. Contohnya, *lautan masa; kotakingatan; tirai kehidupan.*
- (c) Simile. Contohnya, *Cinta, seperti kerja, amat meletihkan; Cahaya itu tiba-tiba menebar tak ubah seperti renjatan dalam filem 'X-Ray'; Tiba-tiba perasaan Fikri seperti dihempap beban yang berat.*
- (d) Peribahasa. Contohnya, *ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi; bagai ikan pulang ke lubuk; seperti mencurahkan air ke daun keladi.*
- (e) Inversi. Contohnya, *Beberapa minit kemudian, mereka sudah memasuki pekarangan sekolah; Hampir mabuk mereka menghabiskan udang yang memenuhi piggan mi udang Wak Sino.*

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, Zahar amat menyayangi ibunya dan sanggup berulang-alik dari rumah ke kampus kerana tidak mahu ibunya tinggal sendirian di rumah.
- (b) Keberanian. Contohnya, Zahar dan rakan-rakannya berani menjelajah Pulau Pisang yang terlalu banyak kisah seramnya semata-mata untuk membuat kajian tentang ulat bulu.
- (c) Kesabaran. Contohnya, Zahar begitu sabar mencari formula untuk menyelamatkan penduduk kampungnya daripada serangan ulat bulu.
- (d) Berhemah tinggi. Contohnya, Qistina tidak pernah menyimpan perasaan dendam terhadap Baharuddin malah memaafkan bekas suaminya itu.
- (e) Kebijaksanaan. Contohnya, Zahar sentiasa melakukan kajian dan inovasi untuk membantu masyarakat.

Pengajaran

- Kita mestilah menyayangi ibu yang telah banyak berjasa kepada kita. Contohnya, Zahar amat menyayangi ibunya, Qistina yang telah mengasuhnya sejak dia ditinggalkan oleh ayahnya.
- Kita haruslah bersabar dalam melakukan sesuatu perkara. Contohnya, Zahar begitu sabar mencari formula untuk menyelamatkan penduduk kampung daripada serangan ulat bulu.
- Kita tidak seharusnya menyimpan dendam terhadap orang lain. Contohnya, Ripin berdendam terhadap Zahar yang telah membelasahnya sehingga sanggup mencuri formula ciptaan Zahar.
- Kita janganlah membuat tuduhan melulu tanpa bukti. Contohnya, penduduk kampung yang dihasut oleh Ripin menuduh Zahar sebagai punca serangan ulat bulu di Kampung Maju Jaya.
- Kita hendaklah insaf atas kesalahan yang kita lakukan. Contohnya, Dr. Baharuddin meminta maaf atas kesalahannya kepada bekas isterinya, Qistina.



4 JALAN KE PUNCAK (Juri Durabi)

Edisi: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak

Sinopsis

Laiman pemuda dari Sabah menuntut ilmu untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan. Dia dihantar ke syarikat Shell di Sarawak untuk menjalani latihan. Dia memang berkeupayaan untuk maju dalam bidang yang dipelajarinya. Dalam latihan, Laiman bekerja sungguh-sungguh, tetapi impiannya lain daripada itu. Di tempat latihan itu, Laiman akrab dengan gadis yang bernama Soniah, yang juga masih belajar. Hal ini menimbulkan rasa cemburu kawannya yang bernama Muluk. Soniah merasakan ada sesuatu yang tidak kena antara Laiman dan Muluk, tetapi dia menyembunyikannya.

Soniah pernah tersilap menyebut nama Muluk. Apabila ditanya oleh Laiman, Soniah tidak mahu bercerita apa-apa tentang Muluk.

Ketika Laiman tiada di tempat kerja kerana pergi ke Kuching, tangki minyak shell terbakar. Ada telahan kononnya Laiman yang merancang pembakaran tangki minyak itu sebelum dia ke Kuching. Pengurus syarikat sendiri pun mengesyaki Laiman. Walau bagaimanapun, setelah mendapat keterangan daripada Laiman, pengurus syarikat percaya bahawa Laiman tidak bersalah.

Setelah tamat belajar, Laiman balik ke kampungnya. Bagi Laiman, ijazah yang diperolehnya bukanlah tiket untuk dia mencari pekerjaan bergaji tetap. Dia memikirkan projek yang sentiasa ada dalam fikirannya sejak dahulu. Apabila mendapat tawaran untuk bekerja di jabatan pertanian, Laiman menolaknya. Tindakan Laiman itu menimbulkan rasa hairan dalam hati sepupunya Milan. Hal tersebut menimbulkan kemarahan ayah Laiman, Pak Kiassim juga. Pak Kiassim yakin bahawa bekerja makan gaji adalah yang terbaik bagi lulusan universiti. Fikiran Laiman ketika itu tertumpu pada projek ternakan lebah madu dan ternakan ikan air tawar. Dia merancang untuk membuat projek ternakan ikan air tawar di tanah paya bersebelahan tanah Pak Sahok. Ternakan lebah madu tidak menjadi masalah bagi Laiman kerana projek tersebut tidak memerlukan kawasan yang luas. Di samping itu, dia menanam tembikai juga.

Kemarahan Pak Kiassim menjadi-jadi apabila dilihatnya Laiman tidak beroleh apa-apa kemajuan. Namun begitu, Laiman tetap dengan pendiriannya. Dia berpakat dengan Milan untuk terus bergerak maju. Pada mulanya, Milan juga kurang bersemangat. Milan menjadi yakin dan bersemangat apabila melihat Laiman tidak pernah berputus asa. Mereka bersama-sama meminta izin Pak Sahok untuk melaksanakan projek di sebelah tanah Pak Sahok, tetapi Pak Sahok tidak mengizinkan. Laiman tahu bahawa Pak Sahok bukan pemilik tanah yang dicita-citakannya itu. Namun begitu, dia tidak mahu bermusuhan dengan Pak Sahok.

Milan makin bersemangat seperti Laiman. Tanaman tembikai ada kemajuan. Laiman masih memikirkan projek lain, iaitu kebun limau dan kelapa. Milan bimbang kerana fikiran Laiman terlalu bercabang-cabang, tetapi Laiman yakin dengan caranya. Menurutnya, kerjanya yang banyak akan dibantu oleh budak-budak yang gagal dalam persekolahan. Hal tersebut tentu akan menyenangkan hati ibu bapa budak-budak itu.

Setelah masa berlalu agak lama, Pak Kiassim dapat menerima usaha Laiman. Dia telah melihat kejayaan Laiman dalam bidang penanaman tembikai. Pak Sahok masih enggan mengizinkan

Laiman menggunakan tanah paya di sebelah tanahnya untuk maksud ternakan ikan air tawar. Hasil perundingan dengan Pak Kiassim, Pak Sahok kemudiannya bersetuju.

Laiman memulakan projeknya. Paya itu diperdalam menggunakan jentera pengorek. Setelah segala-galanya elok, Laiman menambah bidangnya lagi. Sebahagian daripada tempat itu digunakan oleh Laiman untuk ternakan ikan air tawar, manakala sebahagian lagi untuk ternakan udang harimau. Laiman menyerahkan urusan kebun tembikai kepada ayahnya.

Masalah dalam perusahaan merupakan perkara biasa. Masalah yang menimpa Laiman ialah dua orang anak muda yang dilatihnya, iaitu Kedek dan Muali, meninggalkannya untuk membuka perusahaan sendiri. Laiman tidak kecewa, kerana sekurang-kurangnya dia telah berjaya melatih orang lain bekerja.

Kejayaan Laiman makin cemerlang apabila Jabatan Petanian berjanji untuk membantunya memperbesar perusahaan ternakan ikan air tawarnya. Ketika itu, Laiman teringat akan Soniah, gadis yang akrab dengannya semasa dia berada di Sarawak dulu.

Inti Pati Bab

Bab 1: Bagaimana Mimpi

- Laiman pelajar dari Sabah, menjalani latihan industri di Sarawak – mengambil bidang Kejuruteraan
- Laiman dihantar membuat latihan praktikal di sebuah syarikat minyak
- Di situ dia berkawan baik dengan Sukri – bercerita kepada Sukri bahawa dia akan berehat selepas tamat pengajian nanti
- Jika ada tawaran bekerja dari mana-mana syarikat, Laiman tidak akan menerimanya dengan cepat
- Sukri hairan memimikirkan sikap Laiman – kebanyakan pelajar akan memikirkan pekerjaan setelah tamat belajar di universiti, tetapi Laiman hendak berehat
- Laiman teringat akan kawannya yang bernama Chow Chin – pemuda itu belajar di universiti hingga tamat – membuka perniagaan kereta terpakai – ejen import eksport – mengusahakan hotel – menjadi jutawan
- Dalam bidang pekerjaan, Laiman menjadikan Chow Chin sebagai contoh
- Laiman tahu bahawa ada juga pemuda yang gagal belajar di pusat pengajian tinggi, berjaya dalam hidup – pemuda itu bekerja di bengkel kereta milik orang lain, kemudian membuka bengkel sendiri
- Laiman tertarik pada pekerjaan sedemikian – pada pandangan Laiman, orang yang berijazah atau tidak berijazah, akan maju jika bijak dan rajin berusaha – yang penting ialah bekerja kuat

Bab 2: Sesal

- Pengurus syarikat minyak tempat Laiman membuat latihan praktikal menyukai Laiman kerana kecekapannya
- Kerja yang diberikan kepada Laiman dapat disiapkan dengan baik dan cepat
- Laiman tidak berbangga diri apabila dipuji
- Laiman akrab dengan seorang gadis bernama Soniah – selepas makan di restoran, mereka: berjalan-jalan ditemani adik sepupu Soniah – berbual-bual tentang tugas yang perlu disiapkan – membincangkan hal yang berkaitan dengan untung rugi syarikat – bercakap tentang hal perangai manusia yang suka saling menjatuhkan, walaupun kawan sendiri – Soniah menyebut nama Muluk, menyebabkan Laiman mahu tahu tentang lelaki itu – Soniah tidak menyatakan alasan dia menyebut nama Muluk
- Pada anggapan Laiman, Muluk memang bersikap aneh, berlainan daripada kawan-kawannya yang lain
- Sebenarnya, Soniah ada sesuatu yang hendak dikatakan kepada Laiman tentang Muluk – namun, dia berfikir panjang lalu menutup perkara itu
- Setelah berpisah dengan Soniah, Laiman masih teringat akan Muluk

Bab 3: Musibah

- Tangki minyak yang dibaiki oleh Laiman dua minggu yang lepas, tiba-tiba terbakar
- Laiman berada di Kuching semasa loji itu terbakar
- Peristiwa demikian tidak pernah berlaku sebelumnya
- Sukri bimbang kalau-kalau Laiman dituduh melakukan sabotaj
- Pengurus syarikat berasa amat marah dan bertanyakan tempat Laiman pergi
- Sukri tidak dapat mengagak perkara yang akan berlaku kepada Laiman

- Kekusutan fikiran Sukri dikesan oleh isterinya, Misah – Sukri tidak bercerita tentang perkara yang berlaku kepada isterinya
- Sukri tahu bahawa Laiman pemuda yang baik – tidak mungkin Laiman membakar tangki minyak itu – pada fikiran Sukri, ada orang yang khianat kepada Laiman
- Sukri menemui Laiman setelah Laiman balik dari Kuching
- Laiman juga hairan memikirkan kebakaran itu – dia tidak ada kena-mengena dengan kebakaran itu
- Sukri meminta Laiman bercerita kepada pengurus

Bab 4: Hasrat

- Laiman berbual-bual dengan Soniah di sebuah restoran
- Ada seorang tua memerhatikan mereka
- Laiman terfikir, mungkin orang tua itu ada firasat.
- Laiman dan Soniah bercakap-cakap tentang rancangan masing-masing
- Laiman meminta Soniah berfikir sendiri tentang rancangan yang benar-benar diimpikan-impikannya
- Soniah mempunyai sikap yang hampir sama dengan sikap Laiman – berpendapat bahawa usaha hendaklah dilaksanakan dengan tekun – manusia hendaklah memilih jalannya sendiri
- Laiman agak terperanjat apabila mengetahui Soniah juga mengambil bidang Kejuruteraan
- Apabila Laiman mengatakan bidang itu susah, Soniah agak tersinggung kerana dia merasakan Laiman merendahkan kemampuan wanita
- Namun begitu, perbualan mereka mesra kembali
- Apabila keluar dari restoran, barulah mereka bercakap tentang kebakaran tangki minyak
- Laiman mengatakan bahawa pengurus tidak menyalahkannya – dia memang tiada di tempat kerja, bahkan berada jauh ketika kebakaran berlaku – syarikat terpaksa menanggung kerugian

Bab 5: Pulang

- Setelah pulang ke kampungnya di Sabah, Laiman berubah

Bab 6: Tentangan

- Bapa Laiman, Pak Kiassim, tidak suka Laiman menjalankan kerja-kerja kampung, misalnya di ladang – mahu anaknya itu bekerja di pejabat, makan gaji
- Laiman mempunyai pandangan yang berlainan sama sekali
- Laiman juga selalu teringat akan Muluk yang selalu memandangnya dengan perasaan tertentu – hal itu dikaitkan oleh Laiman dengan kebakaran tangki minyak – dia mendapat tahu bahawa Muluk sudahpun diberkas polis – rupa-rupanya Muluk cemburu melihat Laiman dan Soniah akrab bagaikan pasangan kekasih semasa berada di Sarawak
- Milan, sepupu Laiman membawa berita bahawa Laiman ditawarkan bekerja di Jabatan Pertanian – jawatan itu sesuai dengan kelulusan Laiman
- Laiman tidak menyambut berita itu dengan gembira – Laiman lebih suka bercakap tentang projek yang ada dalam fikiranannya – dia bercadang hendak menternak lebah madu dan ikan air tawar – tempat ternakan ikan air tawar bersebelahan dengan tanah Pak Sahok
- Milan bimbang kalau-kalau Pak Sahok tidak mengizinkan Laiman melaksanakan hasratnya di situ

Bab 7: Resah

- Penolakan Laiman terhadap tawaran pekerjaan bergaji menimbulkan kemarahan bapanya, Pak Kiassim – mengatakan bahawa Laiman menolak rezeki
- Laiman mengatakan bahawa belum sampai masa untuk dia menerima tawaran seperti itu – jawapan itu tidak menyenangkan Pak Kiassim
- Apabila Laiman mengatakan bahawa dia mahu berehat, Pak Kiassim bertambah marah – mengungkit pengorbanan nenek dan abang Laiman
- Laiman tidak tahan mendengar leteran bapanya – meninggalkan rumahnya – pergi menemui sepupunya Milan
- Dalam perbualan dengan Milan, Laiman mendapati sepupunya itu berada di pihak bapanya – berasa kecewa dan berkecil hati
- Milan pandai memujuk Laiman dan berjanji akan membantunya

Bab 8: Tekad

- Rancangan Laiman untuk menternak ikan air tawar menghadapi masalah – Pak Sahok tidak mengizinkan dia menggunakan tanah paya di sebelah tanahnya
- Laiman tahu bahawa tanah paya itu bukan milik Pak Sahok tetapi dia menghormati Pak Sahok
- Selagi keizinan Pak Sahok tidak diperoleh, Laiman tidak akan menggunakan kawasan paya itu

- Laiman dan Milan berbincang tentang pilihan-pilihan lain
- Setelah membincangkan projek ikan, mereka beralih kepada perkara kebun tembikai – kawan Laiman dari Kota Kinabalu akan membeli tembikai yang diusahakannya
- Selain berbincang tentang kebun tembikai, mereka berbincang tentang rancangan ternakan lebah madu juga
- Milan merasakan bahawa rancangan mereka terlalu banyak dan dia bimbang kalau-kalau tidak terkawal
- Laiman mengatakan bahawa tenaga budak-budak yang gagal dalam persekolahan dapat digunakan – ibu bapa budak-budak itu akan berasa gembira kerana anak-anak mereka ada kerja

Bab 9: Pujuk

- Laiman susah hati kerana rancangan ternakan ikan air tawar masih tidak dapat dimulakan – dia dan Milan tetap gagal memujuk Pak Sahok agar bersetuju
- Laiman dan Milan terus memikirkan tempat-tempat lain tetapi tiada yang sesuai
- Laiman terfikir untuk terus memujuk Pak Sahok
- Pada sebelah malamnya, Pak Kiassim menegur anaknya Laiman – bertanya kemajuan Laiman – apabila Laiman menunjukkan rasa dukacita, Pak Kiassim menyebutkan hal-hal yang lepas
- Laiman mengatakan bahawa Pak Sahok merupakan penghalang, walaupun tanah yang diingini itu bukan tanah Pak Sahok
- Pak Kiassim bersetuju bahawa tanah itu memang bukan tanah Pak Sahok
- Perbualan Laiman dengan bapanya kian mengarah kepada perdamaian
- Apabila Pak Kiassim bertanya tentang kebun tembikai, Laiman mengatakan projek itu berjaya
- Laiman terperanjat apabila Pak Kiassim mengatakan bahawa dia akan pergi memujuk Pak Sahok agar bersetuju dengan rancangan Laiman

Bab 10: Harapan

- Projek tembikai Laiman berjaya – pihak jabatan pertanian tertarik – berjanji akan membantu Laiman
- Ketika pegawai pertanian bercakap tentang tembikai, fikiran Laiman masih tertumpu pada projek ternakan ikan air tawar yang menjadi keutamaannya – dia ingin mendengar keputusan rundingan antara bapanya dengan Pak Sahok
- Pak Kiassim pulang dengan wajah yang menampakkan kejayaan
- Pak Kiassim menyuruh Laiman sendiri pergi mendengar keputusan Pak Sahok
- Pak Sahok menyatakan persetujuannya kepada Laiman – sedar bahawa kejayaan Laiman dapat ditumpang oleh orang kampung, tua dan muda
- Sebulan kemudian, jentera pengorek tanah didatangkan oleh jabatan pertanian
- Laiman mengupah anak-anak muda bekerja untuk menggerakkan projek itu
- Apabila air kolam yang baru dikorek itu jernih, Laiman melepaskan ikan ternakan yang telah dibekalkan kepadanya – di sebelah tempat ikan itu, dia melepaskan udang harimau
- Laiman menumpukan perhatian terhadap ternakan ikan dan udang itu, manakala kebun tembikai diserahkan kepada bapanya untuk dijaga
- Pada masa yang sama, Soniah akan menyertai latihan sambil belajar, dihantar oleh pihak universiti
- Laiman mengetahui perkembangan Soniah sebagai pelajar universiti kerana mereka sering berhubung melalui surat

Bab 11: Galau

- Milan berasa susah hati kerana Kedek dan Muali membuat keputusan akan meninggalkan projek mereka – kedua-dua orang pemuda itu dihantar oleh Laiman menjalani latihan untuk menjadi tenaga kerja dalam melaksanakan projek Laiman dan Milan
- Kedek dan Muali mengatakan bahawa mereka akan memulakan projek lain, projek mereka sendiri
- Apabila hal itu dinyatakan oleh Milan kepada Laiman, Laiman tidak menunjukkan rasa kecewa
- Bagi Laiman, masalah sedemikian adalah masalah biasa – dia mendoakan semoga Kedek dan Muali akan berjaya
- Milan bersusah hati kerana baginya Kedek dan Muali tidak wajar berbuat begitu
- Laiman menasihati Milan agar tidak berdendam

Bab 12: Tabah

- Mail, abang Laiman balik dari bandar
- Apabila Laiman balik, Mail sedang tidur – agak lama kemudian, Mail terjaga dan mereka berbual-bual
- Pak Kiassim menyuruh Laiman dan Mail ke Kampung Bawang – mereka akur
- Apabila ada kematian, terdapat adat berjaga tujuh hari – Laiman tidak keberatan dengan adat itu, tetapi dia tidak suka apabila orang bermain terup semasa berjaga itu
- Sebelum Mail pulang ke Kota Marudu, dia sempat bercakap tentang beberapa perkara dengan Laiman
- Mail juga meninjau kolam ternakan ikan air tawar
- Pesanan penting daripada Mail ialah Laiman perlu bersungguh-sungguh melakukan kerja – jangan mempedulikan cemuhan orang kampung

Bab 13: Lumayan

- Laiman membawa kuih ke Gerai Pitas – berniaga kuih kerana urusan penjagaan kolam ternakan ikan tidak banyak – lagipun urusan itu telah diserahkan kepada seorang pemuda kampung – Laiman berfikir tentang apa-apa sahaja yang dapat menghasilkan pendapatan – dia mencari pisang dan kelapa – membelinya – menjualnya kepada kawannya di Kota Kinabalu
- Milan dan Laiman saling mempercayai – akaun wang simpanan 'syarikat' ditunjukkan oleh Laiman kepada Milan, walaupun Milan tidak meminta untuk melihatnya
- Laiman berjanji, apabila wang simpanan sudah cukup banyak, wang itu akan dibahagikannya sama rata
- Wang simpanan mereka menjangkau RM10,000.00
- Laiman bercadang hendak membeli lori

Bab 14: Sinar

- Laiman memikirkan kejayaan kaum lain, dan dia tidak terfikir untuk mengikut jalan mereka
- Laiman memilih untuk bercucuk tanam sebagai kerja sambilan – dua tidak risau kerana kolam ikannya akan mengeluarkan hasil tidak lama lagi
- Laiman dan Milan memikirkan pembelian sebuah lori
- Laiman berterima kasih kepada Pak Sahok kerana menyokong usahanya
- Pak Sahok berasa agak malu kerana pada masa lepas dia tidak menyokong projek Laiman
- Bagi Laiman, projek ternakan ikan air tawar bukanlah projeknya seorang – mujurlah dia menjadi peraih pisang, kelapa, dan produk-produk lain yang dapat mendatangkan hasil
- Laiman memberitahu Pak Sahok bahawa lori yang diidam-idamkannya akan tiba tidak lama lagi
- Tidak lama kemudian, lori itu pun menjadi milik Laiman
- Lori itu berharga RM13 000, tetapi Laiman membayar RM7000 dahulu – bakinya akan dibayar oleh Laiman secara angsuran tiap-tiap bulan
- Dengan adanya lori, Laiman mudah pergi ke kawasan-kawasan yang jauh di kampung itu untuk mendapatkan barang-barang.

Bab 15: Impian Terlaksana

- Laiman berjaya sebagai penternak ikan air tawar, pemilik kedai makan, dan pemborong kelapa
- Orang kampung memujinya dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian selalu mengunjungi projeknya
- Laiman menjadi contoh kepada anak-anak muda
- Dia memberikan tunjuk ajar kepada Kedek dan Muali yang meninggalkannya
- Laiman mendapat tahu bahawa Soniah, gadis Sarawak kawannya itu akan berpindah ke Kota Kinabalu kerana membantu menguruskan syarikat bapa saudaranya
- Laiman amat berharap agar Soniah datang kerana dia merindui gadis itu
- Ketika Laiman sedang bermenung membayangkan Soniah, Milan datang – membawa surat dari Jabatan Pertanian
- Laiman membuka surat itu – terperanjat dan gembira kerana surat itu menyatakan bahawa projek ikan air tawar yang diusahakannya akan dijadikan projek contoh di daerah itu – ada kemungkinan projek itu akan dapat diperbesar dan menjadi projek terbesar di Sabah

Tema

Kesungguhan dan kegigihan seorang anak muda berkelulusan universiti bercita-cita untuk menjadi usahawan muda.

Persoalan

- (a) Kasih sayang dalam keluarga.

- (b) Kepentingan pelajaran dalam kehidupan.
(c) Pengorbanan untuk keluarga.
(d) Sikap mengutamakan kerjaya sebelum bercinta.
(e) Kemiskinan dalam kalangan masyarakat.
(f) Kegigihan dalam melaksanakan pekerjaan.

Watak dan Perwatakan

Laiman

- (a) Anak kepada Pak Kiassim.
(b) Mempunyai abang yang bernama Mail dan adik yang bernama Jariah.
(c) Cinta akan ilmu.
(d) Menjalani latihan praktikal di syarikat Shell di Sarawak.
(e) Bercita-cita tinggi.
(f) Mengusahakan projek penternakan ikan air tawar dan penternakan lebah madu.
(g) Berkebutir tembakai, berniaga kuih, pisang, dan kelapa.
(h) Tabah.
(i) Berprinsip.
(j) Taat akan perintah agama.
(k) Jujur.

Pak Kiassim

- (a) Bapa kepada Laiman.
(b) Tidak bersetuju apabila Laiman mengatakan bahawa dia mahu memulakan projek ternakan ikan air tawar.
(c) Berbangga atas kejayaan Laiman.

Pak Sahok

- (a) Memiliki tanah dekat dengan tanah paya.
(b) Bertani.
(c) Keras hati.

Milan

- (a) Sepupu kepada Laiman.
(b) Baik hati.
(c) Rajin.
(d) Mempunyai semangat setia kawan yang tinggi.

Soniah

- (a) Kawan baik Laiman semasa di Sarawak.
(b) Seorang gadis berketurunan Melanau.
(c) Belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia, sama seperti Laiman.
(d) Bersemangat kental.

Sukri

- (a) Bekerja di sebuah syarikat minyak di Sarawak.
(b) Rapat dengan Laiman semasa Laiman membuat latihan praktikal di syarikat Shell di Sarawak.
(c) Tidak percaya bahawa Laiman membakar tangki minyak dan dia membela Laiman.

Muluk

- (a) Kuat cemburu.
(b) Busuk hati.

Plot

Binaan Plot

- (a) Permulaan – Laiman pemuda yang rajin. Dia menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat minyak. Laiman melakukan tugas yang diberikan kepadanya dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, dia disenangi oleh pengurus dan kawan-kawan di tempat kerjanya itu. Sukri yang bertugas di situ mengajak Laiman makan bersama-sama.
- (b) Perkembangan – Laiman berkawan rapat dengan Soniah yang akan melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama, iaitu kejuruteraan. Soniah menyebut nama Muluk dalam satu perbualan, tetapi kemudian tidak mahu meneruskan cerita tentang Muluk. Hal ini menimbulkan tanda tanya dalam fikiran Laiman tetapi dia terpaksa melupakan hal itu memandangkan Soniah benar-benar tidak mahu bercerita tentang Muluk.
- (c) Perumitan/Konflik – Loji minyak terbakar. Loji itu baru dibaiki oleh Laiman. Namun begitu, mujurlah kebakaran itu berlaku semasa Laiman pergi ke Kuching. Orang yang melakukan sabotaj itu tidak tahu bahawa Laiman tiada di kawasan syarikat semasa kebakaran berlaku. Seterusnya, bapa Laiman memarahi Laiman kerana menolak pekerjaan yang ditawarkan. Pak Kiassim menentang hasrat Laiman membuat projek sendiri juga.
- (d) Klimaks – Muluk ditangkap polis atas tuduhan membakar loji minyak. Dia berbuat demikian kerana cemburu apabila

melihat hubungan mesra antara Laiman dengan Soniah. Pak Sahok mengalah dan mengizinkan tanah paya di sebelah tanahnya digunakan untuk projek ternakan ikan air tawar. Keizinan itu menyebabkan Laiman dan kawan-kawannya dapat bekerja keras. Akhirnya, projek ternakan ikan air tawar itu dianggap projek contoh.

- (e) Peleraian – Laiman hidup senang kerana usahanya membuah hasil. Laiman memikirkan perancangan untuk memulakan hubungan bercorak baharu dengan Soniah.

Teknik Plot

- (a) Teknik pemerian. Contohnya, pengarang memerihalkan hubungan Laiman dengan Sukri yang sudah terjalin erat walaupun baru dua bulan lebih mereka berkawan.
- (b) Teknik dialog. Contohnya, Laiman berbual dengan Milan tentang cadangan Laiman yang mahu mengusahakan projek ternakan lebah madu dan ikan air tawar di tanah paya di sebelah tanah Pak Sahok.
- (c) Teknik saspens. Contohnya, pembaca tertanya-tanya siapakah yang membakar loji minyak.
- (d) Teknik kejutan. Contohnya, pembaca terkejut apabila Pak Sahok menyetujui kehendak Laiman untuk menggunakan tanah paya di sebelah tanahnya dengan mudah setelah Pak Kiassim memujuknya.

Latar

Latar Tempat

- | | |
|----------------------------------------------|---------------------|
| (a) Syarikat minyak di tepi pantai, Sarawak. | (e) Rumah Laiman. |
| (b) Bandar Kuching. | (f) Rumah Milan. |
| (c) Bandar Miri. | (g) Kebun tembikai. |
| (d) Kota Marudu. | (h) Tanah paya. |

Latar Masa

- (a) Waktu siang.
- (b) Waktu malam.
- (c) Waktu lampau.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang kuat bekerja.
- (b) Masyarakat yang miskin dan sederhana.
- (c) Masyarakat yang tegas pendirian.
- (d) Masyarakat yang mampu berubah.
- (e) Masyarakat yang kuat cemburu.
- (f) Masyarakat yang taat akan perintah agama.

Unsur Gaya Bahasa

- (a) Simile. Contohnya, *Pagi esoknya minyak yang belum diproses tumpah **bagaikan** air hujan di tepi-tepi longkang; Laiman **seperti** berputus asa.*
- (b) Peribahasa. Contohnya, *selurus-lurus ekor anjing, ada juga bengkoknya; nasi sudah menjadi bubur; mencontengkan arang ke muka.*
- (c) Personifikasi. Contohnya, *Mata pengurus itu **menikam** lembut wajah Laiman dengan hati yang lega; Tangannya lancar **berlari** di atas tikar yang sudah separuh dianyamnya sejak sebulan lalu.*
- (d) Inversi. Contohnya, *Sebentar lagi dia akan meneruskan kerjanya di luar pula; Di sana dia makan.*

Nilai

- (a) Kasih sayang. Contohnya, nenek Laiman sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan Laiman mendapat pendidikan tinggi.
- (b) Ketabahan. Contohnya, Laiman tabah menghadapi segala dugaan untuk mencapai cita-citanya.
- (c) Tanggungjawab. Contohnya, Sukri menyelia pekerjaan Laiman dengan penuh tanggungjawab semasa Laiman menjalani latihan praktikal di syarikat minyak.
- (d) Baik hati. Contohnya, Laiman tidak menunjukkan sikap marah apabila Kedek dan Muali yang dilatihnya bertindak meninggalkan projek yang akan dibuat.
- (e) Keinsafan. Contohnya, bapa Laiman, iaitu Pak Kiassim insaf setelah memahami pendirian Laiman. Pak Sahok juga insaf lalu bersetuju tanah paya di sebelah tanahnya digunakan oleh Laiman untuk projek ternakan ikan air tawar.

Pengajaran

- (a) Kita hendaklah berusaha sungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan yang cemerlang. Contohnya, Laiman bekerja keras bagi memastikan projeknya berjaya.
- (b) Kita hendaklah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Contohnya, Laiman menyiapkan kerja yang diarahkan oleh pengurus syarikat minyak dengan penuh tanggungjawab.
- (c) Kita hendaklah menerima keputusan orang lain dengan hati terbuka. Contohnya, keputusan Kedek dan Muali untuk meninggalkan projek diterima oleh Laiman dengan hati terbuka.
- (d) Kita hendaklah bersikap jujur dengan rakan sekerja. Contohnya, Laiman menunjukkan akaun simpanan projeknya kepada Milan.